



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 16)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004	(Halaman 16)
Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004	(Halaman 63)
Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004	(Halaman 73)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh,  
P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
- “ Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- “ Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae
- “ Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- “ Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
- “ Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
- “ Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
- “ Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
- “ Dato Mohamad Taha Ariffin (Sarawak)
- “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Tuan M. Krishnan (Dilantik)
- “ Datuk M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
- “ Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
- “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
- “ Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)

- “ Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
- “ Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Dipilih)
- “ Tuan Saravanan a/l Murugan (Dipilih)
- “ Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- “ Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- “ Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Udam @ George Adam Talek (Dilantik)
- “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Zamani bin Haji Sulaiman

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**Penolong Setiausaha**

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Zaiton binti Yaacob

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Syed Azuddin bin Syed Othman

Habibunisah Mohd. Azir

Hairan bin Mohtar

Aisyah binti Razki

Mohd. Izhar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

Mohamed Shahrizan bin Sarif

Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Cik Lee Jing Jing

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

Mejar (B) Mohd Azimi bin Ariffin

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein

Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria

Hindun binti Wahari

Rozaimah binti Mohamad Ariffin

Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Ruhana binti Mohd. Sani

Mazlina binti Ali

Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi

Suhairi bin Othman

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Rabu, 16 Jun 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Tan Cheng Tee** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan hospital kerajaan yang memberi perkhidmatan hemodialisis.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 Jun 2004, terdapat 70 buah hospital kerajaan yang memberikan perkhidmatan hemodialisis. Dijangka pada akhir tahun ini sebanyak 45 buah lagi hospital akan menawarkan perkhidmatan ini. Ini bermakna pada akhir tahun ini dijangka semua hospital kerajaan di seluruh Malaysia akan memberikan perkhidmatan hemodialisis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Tan Cheng Tee:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pesakit buah pinggang kian bertambah dan mesin hemodialisis itu agak tidak cukup di hospital, adakah rawatan ini diberikan keutamaan kepada pesakit dari kakitangan kerajaan ataupun dengan dasar *first come, first serve* untuk keseluruhan pesakit.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah pusat hemodialisis ini kurang. Itulah sebab mengapa kerajaan telah mewujudkan pusat hemodialisis di semua hospital kerajaan. Kerajaan juga menyokong persatuan-persatuan bukan kerajaan untuk mewujudkan pusat hemodialisis ini untuk kebaikan rakyat. Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah untuk memberi bantuan subsidi rawatan *dialysis* dan juga bantuan *matching grant* untuk menubuhkan pusat *dialysis* baru di negara ini.

Bagi tujuan untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit kalau pusat yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan bermakna itu adalah dikendalikan oleh mereka dan mereka akan ikut pesakit yang minta pertolongan itulah. Bagi hospital-hospital kerajaan pula kerajaan juga memberi perkhidmatan kepada mereka tidak kira mereka adakah kakitangan kerajaan mahu pun rakyat Malaysia keseluruhannya. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah terdapat dasar keutamaan, itu soalan tadi. Dasar keutamaan.

**Tuan Lee Kah Choon:** Kita tidak beri apa-apa keutamaan sebab penyakit ini kita kena tengok desakan, *that means the importance of requirement* itu. Sekian.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya, Tuan Lee Kah Choon, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, orang dari parti saya juga. Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** MIC.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** ... soalan saya ialah adakah proses hemodialisis tersebut melibatkan kos atau bayaran oleh tiap-tiap pesakit dan jika begitu, apakah kosnya untuk sesuatu prosedur. Sekian.

**Tuan Lee Kah Choon:** Rawatan hemodialisis ini adalah sangat mahal. Kalau di hospital swasta ia akan dicajkan lebih kurang RM150 sampai RM250 sekali pada tiap-tiap kali dia dirawat. Bagi hospital kerajaan bermakna kita beri percuma seperti yang kita sentiasa berikan perkhidmatan itu, dan bagi pusat-pusat yang dikendalikan oleh persatuan bukan kerajaan kita memberi subsidi iaitu sebanyak RM50 setiap rawatan akan disubsidikan oleh kerajaan dan untuk yang baki itu selalunya pusat-pusat

hemodialisis yang dikendalikan oleh persatuan bukan kerajaan ini selalunya kalau mereka ada kemampuan kewangan mereka akan dibayar juga pusat-pusat ini dan jikalau tidak bermakna pesakit ini kena bayar yang *balance* itu. Sekian.

**2. Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memulihkan kembali tanggapan negatif masyarakat terhadap guru yang gagal di dalam Ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, tanggapan negatif masyarakat terhadap keputusan peperiksaan PTK baru-baru ini adalah disebabkan kurang kefahaman masyarakat serta para guru mengenai matlamat utama peperiksaan PTK iaitu untuk membentuk perkhidmatan awam yang cemerlang melalui kecemerlangan penjawat awam. Ini disebabkan peperiksaan tersebut baru pertama kali diperkenalkan. Kegagalan dalam peperiksaan PTK tidak bererti seseorang penjawat awam termasuk guru tidak kompeten. Pada keseluruhannya mereka adalah kompeten kerana telah mempunyai kelayakan serta kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan tugas berkaitan. PTK adalah merupakan satu kayu pengukur bebas yang menunjukkan kecemerlangan guru bukan sahaja sebagai pendidik tetapi juga sebagai penjawat awam.

Bagi membetulkan kekeliruan ini, Kementerian Pelajaran akan menjalankan strategi untuk memberi kefahaman yang jelas terhadap pemahaman mengenai matlamat PTK terutama yang menekankan kecemerlangan antaranya melalui;

- (a) mengadakan buku panduan dan surat-surat siaran dari masa ke semasa;
- (b) membuat penerangan melalui TV Pendidikan;
- (c) bekerjasama dengan agensi pusat untuk meningkatkan kefahaman dan penyebaran maklumat ke seluruh negara melalui seminar dan perjumpaan dengan kesatuan guru dan kesatuan bukan guru-guru; dan
- (d) menggalakkan guru membuat persediaan yang rapi sebelum menghadapi peperiksaan bagi meningkatkan peratus kelulusan calon.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, hanya 0.9% yang lulus PTK dan pencapaian ini menimbulkan pelbagai reaksi terutamanya terhadap kualiti dan imej guru. Persoalannya, adakah PTK benar-benar mencapai matlamatnya ataupun ianya boleh membawa kesan negatif terhadap imej guru. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengubah sukatan PTK agar lebih relevan dengan perkembangan semasa pendidikan.

Saya rasa PTK perlu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** "Saya rasa..." Itu bukan lagi soalan... [Ketawa]

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Pandangan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup. Tiga komponen soalan tambahan tadi.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penilaian Tahap Kompetensi atau PTK yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah Sistem Saraan Malaysia atau SSM ialah bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni di kalangan pegawai kerajaan termasuk guru. Jadi, walaupun dia pakai nama PTK, 'kecekapan' ataupun 'kompetensi' tetapi ia sebenarnya adalah pengukur kecemerlangan. *It is not just a measure of your efficiency.*

Berdasarkan kajian dan analisis Kementerian saya antara punca-punca mengapa ramai para guru yang gagal dalam peperiksaan PTK pada tahun lalu adalah sebab peperiksaan ini kali pertama diadakan dan ramai di antara calon yang kurang memahami corak soalan serta mereka ini kurang membuat persediaan. Kebanyakan calon beranggapan bahawa tahap lulusnya hanya 55% dan bukannya pada tahap kecemerlangan iaitu 80%. Ramai yang menduduki peperiksaan dengan tujuan hanya mahu mencuba sahaja dan ini menyebabkan terlalu ramai calon memilih untuk mendudukinya walaupun peperiksaan tidak diwajibkan.

Dalam pada itu, calon-calon kesuntukan masa dalam membuat persediaan oleh kerana kesibukan tugas, kesukaran mendapatkan bahan rujukan serta sikap ambil ringan calon sendiri.

Untuk maklum, lulus peperiksaan PTK bukanlah faktor utama yang menentukan seseorang pegawai itu layak dinaikkan pangkat. Malah faktor lain yang akan dilihat dan dipertimbangkan secara bersama adalah faktor-faktor seperti sokongan daripada ketua jabatan, laporan prestasi, tapisan Badan Pencegah Rasuah, kekananan dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup jelas. Mungkin ujian perlu dinamakan semula 'ujian penilaian tahap kecemerlangan', bukan Penilaian Tahap Kecekapan.

**3. Tuan Saravanan a/l Murugan** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk melantik jurubahasa di agensi-agensi kerajaan (*services industries*) seperti EPF, SOCSO, Imigresen dan lain-lain untuk memberi kemudahan kepada mereka yang tidak fasih berbahasa Melayu atau bahasa Inggeris khususnya warga tua.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak melakukan urusan pelantikan jurubahasa di agensi-agensi kerajaan seperti di SOCSO, EPF, Imigresen dan lain-lain. Ini memandangkan urusan pelantikan jawatan berkenaan telah diwakilkuasakan kepada agensi-agensi yang tersebut.

**4. Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan akan mengkaji semula struktur gaji dan elaun yang dibayar kepada kakitangan kerajaan memandangkan harga barangan harian telah meningkat berlipat kali ganda semenjak semakan gaji kakitangan awam yang lepas.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan pegawai sektor awam dan telah mengadakan pelarasan semakan gaji daripada semasa ke semasa. Urusan semakan gaji melibatkan bukan sahaja penambahbaikan struktur gaji dan elaun, tetapi juga lain-lain syarat perkhidmatan dan peraturan dalam skim-skim perkhidmatan.

Dalam tempoh lima tahun yang lalu, kerajaan telah mengadakan tiga pelarasan semakan gaji iaitu pelarasan sebanyak 10% pada Januari 2000 diikuti satu lagi pelarasan gaji 10% pada 1 Januari 2002. Pada 1 November 2002, kerajaan telah melaksanakan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang turut melibatkan penyusunan semula struktur gaji dan elaun pegawai sektor awam.

Mengikut perangkaan indeks harga pengguna (IHP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kenaikan IHP di antara tahun 2000 hingga 2003 hanyalah sebanyak 4.4%. Oleh yang demikian, adalah tidak benar bahawa harga barangan harian telah meningkat berlipat ganda sejak semakan gaji kakitangan awam yang lepas. Kerajaan akan terus menyemak struktur gaji dan elaun pegawai kerajaan dari semasa ke semasa mengikut keperluan untuk menarik dan mengekalkan pegawai yang berkebolehan dan berkualiti dalam sektor awam.

Walau bagaimanapun, ini akan dilakukan mengikut kemampuan kerajaan untuk menanggung perbelanjaan yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. S. Vijayarajam. Saya mohon maaf kepada Dato' Dr. S. Vijayarajam tidak ternampak Dato' bangun tadi.



**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada suatu ketika dahulu, ada satu elauan yang bernama COLA ataupun *Cost of Living Allowance*, adakah COLA tersebut wujud lagi?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat itu, saya perlu rujuk kepada pegawai kerana ini saya hendak memastikannya. Tetapi sebenarnya kita ada juga imbuhan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dahulu terdapat komponen dalam gaji iaitu elauan, *Cost of Living Allowance*, adakah terdapat sekarang komponen tersebut?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Sebenarnya saya akan rujuk dan memaklumkan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Agnes. Saya sudah panggil Datuk Agnes tadi. Sudah?

**Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk:** Sudah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Hajah Hazizah sekali lagi.

**5. Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan kerajaan dalam memastikan Pelan Integriti Nasional (PIN) mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan memandangkan ia adalah rangka kerja komprehensif dan holistik untuk mengkaji amalan terbaik, mekanisme baru, jawatankuasa serta struktur bagi menjalankan urusan tadbir yang cekap iaitu *accountability*, ketelusan dan kecekapan di seluruh negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan Pelan Integriti Nasional (PIN) kerajaan telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia. Institut Integriti Malaysia (IIM) adalah sebuah badan autonomi yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat bagi melengkapkan usaha-usaha pelaksanaan Pelan Integriti Nasional ataupun lebih dikenali sebagai PIN.

IIM akan mendukung dan menyelaraskan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional oleh pelbagai sektor negara dan masyarakat agar dapat menjadikan integriti sebagai budaya masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun IIM secara bersendirian tidak dapat memastikan Pelan Integriti Nasional dilaksanakan dengan jayanya tanpa penglibatan dan kerjasama seluruh sektor masyarakat menjayakan pelan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Dewan ini dimaklumkan tentang mereka yang bertugas di IIM itu, adakah mereka ini dilantik dari pegawai BPR ataupun pegawai-pegawai biasa kerajaan sahaja ataupun terdiri daripada mereka yang bukan berkhidmat dalam kerajaan, tetapi daripada sektor awam. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. IIM ini ialah Institut Integriti Malaysia, itu adalah sebuah badan autonomi dan akan didaftarkan di bawah Akta Syarikat dengan izin, *Societies Act 1966*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akta Pertubuhan.

**Datuk M. Kayveas:** Akta Pertubuhan, *under the Societies Act*. Terima kasih. Oleh sebab itu saya tidak pasti adakah pegawai-pegawai yang akan dilantik sebagai Pengarah (*director*) di dalam IIM ataupun kalau didaftarkan di bawah Akta Syarikat mungkin ada *share holders*. Oleh sebab itu saya tidak ada jawapan yang tepat untuk menyatakan siapakah yang akan dilantik dalam syarikat ini. Kalau saya dapat maklumat, saya akan berikan kepada Yang Berhormat. Buat setakat ini tidak ada. Terima kasih.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, adakah kerajaan membuat kajian ataupun kerajaan mengambil tahu

untuk pengukuhan terhadap kejayaan PIN ini. Maksud saya adakah kerajaan membuat satu analisis ataupun pengukuhan terhadap kejayaan PIN ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum dilancarkan.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. Selepas dilancarkan PIN ini akan menetapkan pencapaian objektifnya secara berfasa berdasarkan kepada tempoh mungkin dalam lima tahun. Dalam jangka lima tahun selepas pelancaran dan pelaksanaan PIN ini iaitu dari tahun 2004 hingga 2008 ditetapkan sebagai fasa pertama. Dalam fasa pertama ini bagi tempoh lima tahun pertama, PIN menetapkan lima sasaran keutamaan yang hendak dicapai:

- (i) mengurangkan gejala rasuah dan penyelewengan atau salah guna kuasa;
- (ii) meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi;
- (iii) meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- (iv) memantapkan institusi keluarga dan komuniti, dan
- (v) meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

**[Soalan No. 6 – Y.B Puan Wan Ubaidah binti Omar tidak hadir].**

7. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan dan pencapaian pelajar-pelajar Siam yang mengambil peperiksaan UPSR, PMR, SPM, STPM dan Universiti antara tahun 2000 hingga 2003. Apakah usaha-usaha kementerian bagi meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar-pelajar tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar keturunan Siam terdiri daripada mereka yang mempunyai taraf warganegara dan juga yang bukan warganegara. Mengikut kategori calon yang mengambil peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM, calon keturunan Siam yang mempunyai taraf warganegara Malaysia dikategorikan sebagai calon lain-lain.

Sementara yang bukan warganegara Malaysia mereka dikategorikan sebagai calon warga asing. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran tiada mempunyai jumlah sebenar pelajar-pelajar berketurunan Siam yang mengambil peperiksaan-peperiksaan tersebut. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada pencapaian calon-calon yang dikategorikan sebagai calon lain-lain pada keseluruhannya pencapaian mereka adalah setanding dengan pencapaian calon-calon dari keturunan-keturunan lain.

Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk meningkatkan pencapaian akademik semua pelajar tanpa mengira kaum dengan menyediakan prasarana yang mencukupi dan bagi pelajar-pelajar dari keluarga miskin, kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit melalui pelbagai bentuk bantuan kewangan seperti Skim Baucar Tuisyen (SBT), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), bantuan wang *One-Off* sejumlah RM120, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah dan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT). Terima kasih.

8. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah jumlah ahli profesional sama ada warga Malaysia atau warga pemastautin tetap Malaysia yang telah berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan apakah sumbangan mereka dalam usaha menangani masalah gejala sosial di kalangan masyarakat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mei 2004 seramai 169 orang ahli profesional telah berdaftar sebagai kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor. Daripada jumlah tersebut cuma seorang sahaja kaunselor berdaftar yang terdiri daripada bukan warganegara

Malaysia. Sementara itu seramai 84 orang kaunselor pula telah memperoleh Sijil Perakuan Amalan iaitu satu sijil yang membenarkan kaunselor berdaftar menjalankan amalan atau praktis sebagai kaunselor di tempat yang telah ditetapkan di dalam perakuan amalan tersebut.

Kaunselor berdaftar memainkan peranan yang penting ke arah menangani masalah sosial. Peranan mereka boleh dilihat dari dua aspek iaitu aspek pencegahan dan aspek pemulihan.

Aspek Pencegahan - Melalui kaunseling yang diberikan ia dapat menghindarkan masalah *client* daripada menjadi lebih serius dan tidak terkawal yang boleh mendorong kepada tingkah laku antisosial. Sebagai contoh, kaunseling kepada murid-murid yang dikenal pasti menghadapi masalah disiplin dapat membendung masalah disiplin ini agar tidak merebak menjadi masalah sosial. Di samping itu, kaunselor juga berperanan memberikan bimbingan dan ceramah kerjaya dan pembinaan sahsiah untuk golongan remaja.

Bimbingan dan ceramah ini penting bagi golongan remaja kerana pada peringkat umur tersebut mereka selalunya menghadapi konflik diri. Melalui bimbingan yang diberikan itu akan dapat membantu mereka menentukan hala tuju kehidupan masing-masing dan menghindari diri dan terjerumus ke dalam aktiviti yang tidak sihat.

Aspek Pemulihan – Kaunseling yang diberikan dapat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan Yang Berhormat panjang lagi?

**Puan Chew Mei Fun:** Ya, panjang lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menyunting jawapan untuk kemukakan isi yang tepat.

**Puan Chew Mei Fun:** Okey. Kaunseling yang diberi dapat membantu membolehkan *client* agar mereka tidak mengulangi perbuatan salah laku. Kesimpulannya kaunselor berdaftar ini merupakan tempat rujukan di dalam penyelesaian sebarang konflik, isu atau masalah yang berlaku di peringkat individu. Konflik yang berlaku di peringkat individu ini akan ditangani segera oleh pegawai kaunselor agar tidak merebak menjadi masalah kepada masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Osman bin Bungsu:** [Bangun]

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** [Bangun]

**Datuk William Lau Kung Hui:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Osman bin Bungsu. Saya akan beri ketiga-tiga untuk soalan tambahan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan, apakah kriteria untuk menjadi seorang kaunselor yang berdaftar dan juga apakah caj-caj yang dikenakan untuk mendapatkan lesen sebagai seorang kaunselor.

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat untuk menjadi kaunselor di bawah Seksyen 24 Akta Kaunselor adalah seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang 21 tahun;
- (iii) rakyat yang sesuai didaftarkan memegang kelayakan seperti dinyatakan iaitu Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling di universiti-universiti di negara kita ini; dan
- (iv) untuk memohon berdaftar, mereka perlukan membayar RM200.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya lari sedikit sahaja, peratus tidak banyak, sedikit sahaja lari. Kalau Setiausaha Parlimen yang baru itu hendak jawab, jawablah. Akhir-akhir ini kes 2R (ragut/rogol) yang terjadi kepada kaum wanita akhir-akhir ini. Soalan tambahan saya apakah rancangan dan usaha kementerian untuk membantu kaum wanita ini dengan

agensi kementerian yang lain ataupun mana-mana pihak yang boleh membantu dalam kes-kes tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan terkeluar jauh daripada soalan asal. Datuk William Lau Kung Hui.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin soalan saya pun terkeluar sedikit, walau bagaimanapun, izinkan saya membangkitkan isu ini. Memandangkan kes-kes sosial ini akan meningkat dalam masa ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat perlu menjuruskan kepada soal kaunselor.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Yes. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian, apakah rancangan yang dibuat pada masa ini supaya lebih banyak kaunselor untuk menjaga kanak-kanak di rumah kanak-kanak dan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Apakah langkah-langkah perbanyakkan kaunselor.

**Puan Chew Mei Fun:** Melalui kempen kesedaran kementerian yang akan dijalankan tidak lama lagi, kita akan mempromosikan dan kita harap lebih banyak *social worker* ini dapat ambil bahagian dalam kursus-kursus yang akan dijalankan oleh kementerian. Terima kasih.

**9. Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapakah syarat kemasukan ke pusat-pusat latihan kemahiran terlalu bergantung kepada keputusan akademik sedangkan masih terdapat ramai belia yang gagal di dalam akademik tetapi mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam bidang lain yang bergantung kepada kemahiran di mana ini telah menyekat mereka dari terus mempertingkatkan kemahiran diri untuk bersaing di dalam bidang pekerjaan dan menyebabkan terdapat ramai belia yang terpaksa menganggur. Apakah tindakan yang diambil pihak kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya ekonomi negara sekarang beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan k-ekonomi yang memerlukan ramai tenaga kerja berkemahiran yang dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi. Tenaga kerja mahir diperlukan oleh negara yang kita cintai ini bagi membolehkan negara lebih berdaya saing di pasaran global.

Dalam hubungan ini, peranan dan fokus institusi latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia ialah untuk melatih dan melahirkan lebih ramai tenaga mahir yang diperlukan oleh industri di negara yang berupaya mengendalikan teknologi tinggi dan baru. Oleh sebab tempat latihan adalah terhad, berbanding bilangan calon yang memohon, kelayakan akademik diambil kira sebagai syarat kemasukan terutama bagi kursus di peringkat sijil dan diploma kemahiran.

Syarat kemasukan bagi mengikuti program latihan bergantung kepada jenis bidang yang dipohon. Secara amnya, bagi Institut Latihan Awam, bidang latihan yang melibatkan teknologi yang tinggi dan kefahaman teori seperti bidang pemesinan *Computer Numerical Control* (CNC), elektrik dan elektronik dan ICT, kelayakan yang diperlukan adalah secara amnya ialah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan satu kepujian dalam Matematik dan Sains. Manakala bagi Kursus Mekanikal seperti automatif, kimpalan, binaan, perhotelan, jahitan dan kraf tangan, kelulusan Bahasa Malaysia sahaja disyaratkan bagi lepasan SPM.

Terdapat juga institusi latihan yang mengenakan syarat yang lebih rendah dari itu. Walau bagaimanapun, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Manusia masih memberi ruang kepada calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan pencapaian akademik yang cemerlang tetapi mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap I dan II yang dikeluarkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Ini bagi membantu mereka yang mempunyai kemahiran yang tinggi tetapi tidak mempunyai akademik yang cemerlang untuk menyambung pengajian di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia. Walau bagaimanapun, terdapat kursus-kursus yang memerlukan syarat minimum akademik yang membolehkan mereka yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah mengikuti kursus kemahiran.

Terdapat pelbagai bidang latihan kemahiran dianjurkan oleh Institusi Latihan Kemahiran awam dan swasta. Di samping itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad di bawah Kementerian ini juga ada melaksanakan tujuh Skim Perantisan bagi melatih lepasan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia sebagai pekerja mahir untuk memenuhi keperluan industri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang tidak dapat mengikuti kursus-kursus kemahiran di institusi latihan di bawah kementerian ini, masih berpeluang untuk mengikut latihan di pusat-pusat latihan bertauliah khasnya di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Pada masa ini terdapat lebih 1,500 Pusat Latihan Kemahiran swasta yang berdaftar sebagai pusat bertauliah di bawah MLVK khusus kepada mereka yang tidak mempunyai akademik yang baik dan cemerlang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Zailah binti Mohd.Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita lihat dalam negara kita hari ini selain daripada lepasan sekolah menengah, lepasan sijil pengajian tinggi dan lain-lain, kita lihat di antara mereka yang menghadapi masalah pekerjaan juga ialah lepasan universiti, graduan-graduan yang masih menganggur. Dalam soal ini, apakah usaha kerajaan supaya tenaga mereka yang begini ramai dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk membangunkan ekonomi dalam negara dan setakat ini berapakah jumlah mereka yang seperti ini yang ada dalam negara kita? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Subjeknya kemahiran dan latihan meningkatkan kemahiran, bukan pengangguran. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menggalakkan lebih ramai pelajar itu menyertai skim yang dianjurkan oleh MLVK itu, setahu saya kerajaan telah memberikan elaun-elaun tertentu dan Dewan ini juga telah meluluskan bajet untuk kerja-kerja sedemikian. Akan tetapi setahu saya dari segi pengawasan penggunaan duit itu, ada masalah sehingga beberapa institusi itu telah ditutup kerana didapati tidak menjalankan kursus tetapi mengutip duit itu sahaja. Adakah masalah sedemikian masih wujud dan apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan bahawa duit yang diperuntukkan untuk skim ini, benar-benar digunakan dengan sebaiknya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah soalan yang sangat baik. Kepada mana-mana operator yang telah diberikan kebenaran untuk menjalankan kursus-kursus di bawah MLVK, yang tidak memperlihatkan mutu pengajaran ataupun tanggungjawab yang baik, kita mengambil tindakan yang tegas setelah peringatan-peringatan diberi. Antaranya sejauh ini, kita telah menutup sebanyak 237 buah pusat-pusat ataupun tempat-tempat yang menjalankan latihan di bawah MLVK.

Sejauh ini kita membuat pembayaran kepada semua operator dalam MLVK dan akhirnya kita juga sedang mengkaji dengan seriusnya bahawa kita akan mengkategorikan pusat-pusat latihan MLVK ini mengikut kategori A, B, C, di mana kita akan membuat pemantauan dan penyeliaan dari semasa ke semasa. Akan tetapi secara umumnya dari segi bayaran, adalah beres ataupun jelas dan keduanya, daripada mereka yang tidak berkeupayaan dan juga tidak menunjukkan minat yang baik, kita akan segera menutupnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak tersinggung kerana saya pandu Dewan pada pagi ini dengan ketat, dengan peraturan relevannya sebab ini hari terakhir, saya ingin utarakan sebanyak mungkin soalan.

**10. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan segera yang perlu diambil bagi menangani masalah kelewatan pembayaran yang sering kali berlaku kepada kontraktor-kontraktor oleh pihak berkuasa tempatan (PBT)

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah kelewatan pembayaran kepada kontraktor oleh pihak berkuasa tempatan adalah seperti berikut:-

- (i) sentiasa mengingatkan PBT supaya mematuhi Surat-surat Pekeliling yang berkaitan bagi mempercepatkan pembayaran;
- (ii) sentiasa mengingatkan PBT supaya tidak mengeluarkan tawaran kerja sekiranya tiada peruntukan;
- (iii) bagi projek-projek yang dibiayai melalui peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, arahan telah dibuat supaya Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan mengadakan mesyuarat memantau setiap bulan dengan PBT dan mengemukakan Laporan Prestasi Bulanan ke kementerian ini; dan
- (iv) mengadakan Mesyuarat Pemantauan dengan PBT di negeri-negeri tiga kali setahun yang dihadiri oleh pegawai kementerian bagi memastikan projek-projek dilaksanakan dan peruntukan dibelanjakan mengikut jadual.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, memandangkan kontraktor-kontraktor di PBT adalah kontraktor kecil Kelas 'F' banyak yang baru, boleh atau tidak kementerian memberi satu ketetapan di mana pembayaran dibuat dalam tahap yang tertentu, maknanya membenarkan kontraktor-kontraktor ini merancang perniagaan mereka memandangkan mereka ini semuanya baru. Terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang ini, surat arahan dari Ketua Setiausaha Perbendaharaan, biasanya Perbendaharaan harus membayar tuntutan sebanyak 50% di dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tuntutan itu diterima. Ini adalah satu arahan dari Ketua Setiausaha Per....

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbendaharaan.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** .... Perbendaharaan. Masalahnya ialah tuntutan dokumen yang dibuat mestilah dengan baik, lengkap mengikut syarat, kalau tidak lengkap, dokumen itu nanti akan dikirim balik untuk diperbetulkan. Dengan itu ia akan memakan masa. Saya rasa bayaran 50% dibuat dalam tempoh dua minggu, itu sudah cukup baik. Dengan ini Perbendaharaan membuat keputusan supaya semua tuntutan yang telah disahkan, mestilah dibuat pembayaran sebanyak 50% dalam masa 14 hari sekiranya ia tidak dapat dibayar sepenuhnya atas sebab-sebab tertentu. Semua pegawai hendaklah mematuhi peraturan baru ini. Ini adalah arahan dari Perbendaharaan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terdapat juga masalah dokumentasi tuntutan yang kurang lengkap. Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang.

**11. Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan bercadang mengkaji semula Dasar Tambatan Ringgit - Dolar Amerika memandangkan kejatuhan nilai dolar agak ketara dan dijangka terus menurun pada masa terdekat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih, Dato' Lim Sing. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan *pegging* Ringgit dan US Dollar. Tuan Yang di-Pertua, gerakan aktif atau dengan izin, *currency* di pasaran mata wang asing kutipan lebihan kadar pertukaran tetap ekonomi yang kecil dan terbuka seperti Malaysia. Sejak diperkenalkan pada 2 September 1998, tambatan ringgit telah dan terus memberi manfaat kepada negara dari segi menyediakan persekitaran dan yang lebih pasti dan stabil untuk menyokong kegiatan ekonomi.

Di samping itu, tambatan ringgit terus disokong oleh asas ekonomi yang kukuh seperti kadar inflasi yang rendah, *reserve* antarabangsa yang tinggi, lebihan akaun semasa dan sistem perbankan yang stabil. Oleh itu buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula Dasar Tambatan Ringgit. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan pasaran pertukaran mata wang antarabangsa untuk memastikan tambatan ringgit tidak, dengan

izin, *grossly misaligned* dengan mata wang utama dan serantau yang lain serta disokong oleh asas ekonomi yang kukuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ungkapan '*grossly misaligned*', jangan soalan tambahan pun '*grossly misaligned*'. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, semasa kerajaan mengekalkan kepada nisbah tambatan ringgit dengan Dollar Amerika, apakah tindakan-tindakan dan juga langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan supaya mengatasi akibat kelemahan wang ringgit Amerika termasuk inflasi import yang dihadapi oleh rakyat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kalau kita lihat, sebenarnya perbandingan wang asing utama dengan serantau ini nampaknya tidak banyak berubah naik turunnya. Saya bagi contoh, perbezannya adalah -3% dan ada kalanya naik sehingga 1%, 0.5% dan 2.3%. Perbezannya tidak banyak kalau dibandingkan mata wang Malaysia dengan mata wang asing. Maknanya kita tidak bimbang dan kalau kita lihat dari segi fundamental kita, dengan izin, tabungan negara tinggi sebenarnya kira-kira satu pertiga daripada keluaran negara kasar dan *reserve* antarabangsa Malaysia juga kukuh. Sekarang ini perangkaan yang terkini ialah RM204.9 bilion atau US Dollar 53.9 bilion dan lebih dagangan luar juga telah meningkat, tiap-tiap tahun meningkat dan setakat ini telah mendapat lebih sebanyak 38 bulan sejak November 1997. Pada akhir April 2004, lebih dagangan kita bulan itu meningkat kepada RM5.96 bilion.

Kadar inflasi juga rendah Tuan Yang di-Pertua, iaitu 1.2% bagi tahun 2003, bagi bulan Mac 2004 1% dan bagi bulan April tahun ini 1%. Pengangguran juga rendah iaitu 3.5%, maka dengan fundamental yang tinggi ini saya yakin perkiraan tidak akan banyak berubah. Terima kasih.

**12. Puan Jaya Partiban** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa kebanyakan masalah berhubung dengan sekolah-sekolah Tamil dan Cina boleh diatasi jika dengan ikhlasnya kementerian menjadikan semua sekolah bantuan modal sebagai sekolah bantuan penuh dan apakah langkah-langkah yang diambil ke arah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah Cina dan Tamil di bawah kategori sekolah bantuan kerajaan menerima dua bentuk bantuan daripada kerajaan iaitu sumbangan bantuan penuh dan sumbangan modal. Adalah menjadi dasar kementerian untuk menentukan bahawa sekolah-sekolah bantuan kerajaan menerima sumbangan bantuan penuh sama seperti sekolah-sekolah kerajaan yang meliputi guru, staf sokongan, *emolumen*, pentadbiran dan geran per kapita seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 - Akta 550.

Perbezaan sekolah bantuan kerajaan berbanding dengan sekolah kerajaan adalah dari segi bantuan sumbangan modal iaitu bayaran daripada wang awam kepada sesuatu institusi pendidikan bagi tujuan:-

- (a) mengadakan bangunan;
- (b) mengubah atau menambah premis yang sedia ada;
- (c) mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis yang baru diubah atau ditambah; dan
- (d) apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan.

Bantuan dalam bentuk sumbangan modal tidak diberikan sepenuhnya kepada sekolah-sekolah bantuan kerajaan memandangkan tanah atau tapak sekolah bukanlah milik kerajaan dan sekolah-sekolah ini tidak ditubuhkan oleh kerajaan. Pengurusan sekolah dikendalikan oleh Lembaga Pengelola Sekolah dan di antara tugas Lembaga Pengelola Sekolah adalah membiayai dan menguruskan hal-hal berkaitan sekolah termasuklah bagi tujuan mengadakan bangunan, mengubah atau menambah premis-premis dan perabot sekolah.

Bagi Lembaga Pengelola Sekolah yang tidak mampu membiayai sepenuhnya perkara-perkara tersebut mereka boleh memohon kepada Kementerian Pelajaran untuk mendapatkan bantuan modal bagi tujuan tersebut. Terima kasih.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang ataupun mempunyai *target*, dengan izin, supaya semua sekolah bantuan modal termasuk Sekolah Kebangsaan Tamil dan Cina diambil alih oleh Kementerian Pelajaran kerana kita telah Merdeka selama lebih 50 tahun...

**Tuan Yang di-Pertua:** aa..."kerana" itu sudah tidak soalan tambahan lagi. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu daripada syarat untuk menukar status sekolah dari bantuan modal ke bantuan penuh adalah isu pemilikan tanah dan tiap-tiap tahun Kementerian Pelajaran menerima banyak permohonan daripada sekolah Tamil, sekolah *mission* dan sekolah agama untuk kementerian ini mengambil alih atau membeli tanah yang berkenaan dan ini tertakluk kepada kemampuan kementerian pada sesuatu masa. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah kerajaan akan memberi semula bantuan per kapita kepada sekolah agama sebagaimana yang diberi kepada sekolah-sekolah bantuan yang lain. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Seperti yang dikatakan tadi, geran per kapita diberikan kepada semua sekolah tidak mengira sama ada sekolah itu sekolah kerajaan ataupun bantuan kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 13. Soalan ini ada satu perkataan salah iaitu "tidak diberi imbuhan" bukan "tidak diberi tumbuhan". *[Dewan riuh]* Terima kasih.

**13. Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang Guru Penolong Kanan Sekolah Rendah, Gred B mengajar mata pelajaran Inggeris tidak diberi imbuhan 10% cuma diberi elaun tanggungjawab RM60. Ini telah merugikan mereka:-

- (a) adakah kementerian bersedia untuk mengubah keadaan ini, dan
- (b) adakah kementerian sedia memberi imbuhan 10% kepada semua pentadbiran yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Datuk Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Tuan Yang di-Pertua ceria hari ini, bolehlah bagi masa lebih sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab hari terakhir.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Guru Penolong Kanan sekolah gred B yang mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris telah pun disenaraikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau PPP - bukan *People Progressive Party*, *[Ketawa]* yang boleh dipertimbangkan bayaran insentif subjek pendidikan atau BISP. Walau bagaimanapun, mereka perlulah memenuhi syarat di para 6.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Pendidikan Bilangan 3 Tahun 2003 untuk melayakkan mereka dibayar BISP dan BISP sememangnya boleh dipertimbangkan kepada semua pentadbir yang mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris dengan syarat mereka memenuhi syarat di para 6.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Pendidikan Bilangan 3 Tahun 2003 bagi melayakkan mereka dibayar BISP.

Syarat yang berkaitan dengan pembayaran elaun kepada guru-guru itu seperti yang dinyatakan dalam surat pekeliing tersebut ialah:-



- (a) syarat kelayakan opsyen:
  - (i) mempunyai opsyen subjek Sains atau Matematik atau bahasa Inggeris; atau
  - (ii) jika tidak mempunyai opsyen subjek di atas tetapi mengajar subjek tersebut hendaklah telah mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun secara berterusan; dan
  - (iii) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diperakui oleh Ketua Jabatan yang beliau mempunyai kemahiran dan berkemampuan untuk mengajar subjek tersebut serta telah menghadiri kursus berkaitan pengajaran dan pembelajaran subjek Sains dan Matematik atau Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia atau institusi lain yang diiktiraf oleh kerajaan.

**14. Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah isu-isu utama yang Malaysia akan suarakan di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Dunia apabila negara mengambil tempatnya di badan tersebut pada 2005 memandangkan Malaysia mendapat sokongan terbanyak semasa dipilih untuk tempoh tiga tahun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng kerana mengemukakan soalan ini. Keahlian kita pada tempoh 2005 – 2007 merupakan kali keempat Malaysia berjaya mendapat tempat di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB, UN *Commission of Human Rights* (CHR) dengan izin.

Sebagai Pengerusi NAM Malaysia akan memainkan peranan bagi memastikan ketiga-tiga draf resolusi yang ditaja oleh NAM diluluskan oleh Ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB. Resolusi-resolusi tersebut adalah:-

- (i) hak untuk pembangunan,
- (ii) hak untuk peningkatan kerjasama antarabangsa dan bidang hak asasi manusia; dan
- (iii) hak asasi manusia dan langkah-langkah pemaksaan unilateral.

Malaysia sebagai Pengerusi OIC akan bekerjasama dengan negara-negara OIC lain bagi memantau isu-isu yang penting kepada negara-negara Islam akan berusaha bagi memastikan kepentingan masyarakat sedunia dipelihara dan diketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga akan terus menyuarakan pandangan dan pendirian negara kita berhubung isu-isu penting yang dibincangkan di Suruhanjaya PBB seperti berikut:-

- (i) isu Palestin;
- (ii) isu pengancaman hak asasi manusia sesebuah negara iaitu *country specific resolution*, dengan izin;
- (iii) isu perlindungan dan pemajuan hak asasi wanita amnya; dan
- (iv) keperluan pendekatan kepada yang seimbang bagi usaha masyarakat antarabangsa untuk melindungi dan memajukan hak-hak sivil dan politik serta hak-hak ekonomi, sosial, budaya dan pembangunan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita ke Suruhanjaya ini nanti adakah dengan adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang diguna pakai di Malaysia itu akan melemahkan usaha kita dalam menyuarakan hak asasi manusia dunia di forum tersebut. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat. Isu tentang ISA tidak akan melemahkan usaha-usaha kita sebagai Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi hak asasi manusia kerana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dinilai dari rekod yang dinyatakan tadi.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ..... kerana kita telah berjaya mendapat undi daripada 51 negara daripada 54 negara dan saya ulas sedikit Tuan Yang di-Pertua, hak kebebasan asasi manusia sebenarnya adalah hak yang dituntut dan diperlukan oleh manusia sepanjang hayatnya. Kerananya manusia rela berkorban apa sahaja, harta atau pun nyawa bagi menikmati kebebasan. Tetapi selalunya demokrasi dan maruah termasuk yang ini akhirnya menjadi masalah kerana ia dilakukan dengan tidak menghiraukan kepentingan masyarakat secara keseluruhan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ini terkeluar sedikit tetapi amat penting di atas kesan terhadap negara kita. Pandangan kementerian berhubung dengan kekalahan calon kita bagi kerusi Setiausaha Agung OIC yang sepatutnya kita tidak boleh kalah..

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan terkeluar Yang Berhormat. Minta maaf.

[Soalan No.15 - Y.B. Puan Ooi Siew Kim tidak hadir]

16. **Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sama ada Kerajaan Negeri sedia memberi hak milik tanah kepada syarikat/rakyat Malaysia yang berminta melabur dalam sektor pertanian baik yang besar mahupun kecil dan sederhana kerana polisi kerajaan ada tetapi sukar untuk mendapatkan tanah kerajaan bagi menjayakan hasrat kerajaan membangun dalam sektor pertanian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan mendapat kerjasama yang baik daripada Kerajaan Negeri dalam membangunkan sektor pertanian melalui program pengezonan kawasan pertanian, ternakan dan akuakultur Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak untuk dipajakkan ke pihak swasta bagi suatu tempoh tertentu. Penglibatan Kerajaan Persekutuan pula tertumpu kepada penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta perkhidmatan sokongan.

Program yang telah mula dilaksanakan adalah projek pertanian moden di Kluang, Johor, Taman Pengeluaran Makanan (TKPM) di beberapa negeri seperti Terengganu, Perak, Johor dan Selangor. Melalui program TKPM ini pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, moden, komersial dan berteknologi tinggi oleh sektor swasta dan golongan sasar telah dapat dilaksanakan.

Sehingga kini sebanyak 11 perjanjian persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah ditandatangani untuk pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan sehingga Mac 2004 terdapat 23 TKPM telah dilaksanakan di seluruh negara. Jumlah tanah yang dibangunkan adalah seluas 1,682 hektar di antara Ulu Choh di Selangor, Lojing di Kelantan, Selandar di Melaka, Ulu Tiram di Johor, Ru Tapai di Terengganu dan Sungkai Perak.

17. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah justifikasi pihaknya dalam membuat penstrukturan semula syarikat-syarikat berkepentingan ataupun milik penuh kerajaan dalam membantu mejana pertumbuhan ekonomi negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang ada kepentingan kerajaan ataupun yang disebut sebagai *government link companies*, dengan izin, adalah syarikat-syarikat yang kerajaan yang mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung. GLC terdiri daripada semua syarikat Kementerian Kewangan Diperbadankan ataupun MKD. Semua syarikat seperti Khazanah, Syarikat Pelaburan Permodalan Nasional Berhad dan semua syarikat badan berkanun, persekutuan dan

negeri, yang pada masa ini terlibat dalam aktiviti-aktiviti utama seperti tenaga, komunikasi, minyak, gas, perbankan dan lain-lain aktiviti.

Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dijana oleh sektor swasta, maka prestasi syarikat-syarikat GLC ini perlu dipertingkatkan supaya ia dapat berdaya maju dan seterusnya dapat berdaya saing di peringkat global dan di peringkat ini sudah ada – kerajaan sedang menstrukturkan semula syarikat-syarikat yang tertentu.

Oleh itu, kerajaan telah mengarahkan semua GLC melaksanakan *Key Performance Indicator (KPI)* dan *Performance Link Compensation (PLC)* selewat-lewatnya pada awal tahun 2005. KPI adalah kaedah penilaian prestasi bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan peringkat atasan syarikat, dan ia mempunyai kaitan yang rapat dengan PLC, di mana PLC ataupun *Performance Link Composition* ialah merupakan pelengkap kepada KPI. Penentuan skop dan wajaran KPI syarikat adalah berbeza-beza mengikut visi, strategi dan aktiviti syarikat masing-masing.

Imbuan PLC akan diberikan melalui pembayaran bonus, kenaikan gaji ataupun ganjaran-ganjaran lain, sama ada secara tunai ataupun pemberian saham syarikat pada mereka yang berkenaan mengikut prestasi pencapaian KPI yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama kerajaan memperkenalkan KPI ini adalah untuk meningkatkan prestasi syarikat, menarik dan mengekalkan tenaga kerja profesional yang cemerlang, membolehkan prestasi diukur secara objektif dan sebagai motivasi kepada pekerja dengan menaikkan ganjaran berdasarkan prestasi. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, sejauh manakah kuasa yang diberikan kepada CEO yang dilantik oleh kerajaan dalam mentadbir dan meluluskan sesuatu cadangan.

**Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua ketahui iaitu syarikat-syarikat ini adalah milik kerajaan, sama ada melalui saham khas ataupun *golden share* ataupun ekuiti sehinggalah kepada 100% ekuiti. Maka, setiap tindakan yang dibuat, dengan izin, *major decision* yang dibuat hendaklah dirujuk kepada pihak Kementerian Kewangan.

**18. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan berapakah bilangan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan adakah pemantauan dibuat terhadap perjalanan IPTS di seluruh negara dan bagaimanakah pemantauan ke atas IPTS dibuat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada masa ini terdapat 539 buah IPTS. Dari jumlah tersebut, 20 buah adalah bertaraf universiti manakala 519 IPTS bukan bertaraf universiti. Perjalanan IPTS sentiasa dipantau oleh kementerian melalui langkah-langkah tersebut.

- (i) setiap IPTS wajib didaftarkan dengan Kementerian Pengajian Tinggi sebelum beroperasi;
- (ii) mendapat akreditasi terhadap kursus yang ditawarkan dari pihak Lembaga Akreditasi Negara (LAN);
- (iii) pembaharuan kelulusan akreditasi dari LAN dibuat setiap lima tahun sekali;
- (iv) Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Pendidikan Swasta dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan kepada IPTS bagi memastikan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 dipatuhi.

**19. Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sejauh manakah kementerian telah membuat kajian terhadap faktor-faktor keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak dalam usaha negara mewujudkan suasana yang selamat kepada golongan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), telah menjalankan beberapa kajian berkenaan dengan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Secara umumnya, kajian yang berkaitan mendapati bahawa terdapat beberapa faktor utama penyebab berlakunya keganasan terhadap wanita di Malaysia. Antaranya ialah:-

- (i) cemburu;
- (ii) curang;
- (iii) ketagihan arak;
- (iv) poligami;
- (v) masalah kewangan;
- (vi) masalah mengenai anak; dan
- (vii) judi.

Kajian yang telah dijalankan bagi meneliti kes-kes keganasan terhadap kanak-kanak pula telah mengenal pasti beberapa faktor penyebab. Antara faktor-faktor tersebut ialah:-

- (i) kurang kemahiran keibubapaan;
- (i) toleransi yang agak rendah terhadap kanak-kanak;
- (ii) pengharapan yang tidak realistik terhadap kanak-kanak;
- (iii) konflik rumah tangga;
- (iv) kemiskinan;
- (v) masalah kesihatan;
- (vi) ketidakupayaan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran masa kini yang semakin mencabar; dan
- (vii) masalah emosi.

Bagi menyediakan persekitaran yang selamat kepada wanita dan kanak-kanak, kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan kepekaan masyarakat terhadap keganasan. Kempen organisasi wanita membanteras keganasan, iaitu OMBAK, umpamanya dilancarkan pada tahun 2001 dan ia masihnya masih berterusan ke hari ini.

Kempen OMBAK ini telah berjaya meningkatkan kesedaran awam mengenai gejala keganasan dalam masyarakat Malaysia. Di samping itu, masyarakat turut digalakkan untuk menyumbang tenaga dalam menjayakan OMBAK. Sehingga tahun 2003, seramai 1,657 orang di seluruh negara telah mendaftarkan diri sebagai sukarelawan OMBAK dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Di samping itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah dan akan terus mempromosikan kempen '*Utamakan Keluarga Semakin Hari Semakin Sayang*', bagi menerapkan nilai-nilai murni kekeluargaan di kalangan masyarakat negara kita.

Kempen ini memerlukan sokongan padu daripada segenap lapisan masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat sambung lagi jawapan, penekanan Yang Berhormat terhadap faktor-faktor yang menyebabkan keganasan itu, akan cair. Sila teruskan.

**Puan Chew Mei Fun:** Selesai sudah, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kebelakangan ini berlaku kes-kes ragut yang begitu drastik, yang melibatkan kematian kepada mangsanya, iaitu wanita, apakah langkah-langkah awal yang akan di ambil oleh pihak kementerian .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan perkara ragut tidak termasuk dalam perkara keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Saya mohon maaf. Puan Siti Zailah.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kebanyakan pemangsa kepada yang melakukan keganasan kepada wanita dan kanak-kanak adalah kaum lelaki. Apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memberi kursus ataupun latihan kepada pemangsa-pemangsa ini. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Puan Chew Mei Fun:** Di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita sedia ada kursus-kursus keibubapaan dan kursus-kursus untuk remaja dan juga kaum bapa, iaitu pemangsa-pemangsa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputus dan disetujui.

Usul disetujui.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” *[15 Jun 2004]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, sila sambung.

**11.10 pagi**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah membangkitkan beberapa perkara dalam perbahasan Kumpulan Wang Disatukan untuk tahun 2004 bagi memperuntukkan semula jumlah wang yang bermaksud tertentu. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh tentang keselamatan dalam negeri iaitu satu kementerian yang baru yang pengkerusinya ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Timbalannya Yang Berhormat Dato' Noh bin Omar, Yang Berhormat Chia Kwang Chye, Menteri dan Timbalan Menteri juga ialah dari Pulau Pinang. Saya harap keselamatan di Pulau Pinang lebih selamat daripada keselamatan di negeri-negeri lain memandangkan menteri dan timbalannya datang dari Pulau Pinang. Setiausaha Parlimennya ialah Yang Berhormat ialah Datuk Wira Abu Seman Yusop dan beliau telah rajin bertugas di Dewan ini sejak kita adakan mesyuarat tiap-tiap hari, saya lihat beliau hadir untuk mendengar perbahasan, pagi tadi dia ada tapi dia keluar sebentar mungkin.

Di bawah Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Yang di-Pertua kita ada satu peruntukkan yang sangat besar iaitu RM2.671 bilion dan daripada amaun ini PDRM atau Polis Diraja Malaysia diperuntukkan sebanyak RM2.31 bilion. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat di Malaysia telah mengikuti perkembangan kerja Suruhanjaya Polis yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sirajuddin, untuk tugas-tugas tertentu ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuanku Syed Sirajuddin.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Untuk menjalankan tugas supaya imej polis itu dan juga pelaksanaan kerja polis itu boleh dapat keyakinan daripada orang ramai. Suruhanjaya Polis ini setahu saya telah rajin bekerja, ia telah dipengerusikan oleh seorang tokoh di negara kita iaitu bekas Ketua Hakim Negara, Tun Dzaiddin dan juga Timbalannya ialah bekas Ketua Polis Negara iaitu Tun Haniff bin Omar. Saya penuh yakin bahawa suruhanjaya polis ini akan dapat membantu pihak polis mewujudkan satu imej yang lebih mesra rakyat itu adalah penting Tuan Yang di-Pertua kerana pada ketika ini maka di kalangan rakyat kita imej polis itu tidak begitu tinggi sehingga ramai orang pun enggan menjadi anggota polis dan akibat daripada itu kita dapati ada kekurangan kakitangan polis.

Dengan adanya suruhanjaya ini saya berharap maka imej dan fungsi polis akan dipertingkatkan, mereka akan mencapai satu paras profesionalisme yang lebih tinggi dan saya harap Duli Yang Mulia itu akan menimbang sama ada ingin melanjutkan usia dan mandat suruhanjaya polis ini. Setahu saya ini diberi satu tempoh untuk menghabiskan kerja dan selepas itu mungkin dibubarkan. Saya berharap Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda itu akan menimbang sama ada berkesan atau tidak untuk melanjutkan tugas-tugas suruhanjaya ini mungkin dengan satu jumlah ahli yang kurang sedikit selepas kerja permulaan itu disiapkan supaya keyakinan orang ramai terhadap polis itu sentiasa kekal, bagi saya ini adalah satu perkara yang sangat penting.

Baru-baru ini saya ada satu kes yang melibatkan polis dan itu melibatkan keluarga saya sendiri iaitu isteri saya. Pada 7 Jun, beliau telah dalam perjalanan di satu lebuhraya dan telah menghadapi satu masalah *road bully*. Pada esok pagi 8 hari bulan dia telah membuat laporan di Balai Polis Sungai Nibong, laporan polisnya ialah 00325004. Di Balai Polis Sungai Nibong, beliau telah diminta oleh pegawai di sana mencari IO atau pegawai penyiasatan atau *Investigating officer* Bahagian Trafik di Balai Polis Jalan Petani. Beliau diminta bawa laporan itu dan cari pegawai bagi *appointment*, dan lepas itu memberi taklimat kepada pegawai tentang laporan itu. Saya tidak faham sama ada ini ialah mematuhi peraturan polis untuk lebih mesra rakyat, sama ada ini patut meminta si pengadu itu membawa laporan sendiri dan buat *appointment* dengan polis.

Kelmarin beliau telah berjaya membuat *appointment* tetapi bila sampai ke Balai Polis Jalan Petani, pegawai yang bertugas itu iaitu Inspektor Fadzil, tidak hadir. Selepas menunggu lebih satu jam dia baru balik dan telah catatkan laporan itu, nasib baik semalam selepas mesyuarat Dewan saya telah berjumpa dengan Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan kemudian saya telah berjumpa dengan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dalam satu majlis. Setiausaha Parlimen itu telah diberitahu, saya hanya tanya sama ada ini mengikut prosedur polis iaitu meminta seorang yang membuat laporan itu membawa laporan sendiri cari IO, berikan laporan itu dan sebagainya. Ini mungkin hanya melemahkan proses.

Semalam pukul 12.00 malam, isteri saya telah menerima satu panggilan telefon daripada orang yang dia tuduh melakukan kegiatan *road bully* itu. Itu bermakna pegawai berkenaan sudah menyiarkan maklumat kepada orang itu dan pagi ini dapat menghubungi isteri saya dan telah meminta maaf di atas kejadian yang sedemikian. Saya memberitahu cerita ini untuk menegaskan bahawa imej polis itu adalah begitu penting. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Datuk Abu Seman kerana mengambil tindakan yang tegas. Perkara itu telah diambil berat oleh pegawai dari Bukit Aman dan Inspektor Fadhil telah diminta membuat satu laporan pagi ini.

Itu bermakna pegawai atasan Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan profesionalisme yang tinggi tetapi bagaimana kita dapat menjaga pegawai-pegawai bawah yang berpangkat Inspektor ke bawah. Sungguhpun saya kenal rapat dengan CPO Pulau Pinang, saya tidak bertindak sendiri. Saya mahu melihat bagaimana perkara itu boleh diselesaikan sama ada itu mengikut prosedur polis juga, untuk meminta orang yang dituduh melakukan kegiatan itu supaya berjumpa dengan si pengadu untuk mendapatkan penyelesaian ataupun pihak polis kena berjumpa, menjemput kedua-dua pihak ke pejabatnya dan menyelesaikan perkara ini.

Saya ingin tahu, sama ada apakah prosedur yang betul, kerana pada masa ini Dewan yang mulia ini bersama Suruhanjaya Polis itu mahu melihat satu keadaan di negara kita di mana rakyat dan polis bernesra dan rakyat ada penuh keyakinan terhadap fungsi, tugas dan tanggungjawab polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu melihat supaya polis di negara kita betul-betul menjalankan tugas dengan cukup dedikasi, cukup profesionalisme dan apabila diletakkan di bawah Perdana Menteri sendiri maka harapan rakyat ialah supaya sistem penyampaian pihak polis itu akan diperkuatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, insiden semacam iaitu tidak harus berlaku kalau pihak polis itu menjalankan tugas dengan baik. Kita telah membaca dalam surat khabar bahawa selepas Suruhanjaya Polis itu membangkitkan isu menerima laporan polis, kita diberitahu bahawa setiap laporan polis mesti diterima. Kalau ada apa aduan terhadap polis, polis mesti menerima aduan tersebut dan bertindak atas laporan tersebut, sama ada ini masih tidak diamalkan oleh polis. Kita diberitahu bahawa cadangan-cadangan Suruhanjaya Polis itu mesti dilaksanakan sekiranya ia boleh dilaksanakan dengan serta-merta.

Ini adalah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Tuan Yang di-Pertua, adakah ini juga diikuti. Saya mahu melihat Tuan Yang di-Pertua, satu keadaan di mana pihak polis betul-betul dapat keyakinan rakyat dan kita melihat polis sebagai sahabat kita dan bukan sebagai satu pihak yang menakutkan kita, tidak bekerjasama dengan kita dan hanya mencari sebab dengan kita. Kita tidak mahu melihat keadaan sedemikian. Peruntukan yang diagihkan kepada PDRM itu adalah satu peruntukan yang begitu besar RM2.31 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menubuhkan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Pertahanan Awam, Agensi Dadah Kebangsaan, Jabatan Penjara juga dimasukkan ke dalam kementerian ini. Oleh kerana itu, saya melihat kerja-kerja Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sekarang lebih fokus. Kalau lebih fokus itu bermakna kita mahu melihat kejayaan-kejayaan. Baru-baru ini kita dapati pihak polis menyelesaikan beberapa kes yang penting selepas ianya terjadi. Ini adalah satu tanda baik bahawa paras profesionalisme pihak polis sudah meningkat dan kita di sini adalah setaraf dengan polis-polis di negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan fokus yang lebih kepada tugas-tugas menjaga keselamatan dalam negeri, jenayah-jenayah yang berlaku seperti jenayah sekarang di mana yang paling teruk ialah orang yang menarik beg daripada perempuan-perempuan dan kita telah melihat begitu ramai yang sudah menjadi mangsa sehingga membawa maut.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita membenarkan masalah sedemikian terbiar sehingga ia tidak dapat diawasi. Setiap bandar utama menghadapi masalah sedemikian. Adakah ini dilakukan oleh rakyat kita sendiri ataupun rakyat-rakyat asing ataupun pendatang-pendatang asing atau pendatang-pendatang haram yang sudah masuk ke negara kita tanpa pengetahuan pihak polis. Ini adalah pertanyaan-pertanyaan yang harus diberitahu dalam Dewan Negara ini, bagaimana pihak polis akan mengatasinya. Bukan sahaja orang-orang awam tetapi orang-orang kenamaan pun menjadi mangsa kepada jenayah-jenayah sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua ada satu vot sebanyak RM11.7 juta untuk bertugas di luar negeri dan ini kita diberitahu adalah satu vot yang *one off* iaitu sekali sahaja. Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah ini dan perbelanjaan untuk berada di luar negeri iaitu begitu banyak RM11.7 juta. Siapakah yang kita hantar bertugas di luar negara, berapa lama, mengapa memerlukan begitu banyak peruntukan untuk kerja itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit tentang VOT B.70 iaitu untuk Kementerian Pengajian Tinggi iaitu RM3.89 bilion. Kementerian yang baru ditubuhkan itu juga pada pendapat saya lebih berfokus kerana kerjanya hanya menaja pendidikan tinggi, ini termasuk pendidikan swasta.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kementerian Pengajian Tinggi mengadakan peruntukan sebanyak RM3.89 bilion untuk perbelanjaan pendidikan tinggi sebanyak RM28.8 juta, untuk pendidikan swasta sebanyak RM9.5 juta dan banyak daripada vot ini ialah ke IPTA sebanyak RM3.57 bilion itu untuk IPTA.

Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang kita dengar pagi ini hanya diberi peruntukan sebanyak RM6.37 juta. Nampaknya pada masa sekarang kita menghadapi banyak masalah dari dua segi. Yang pertama, mereka dari IPTA yang masih tidak dapat pekerjaan selepas berijazah. Saya tahu keadaan di IPTA kerana saya telah bertugas sebagai pensyarah di USM selama 30 tahun. Mungkin ini disebabkan oleh kursus-kursus yang kurang sesuai dari segi perkembangan semasa, dari segi pekerjaan antarabangsa yang begitu banyak wujud sekarang, kerana selepas kita menjadi ahli dalam WTO itu maka ruang bagi penduduk-penduduk Malaysia atau rakyat Malaysia itu sudah begitu banyak, mereka sekarang berpeluang ke mana-mana negara untuk mendapatkan pekerjaan. Memandangkan demikian, kalau ekonomi kita tidak boleh menyerap semua yang berijazah itu, mungkin pihak ini kena keluar dari Malaysia untuk mencari pekerjaan di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk berbuat demikian mereka memerlukan kemahiran tertentu supaya lebih senang bagi mereka mendapat pekerjaan. Adakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA pada keseluruhannya itu adalah sesuai, ini harus dikaji dari segi kehendak semasa dalam pasar pekerjaan.

Kita dapati bahawa di negara kita lebih kurang atau lebih daripada separuh pelajar-pelajar yang masuk kolej-kolej dan universiti-universiti pengajian tinggi itu biarlah menggunakan perkhidmatan pendidikan swasta, oleh kerana pihak swasta menjadi satu industri yang menyumbang begitu banyak kepada perkembangan pendidikan di Malaysia. Apabila kerajaan ingin menjadikan Malaysia satu rantau pendidikan cemerlang atau satu negara di kawasan ini yang dapat menggalakkan ramai pelajar asing itu datang, maka dasar-dasar kita harus mengikuti kehendak itu. Setahu saya apabila pelajar-pelajar asing itu ingin datang ke Malaysia, maka masih ada masalah kepada mereka dari segi mendapatkan visa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita mengumumkan sesuatu dasar tetapi dari segi pelaksanaan maka ada begitu banyak kelemahan. Satu agensi telah merancang sesuatu, tetapi satu agensi yang lain dari kerajaan menjadi penghalang untuk melaksanakan keputusan itu dengan baik. Saya harap menteri yang baru Yang Berhormat Dato' Shafie dapat menangani isu ini. Dahulu beliau telah bertugas di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Menteri dan sekarang dinaikkan pangkat untuk menjadi Menteri Pendidikan Tinggi. Saya melihat bagaimana beliau menjalankan tugas dengan cukup profesionalisme semasa berada di Kementerian Kewangan dan saya cukup yakin bahawa beliau akan memimpin Kementerian Pengajian Tinggi ini ke satu tahap yang lebih tinggi, yang dapat dan yang boleh bekerja rapat dengan pihak pendidikan swasta dan juga boleh memajukan pendidikan di negara kita demi kebaikan dan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh sedikit tentang Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Pada kebelakangan ini saya membaca dalam surat khabar bahawa Kementerian Pengajian Tinggi telah membuat satu keputusan iaitu tentang permohonan daripada institut-institut swasta atau IPTS untuk mendapat kelulusan bagi menawarkan kursus-kursus baru. Prosedur yang dahulu ialah mereka kena serahkan permohonan itu kepada Jabatan Pendidikan Swasta (JPS).



JPS kemudian berhubung dengan LAN dan LAN sebagai satu agensi penilaian, membuat penilaian dan selepas itu melapor balik kepada Jabatan Pendidikan Swasta dan kemudian Jabatan Pendidikan Swasta melaporkan kepada si pemohon. Itu mengambil masa yang panjang. Sekarang saya difahamkan bahawa proses merujuk kepada JPS itu tidak perlu lagi dan mereka akan terus merujuk kepada LAN.

Dalam banyak situasi, sesuatu permohonan itu mengambil masa lebih kurang kita diberitahu di Dewan yang mulia ini, kalau semua beres enam bulan boleh diluluskan atau satu keputusan boleh dicapai dalam masa enam bulan, tetapi dalam banyak kes itu tidak seperti yang dikatakan. Saya berharap dengan penukaran dasar yang baru ini, JPS dan LAN akan bekerjasama dengan lebih baik supaya sistem penyampaian itu dapat diperkukuhkan dan satu keputusan dapat dibuat dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masalah ini kerana saya seorang Ahli Majlis dalam *Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)*. Kerana dahulu saya adalah Ketua Eksekutif dalam satu institut di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dihadapi oleh pendidikan swasta itu memang besar, sungguhpun sektor ini menyumbang begitu banyak kepada perkembangan pendidikan di Malaysia dan sektor ini dapat menarik ramai pelajar asing supaya datang ke sini.

Kerjasama di antara Kementerian Pengajian Tinggi dan juga agensi-agensi di bawahnya dengan persatuan-persatuan yang mewakili institusi-institusi swasta iaitu IPTS semua, amatlah diperlukan. Saya harap Menteri yang baru itu akan kerap mengadakan perjumpaan untuk mendengar masalah-masalah mereka dan cuba mengatasi masalah-masalah ini demi kebaikan dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan yang besar juga iaitu RM14 juta disalurkan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan PTPTN pada ingatan saya, telah diluluskan banyak peruntukan oleh Dewan yang mulia ini, kerana PTPTN itu menggunakan peruntukan ini untuk dipinjamkan kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah yang dahulu Pengerusi PTPTN, sekarang dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri di dalam MITI. Ini adalah satu perkembangan yang menunjukkan kebolehan beliau di dalam mentadbir dan menguruskan kerja-kerja di PTPTN. Saya berharap dengan kepimpinan yang baru di PTPTN itu, masalah-masalah yang diutarakan oleh pihak pelajar-pelajar untuk mendapat pinjaman-pinjaman ini akan juga diselesaikan.

Apabila saya berjumpa dengan Yang Berhormat Dato' Husni itu dahulu tentang masalah-masalah, maka satu daripadanya ialah kekurangan pegawai untuk memproses permohonan-permohonan daripada pelajar swasta. Bagi permohonan daripada pelajar-pelajar IPTA, maka itu lebih cepat tetapi bagi pelajar-pelajar IPTS, maka itu adalah lambat sedikit, oleh kerana saya diberitahu pegawai yang bertugas di bahagian IPTS itu tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan peruntukan tambahan itu, maka masalah sedemikian akan diatasi. Kedua-dua sama ada daripada IPTS atau IPTA, adalah rakyat kita, adalah anak-anak kita dan duit ini datang dari sini, diluluskan oleh kerajaan.

Kita hanya meminta bahawa pertimbangan yang sama diberi kepada kedua-dua pihak dan kalau tidak mencukupi pegawai, sila pastikan bahawa tidak ada kelambatan yang berlaku dan sebagainya. Ini juga, adalah satu permintaan yang sering dibuat oleh persatuan-persatuan IPTS kepada pegawai-pegawai di PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi peruntukan yang ingin saya memberi sedikit komen ialah tentang pendidikan teknikal iaitu sebanyak RM26.2 juta dan ini juga merupakan satu amaun yang tinggi dan pendidikan teknikal ini mempunyai satu kumpulan pelajar yang sangat besar. Memandangkan bukan semua pelajar itu akan mendapat CGPA 4.0, bukan semua yang mendapat CGPA 4.0 itu mahu jadi doktor, tetapi bagi mereka yang mungkin akan meninggalkan aliran akademik ke aliran teknikal itu, mereka adalah satu kumpulan yang sangat besar dan biasanya mereka yang masuk untuk mengikuti pendidikan teknikal ialah mereka yang kurang berprestasi baik dalam ujian dan peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan golongan ini. Kita memerlukannya. Kalau kita kata kita seorang pakar perubatan, saya mahu menjalankan pembedahan jantung, kita perlukan ahli-ahli *technician* yang mengoperasi mesin-mesin tertentu, untuk melihat carta-carta tertentu, untuk memberitahu kita apa perkembangan. Jadi, setiap orang pakar itu memerlukan sekurang-kurangnya lima atau lebih daripada penyokong-penyokong teknikal di bawahnya. Oleh kerana itu, saya melihat pendidikan teknikal itu sebagai satu sektor yang sangat penting. Peruntukan sebanyak ini bagi saya, adalah berpatutan.

Kita ada agensi-agensi yang juga menjalankan pendidikan di bawah Majlis Lembaga Vokasional Kebangsaan (MLVK) itu dan semua pihak ini akan menyumbang kepada pendidikan dalam sektor teknikal ini. Saya berharap, bahawa kursus-kursus yang akan dianjurkan oleh pendidikan teknikal ini adalah kursus-kursus semasa, bersesuaian dengan perkembangan di negara kita. Pada masa dahulu, kita menjadi satu negara yang memerlukan ramai pekerja, kerana kita tidak sampai ke satu tahap yang tinggi lagi. Sekarang kita sudah sampai ke satu tahap yang mana kita memerlukan bukan sahaja ramai pekerja tetapi pekerja-pekerja yang sangat mahir.

Kita sudah ke satu taraf yang lebih tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan demikian, pendidikan teknikal kita juga kena sesuai dengan perkembangan ini. Kita telah bertanya banyak kali kepada kerajaan, kenapa ada kilang-kilang di Malaysia yang lari ke negara-negara lain. Adakah kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka atau apa sebabnya?

Antara satu sebabnya ialah kerana kita tidak mencukupi orang atau rakyat dalam kumpulan sokongan Tuan Yang di-Pertua, iaitu orang-orang yang ada dalam pendidikan teknikal yang boleh menyumbang kepada sektor perkilangan seperti saya sebutkan tadi. Kalau kita ada satu kumpulan pekerja yang cukup mahir, yang boleh menyumbang kepada kilang-kilang ini, maka mereka tidak akan lari dari Malaysia. Kita juga sekarang tidak menggalakkan industri yang disebutkan sebagai *labor intensive* Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu, kita sudah masuk ke era *robotic*, kita sudah masuk ke era automasi dan sebagainya. Ini memerlukan ramai orang yang ada kemahiran dalam pendidikan teknik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu di negara China atau PRC, perkembangan ekonomi yang begitu pesat itu berlaku kerana mereka ada kumpulan pekerja yang mahir dan rela bergerak ke mana-mana tempat di mana ada peluang pekerjaan yang baik. Kita juga harus mendidik satu kumpulan sedemikian untuk Malaysia. Ini akan menarik lebih banyak kilang supaya datang ke Malaysia melabur di sini, menjadikan negara kita ibu pejabat mereka dan tidak payah pindah ke negara-negara lain dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kementerian ini pada masa sekarang telah mendapat satu peruntukan yang bagi saya cukup besar, kerana ia menjaga kepentingan dari banyak segi dan juga ia mempromosikan sains teknologi dan sebagainya. Sekarang kita sudah tambah inovasi. Saya ingin tahu apakah rancangan kementerian ini untuk perkembangan inovasi itu? Apakah idea-idea yang baru yang akan diberitahu kepada kita oleh Menteri, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis itu? Bagaimana kita dapat melaksanakan inovasi-inovasi itu di industri-industri kita berasaskan kepada teknologi, sama ada dengan fungsi yang baru ini iaitu inovasi, pegawai-pegawai di kementerian itu sudah bersedia untuk melaksanakan lebih inovasi di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pada saya satu perkara yang sangat mustahak. Kalau kita melihat dari segi jumlah paten yang diperolehi oleh negara kita, kita dapati kita jauh di belakang. Sungguhpun kita menjalankan begitu banyak penyelidikan, kita hanya ada kekuatan dalam kelapa, minyak sawit yang memang kita ada kepakaran. Dalam getah kita ada RRIM yang membuat banyak inovasi. Kita juga ada badan-badan yang ingin mempromosikan inovasi dan kementerian sekarang akan menggalakkan inovasi. Ini mungkin kita mengharapkan satu pihak iaitu penasihat sains kepada kerajaan. Penasihat sains sekarang Tuan Yang di-Pertua, telah pun dimasukkan ke dalam kementerian ini.

Saya berharap beliau ini akan mengkaji bagaimana Malaysia dapat melaksanakan inovasi-inovasi supaya membawa kita ke satu tahap yang lebih tinggi kerana sudah ada peruntukan untuk tugas ini, tetapi saya lihat peruntukan itu tidak

banyak, lebih kurang RM1 juta sahaja, tidak banyak, tetapi ini untuk tugas seorang yang dinamakan penasihat sains. Saya harap dengan adanya pakar ini di dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, maka kita boleh melihat lebih lagi rancangan-rancangan inovasi yang akan dilaksanakan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi jabatan yang telah dipindahkan ke dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ialah MDC atau Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd dan ini diberi peruntukan sebanyak RM16.15 juta. MDC itu adalah memang merupakan satu agensi yang penting dalam negara kita. Di bawah MDC ini saya lihat ada banyak perkembangan yang baik di negara kita. Saya berharap MDC bersama dengan penasihat sains boleh membawa lebih banyak inovasi dan kemajuan sains dan teknologi kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong peruntukan semula ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah. Dijemput.

### 11.58 pagi.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Bismillahir Rahmaanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Usul Rang Undang-undang berhubung dengan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari sumbangan wanita yang lebih penting sebagai rakan kongsi dalam pembangunan negara dan menerima hakikat betapa pentingnya wanita dalam mengukuhkan institusi keluarga dan sebagai asas kesejahteraan masyarakat dalam melahirkan generasi penduduk Malaysia yang berkualiti, maka peranan penting yang dipegang oleh seorang menteri wanita yang dipertanggungjawabkan dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat ketara.

Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kerana selepas Pilihan Raya Umum Ke-11, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberikan satu lagi tugas iaitu pembangunan masyarakat. Ia membuktikan betapa prihatinnya pucuk pimpinan kerajaan menghargai kebolehan wanita dalam menerajui kementerian yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, faktor penting yang harus ditingkatkan oleh kementerian dalam menyumbang ke arah kemajuan sosio dan ekonomi wanita adalah melalui pendidikan dan kesihatan.

Hari ini melalui pendidikan, tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan wanita dalam kerjaya dan telah ramai yang menceburi bidang pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Memandangkan jangka hayat wanita kini lebih panjang dan untuk memastikan wanita sihat dan terus kekal sihat semasa usia emas, kementerian haruslah memandang berat dalam program kesihatan keluarga yang merangkumi kesihatan ibu dan anak.

Saya mengharapkan supaya kementerian dengan lebih kerap dan meluas melaksanakan program pendidikan kesihatan, seminar pemakanan dan pemeriksaan kesihatan, di samping itu memberikan pendedahan, penerangan dan kesedaran khusus kepada wanita muda berkenaan dengan AIDS kerana peratus wanita yang dijangkiti AIDS semakin hari bertambah dari tahun ke tahun.

Tuan Yang di-Pertua, manakala dari segi ekonomi, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi penerangan dan penyediaan kredit mikro secara meluas dan mudah tanpa banyak birokrasi kepada wanita yang melibatkan diri dalam perniagaan kecil. Di samping itu kementerian haruslah memperbanyakkan lagi program-program latihan keusahawanan dan motivasi bagi membantu wanita khususnya ibu tunggal untuk terus hidup berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah dapat mewujudkan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di setiap Parlimen, ringkasnya MPWK. Diharapkan pewujudan MPWK hendaklah benar-benar mencapai matlamat dan sasaran walaupun

MPWK telah lama diwujudkan tetapi peranan yang diberikan oleh kementerian sangat terhad.

Saya ingin mencadangkan supaya setiap Majlis MPWK diwajibkan membuka dan mentadbirkan pejabatnya sendiri serta diperuntukkan dengan seorang kerani. Pejabat MPWK mestilah berperanan untuk menjadi tempat bergantung kepada wanita dalam meluahkan masalah dan tempat mendapatkan kaunseling. MPWK juga haruslah berperanan bukan hanya sebagai mengendali program mengikut garis panduan kementerian tetapi berperanan dalam membantu wanita dan keluarga ke arah kemajuan dalam semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh dari segi pembangunan masyarakat. Kita tahu Pemulihan Dalam Komuniti singkatannya PDK yang ditubuhkan oleh kementerian telah banyak menolong dan memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka yang kurang upaya ke pusat-pusat PDK. Keberkesanan pusat ini haruslah diteruskan dengan lebih banyak dan luas. Dari itu saya mencadangkan kepada kementerian supaya menubuhkan atau mewujudkan pusat PDK di setiap DUN dan diberikan peluang kepada isteri ADUN untuk mempengerusikan dan mentadbir pusat ini dan ianya telah pun dapat dilaksanakan di negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pengeluaran peruntukan bencana alam. Bila kita sebut bencana alam, ianya adalah suatu perkara yang di luar jangkaan. Oleh itu saya mengharapkan kementerian supaya menyelesaikan pemberian peruntukan simpati kerajaan dalam kadar segera. Kita tahu Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang mesra rakyat dan amat prihatin terhadap rakyat jelata. Dari itu, elakkanlah daripada birokrasi yang boleh menyusahkan rakyat. Sebagai contoh, di tempat saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mac yang lalu, Kluang menghadapi banjir yang begitu besar tetapi sehingga hari ini kerajaan masih gagal menjelaskan wang simpati kepada mangsa-mangsa banjir.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang Tabung Yayasan Negara yang mana ianya wujud tetapi sukar untuk dipohon. Dari itu bagi membolehkan semua pesakit penghidap penyakit kronik terutama yang berpendapatan rendah menikmati wang Tabung Yayasan Negara dengan segera, saya mencadangkan supaya kementerian mengagihkan peruntukan ataupun wang Tabung Yayasan Negara kepada daerah-daerah bagi mengelakkan kelewatan dan kerenah birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau orang buta boleh ke IPT dengan belajar melalui *Braille* dan beroleh kejayaan, kenapa tidak kementerian mencadangkan supaya peluang yang sama diberikan kepada orang-orang kurang upaya, bisu dan pekak untuk ke IPT dan belajar dengan menggunakan perkhidmatan pensyarah bahasa isyarat.

Itu sahaja cadangan-cadangan saya untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya mengharapkan kepada kementerian ini dengan peruntukan yang diberikan begitu besar iaitu sebanyak RM237.8 juta akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya, khasnya kepada wanita, keluarga dan juga kepada masyarakat kita yang kurang upaya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah pun begitu prihatin tentang pembangunan wanita. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

#### 12.06 tgh.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak bincangkan berkenaan dengan perkara yang melibatkan 128 orang murid yang tidak dapat ditawarkan kursus perubatan. Kini keputusan sudah diambil dan kita dapati hanya segolongan kecil sahaja yang mendapat tempat di IPTA dan segolongan besar dihantar ke IPTS.

Di negara kita ada enam buah IPTA yang mengendalikan kursus perubatan tetapi kini terdapat hanya sedikit IPTA yang sanggup menambahkan tempatnya untuk murid-murid yang tersebut. Seseengah IPTA pula tidak pun mengambil usaha yang

positif untuk menerima murid-murid tersebut mengikut nasihat Perdana Menteri kita kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk memperluaskan dan menambahkan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar ini supaya mereka dapat masuk ke kursus-kursus pilihan mereka tetapi nampaknya nasihat-nasihat itu diketepikan dan tidak diambil berat. Nisbah-nisbah yang dilonggarkan oleh MMC juga diketepikan, yang menyebabkan pelajar-pelajar ini agak kecewa.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran-cabaran yang mengancam dalam era terkini adalah cabaran-cabaran yang perlu dihadapi dalam era globalisasi. Cabaran-cabaran yang dihadapi itu seperti kejatuhan dan juga kelembapan ekonomi pada tahun-tahun kebelakangan, dan juga tindakan dan serangan atas mata wang Ringgit di rantau ini oleh pihak-pihak yang berniat jahat seperti Soros itu telah membawa penderitaan yang begitu teruk. Cabaran-cabaran globalisasi ini yang kita perlu hadapi dan atasi adalah begitu ketara.

Daya saing negara kita dalam globalisasi menentukan kemajuan dan kelemahan ekonomi negara kita. Daya saing negara kita di arena antarabangsa juga mempengaruhi baik buruknya taraf kehidupan rakyat jelata secara keseluruhannya. Kini kita dengar pelabur-pelabur asing juga memindahkan operasinya atau separuh daripada operasinya ke negara-negara Asia Pasifik.

Kemampuan kerajaan untuk memelihara dan mempertingkatkan kecapaian intelek dan juga cerdik pandai itu adalah mustahak bukan sahaja sebagai satu langkah yang prihatin tetapi juga mempertingkatkan daya saing negara kita dari segi kualiti dan kuantiti. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajar-pelajar yang ditempatkan di IPTS untuk melanjutkan pengajian perubatan dengan yuran yang sepuluh kali ganda itu, bagaimanakah anak-anak dari keluarga miskin dapat membiayai perbelanjaan yang sebesar itu dan juga sanggupkah mereka itu menghabiskan pengajian yang agak mahal yurannya. Apakah pinjaman yang boleh diberi kepada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya hendak sentuh adalah dalam senarai pelajar yang cemerlang itu kebanyakannya adalah terdiri daripada calon STPM. Dalam statistik corak bentuk lengkungan itu kebiasaannya ialah normal (*normal distribution curve*) tetapi hakikat yang kita nampak ia tidak menunjukkan *the normal distribution curve* untuk senarai pelajar itu, yang kebanyakannya terdiri daripada calon STPM. Adakah sijil STPM itu kurang kompetitif sehingga calon STPM tersenarai di bawah?

Memandangkan STPM adalah satu peperiksaan awam terbesar yang diambil oleh semua kaum termasuk juga ramai bumiputera di peringkat prauniversiti, adakah tindakan yang diambil itu menjejaskan pemartabatan STPM? Saya berharap Kementerian Pengajian Tinggi dapat mengkaji dengan mendalam supaya dapat mencapai satu situasi menang-menang (*win-win situation*) untuk kebaikan negara serta memelihara dan mempertingkatkan daya saing sumber tenaga negara kita keseluruhannya. Sekian, terima kasih. Saya turut menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

#### 12.14 tgh.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan akta yang sedang kita bincangkan pada hari yang mulia ini. Seperti yang sama-sama kita maklum bahawa akta yang dikemukakan kepada kita ini ialah untuk kita meluluskan suatu peruntukan yang dipohon sebanyak RM7,639,139,369 daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan. Oleh sebab pihak kementerian telah menyekat dari segi peraturan, mengikut peraturan wang sejumlah ini yang telah diberikan, ataupun yang telah diperuntukkan secara asal kepada kementerian-kementerian dan jumlah wang ini juga akan diperuntukkan kepada kementerian-kementerian yang baru dibentuk dan juga kepada jabatan-jabatan yang telah dipindahkan dari kementerian-kementerian tertentu yang dipindahkan kepada kementerian yang lain maka jumlah peruntukan yang dipohon ialah sebanyak yang saya sebutkan tadi.

Saya rasa Dewan ini, tiada apa-apa halangan bagi meluluskan peruntukan tersebut. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Yang

pertama sekali saya ingin menyentuh Maksud B.6 - Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri, dalam peruntukan yang dipohon telah diperuntukkan sebanyak RM104,556,731 yang mana jumlah ini adalah untuk menampung perbelanjaan bagi Program Perpaduan Negara yang asalnya diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tetapi program ini telah dipindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin memohon kepada Jabatan Perdana Menteri, oleh sebab peruntukan yang begitu besar telah diperuntukkan di dalam penyusunan semula peruntukan ini, saya harapkan supaya Program Perpaduan Negara ini akan dapat ditingkatkan. Di antaranya ialah program Rukun Tetangga. Saya melihat bahawa fungsi Rukun Tetangga ini sangat penting terutama di bandar-bandar. Di bandar Kuala Lumpur fungsi Rukun Tetangga itu kalau kita lihat, ia mampu memberikan sumbangan untuk memelihara dan menjaga ketenteraman awam dengan satu syarat bahawa Rukun Tetangga itu mestilah mempunyai kerjasama yang rapat dengan pihak polis.

Di tempat-tempat ataupun di kawasan-kawasan Rukun Tetangga yang telah diwartakan, kita melihat bahawa apabila ada rondaan yang dibuat oleh Rukun Tetangga di kawasan-kawasan taman atau di kawasan-kawasan di pinggir-pinggir taman di Kuala Lumpur ini misalnya, kita melihat ada sedikit kawalan, terutama sekali terhadap perbuatan-perbuatan seperti ragut dan juga gangguan kepada kaum wanita, sama ada gangguan ini dibuat oleh kaum lelaki atau kaum wanita sendiri.

Walau bagaimanapun, apabila Rukun Negara ini dapat kita tingkatkan dan kita mengharapkan melalui Program Perpaduan Negara ini, Jawatankuasa Rukun Tetangga itu hendaklah diberikan latihan yang sebaik-baiknya supaya mereka dapat mendampingi masyarakat dan Rukun Tetangga itu juga kita harapkan dapat menggiatkan apa jua persatuan yang ada di dalam sesebuah masyarakat terutama sekali di kawasan-kawasan taman.

Ini bukan sahaja perlu dibuat di Kuala Lumpur tetapi juga di banyak taman-taman yang kita lihat sekarang ini telah dibangunkan di seluruh negara dan kita melihat bahawa gejala sosial ini banyak berlaku di taman-taman, yang apabila Rukun Tetangga diberikan fungsi yang sebaik-baiknya dan jawatankuasanya diberikan latihan yang sebaik-baiknya bukan sahaja dari segi latihan kawalan tetapi juga latihan bagaimana mereka ini dapat mendekati diri mereka kepada masyarakat setempat. Misalnya, walaupun kawalan dibuat tetapi kadang-kadang Jawatankuasa Rukun Tetangga itu tidak mampu mendekati diri mereka kepada institusi-institusi yang ada di dalam sesebuah taman ataupun di dalam sesebuah kampung itu.

Kita tahu kalau kampung orang Melayu atau orang Islam, di situ ada masjid, ada surau dan masjid dan yang bukan Islam barangkali ada tokong, ada kuil dan sebagainya, maka kalau Jawatankuasa Rukun Tetangga ini memahami tentang bagaimana hubungan sosial, hubungan kemasyarakatan di antara institusi-institusi yang ada di kawasan mereka, kita mengharapkan bahawa melalui Program Rukun Tetangga ataupun Program Perpaduan Negara yang sekarang ini dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri, kita akan dapat meningkatkan lagi persefahaman dan dengan yang demikian itu kita dapat meningkatkan lagi rasa perpaduan di kalangan masyarakat.

Apabila masyarakat prihatin terhadap soal perpaduan ini maka kita akan dapat menyaksikan bahawa masyarakat itu akan hidup aman, tenteram dan harmoni. Kita juga mengharapkan semoga institusi-institusi, persatuan-persatuan yang ada di sesebuah taman itu seperti persatuan penduduk, persatuan kebajikan orang-orang Islam, mungkin juga ada persatuan kebajikan orang-orang Hindu, dan persatuan kebajikan orang-orang yang menganut agama Buddha. Jika sekiranya Rukun Tetangga ataupun program perpaduan ini boleh kita salurkan kepada institusi-institusi ini sekurang-kurangnya untuk menerapkan ataupun untuk meningkatkan kefahaman di antara budaya masing-masing maka kita mengharapkan ianya akan dapat membangunkan sebuah masyarakat yang adil dan sebuah masyarakat yang harmonis di kalangan kita. Ini tentunya akan dapat membentuk sebuah masyarakat yang baik, sebuah masyarakat majmuk yang ada kerjasama di antara satu dengan yang lain.

Saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri yang telah diberikan tugas untuk menjaga program perpaduan negara yang telah diambil alih ataupun yang telah dipindahkan, dahulunya di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kita mengharapkan supaya apabila ianya dipindahkan kepada Jabatan

Perdana Menteri kemudian diberikan peruntukan yang munasabah. Kita mengharapkan supaya kegiatan-kegiatan yang bertujuan untuk membangun dan membina keselamatan rakyat, keharmonian rakyat akan dapat ditingkatkan.

Selain dari itu, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Maksud B.15, iaitu Kementerian Luar Negeri. Kita tahu bahawa sesungguhnya sebuah negara itu dalam dunia global ini tidak dapat mengasingkan diri dari satu negara dengan satu negara yang lain. Hubungan yang rapat di antara negara-negara yang tersebut perlulah kita perkukuhkan. Misalnya apabila Malaysia menjadi Pengerusi NAM kita mengharapkan peranan Kementerian Luar Negeri akan dapat meyakinkan lagi bahawa sesungguhnya peranan kita itu akan dapat mempertingkatkan perpaduan bangsa di seluruh dunia.

Selain dari itu, kita harus memperkenalkan negara kita ini untuk menarik pelabur-pelabur daripada negara-negara kaya. Kita tahu apabila berlaku krisis di Amerika yang ada sekarang ini pelabur-pelabur daripada negara-negara Arab yang kaya, mereka sudah mula menumpukan perhatian ke negara kita ini. Oleh yang demikian, Kementerian Luar Negeri haruslah mempunyai peranan. Kementerian Luar Negeri dan agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang ada di dalamnya bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain bagi memperkenalkan peluang-peluang yang ada di Malaysia ini supaya mereka itu akan datang melabur dan juga akan datang melancong ke negara kita.

Misalnya orang-orang Arab di padang pasir tentulah dia suka hendak melihat hutan. Saya banyak kali apabila orang Arab ke sini saya tidak bawa mereka naik kapal terbang. Kalau mereka hendak pergi Kelantan ataupun Kedah, saya bawa mereka itu dengan kereta, maka mereka sangat takjub melihat dan hairan melihat hutan-hutan dan sawah-sawah padi yang ada di tepi-tepi jalan. Kalau lalu di Kedah misalnya mereka akan melihat sawah padi dan ini boleh menarik perhatian mereka. Kalau kita lalu di Pahang mereka akan melihat gunung-ganang, bukit-bukau yang di atasnya itu kayu-kayan dan sebagainya yang barangkali mereka jarang menyaksikan kayu-kayan walaupun kayu-kayan ini bagi kita mungkin tidak ada apa-apa. Tetapi walau bagaimanapun, kayu-kayan ini sangat berfaedah. Sekarang ini orang mencuri pun, sudah ada yang curi kayu balak. Kayu balak pun orang curi, bukan sahaja yang lain, kayu balak dalam hutan pencuri-pencuri pun ambil juga.

Saya bukanlah hendak cerita fasal pencuri, tetapi hendak ceritakan bahawa untuk menarik perhatian pelancong-pelancong dari Bahrain, pelabur-pelabur daripada Bahrain, dari Qattar, dari Abu Dhabi, dari Kuwait yang sudah mula berminat menanam modal di negara kita, tetapi juga datang melancong. Maka dengan sebab itu tentulah Kementerian Luar Negeri mempunyai program untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan bagi menarik pelancong-pelancong daripada negara-negara Arab ini supaya mereka jangan berbelanja lagi di Amerika atau di negara-negara Eropah, tetapi mereka datang ke negara kita ini. Dengan yang demikian boleh menambah pendapatan negara kita. Itu dari segi Kementerian Luar Negeri.

Saya juga berharap supaya Kementerian Luar Negeri mengambil pegawai-pegawai, menambah pegawai-pegawai yang terdiri daripada kalangan orang-orang yang memahami bahasa Arab supaya mereka dapat menghubungi orang-orang Arab itu dengan cara yang lebih baik, yang sesuai mengikut adat resam mereka. Ini satu perkara yang sangat penting. Saya mengharapkan juga kepada Kementerian Luar Negeri yang telah diperuntukkan sebanyak RM4 juta walaupun tidak banyak, hanya RM4,026,916. Ini diberikan dalam peruntukan semula peruntukan perbelanjaan tahun 2004 kepada Kementerian Luar Negeri. Semoga dengan peruntukan yang demikian Kementerian Luar Negeri akan dapat meningkatkan lagi kegiatan-kegiatannya bagi memperkenalkan Malaysia ataupun bagi menarik pelabur-pelabur daripada negara-negara Arab yang kaya-kaya dan saudagar-saudagar Arab yang kaya yang dahulunya banyak menghabiskan wang mereka ataupun melaburkan wang mereka di Amerika dan Great Britain.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat walaupun saya tidak wanita tetapi saya sangat-sangat tertarik. Walaupun dalam program-programnya saya lihat tidak banyak menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dan bagaimana program, yang disebut keluarga dan masyarakat. Maknanya, kalau kita lihat dari segi nama, kementerian ini sangat besar tanggungjawabnya, hendak membina sebuah keluarga, kemudian daripada keluarga itu kementerian ini bertanggungjawab pula untuk membangunkan sebuah masyarakat yang sihat, masyarakat yang baik, masyarakat

yang tadi saya katakan yang harmonis. Ini adalah tanggungjawab Kementerian ini kalau kita hendak kira atas nama Kementerian tetapi mungkin kerja-kerja Kementerian ini tidak begitu.

Kalau kita lihat dalam jadual tugas-tugas Kementerian ini tidak banyak yang menyentuh bagaimana mereka hendak membangunkan sebuah masyarakat, misalnya melalui pendidikan, bukan pendidikan sekolah. Bagi saya pendidikan ini bukan di sekolah sahaja. Pendidikan ini melalui pengalaman, melalui pergaulan, melalui kita mendekati orang jahat, kita dekati, maka akan dapat pengalaman itu menjadi satu pendidikan kepada kita dan kita pula apabila kita memberikan contoh yang baik, nasihat yang baik walaupun dia tidak sekolah, itulah saya kira sebagai suatu pendidikan.

Pendidikan itu mesti bermula dari kita sendiri. Sebab itu Nabi kita Muhammad S.A.W. bila beliau hendak mengajar sahabat-sahabat dia kata '*imla' binafsih*', kamu mula dengan diri kamu dahulu. Maknanya, kalau kita hendak mengajar, menunjuk kerja-kerja yang baik kepada keluarga dan juga untuk membangunkan masyarakat yang asasnya ialah keluarga itu maka kita, maksud saya pegawai-pegawai yang ditugaskan di dalam Kementerian itu mestilah menunjukkan contoh, teladan yang baik yang boleh ditiru oleh masyarakat yang dia hendak bina ataupun yang boleh dicontohi oleh keluarga dan juga masyarakat yang hendak dibangunkan. Ini saya mengharapkan supaya Kementerian ini yang telah diperuntukkan di sini sebanyak RM273,834,343 ini, walaupun di sini dia kata untuk Program Kebajikan Masyarakat yang dipindahkan. Ini juga dipindahkan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga. Dahulu tugas Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kemudian dipindahkan tugas ini kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Maka dengan sebab itulah diberikan peruntukan. Kalau dipindahkan sahaja tugas ini kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, tidak dibagi apa-apa peruntukan apa yang dia hendak buat? Maka dengan sebab itulah peruntukan telah diberikan. Saya menyokong, saya katakan kita tidak akan membuat apa-apa bantahan terhadap semua peruntukan sama ada peruntukan yang asal dikekalkan ataupun peruntukan-peruntukan yang dahulunya ada pada Kementerian yang lain dipindahkan kepada Kementerian yang jabatannya juga dipindahkan, tentulah ia memerlukan perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kepada B.70, walaupun ia banyak disentuh oleh sahabat saya Dato' Dr. Chin Fook Weng dari Pulau Pinang. Maksud B.70 - Kementerian Pengajian Tinggi yang telah diberikan peruntukan yang begitu banyak iaitu RM3.8 bilion lebih, saya tidak baca. Memangnya kita tidak menafikan bahawa peranan Kementerian Pendidikan Tinggi ini yang sebahagian besarnya dahulu peruntukannya ada pada Kementerian Pendidikan, tetapi apabila dibentuk satu Kementerian baru yang dinamakan Kementerian Pendidikan Tinggi tentulah ia memerlukan kewangan ataupun memerlukan peruntukan yang banyak, kerana ia ditugaskan untuk menjaga dan memelihara ataupun mengembangkan universiti-universiti dan pengajian tinggi di negara kita ini sama ada IPTA ataupun IPTS.

Saya rasa peruntukan yang sebanyak ini adalah suatu peruntukan yang sangat munasabah. Walau bagaimanapun saya juga ingin menarik perhatian oleh kerana seperti yang disebutkan tadi, ramai keluaran-keluaran universiti ini ataupun siswazah universiti ini yang sekarang ini sedang menganggur. Saya difahamkan lebih dari 72,000 sekarang ini yang menganggur. Mungkin pada tahun ini akan bertambah lagi. Persoalannya bagaimanakah kita hendak melatih kerana ada banyak program latihan.

Saya bagi contoh misalnya, latihan ini saya melihat hanya diberikan kepada buruh-buruh yang datang dari Bangladesh, India dan Indonesia. Sepanjang ingatan saya, pengalaman saya, ini pengalaman, mereka datang ke sini dahulu dengan dibayar, dibayar oleh kontraktor-kontraktor RM18 sahaja satu hari. Sekarang ini mereka menuntut sampai RM70. Yang mahir dalam bidang plaster misalnya dibayar di antara RM60 hingga RM70. Ini pun suatu persoalan juga yang saya kira kenapa kilang-kilang yang begitu banyak di negara kita ini tidak begitu mahu mengambil pelajar-pelajar universiti kita ini ataupun siswazah kita ini untuk bekerja di kilang-kilang ataupun di industri mereka, padahal mereka itu mempunyai kelulusan yang berbagai-bagai. Kalau dahulu dihebohkan kononnya yang tidak mendapat pekerjaan ini ialah orang-orang yang tidak mempunyai kelulusan iaitu mereka yang mengambil *art stream* (bahagian kesusasteraan) sahaja tidak mengambil bidang sains.



Tetapi sekarang ini saya difahamkan ada ramai orang yang mendapat kelulusan *engineer*, ahli-ahli sains dan sebagainya tidak ada pekerjaan. Ini juga harus diambil kira supaya diwujudkan suatu bentuk atau suatu macam latihan supaya pelajar-pelajar yang lulus universiti ini bersedia ataupun sanggup untuk bekerja di mana-mana sahaja pada peringkat awal, kecualilah apabila mereka itu telah diberikan tempat yang baik, yang sesuai dengan jurusan pengajian mereka, maka pada waktu itu kita harapkan mereka akan dapat menerima pekerjaan itu.

Walau bagaimanapun pada waktu ini maknanya pihak pengajian tinggi hendaklah juga kita harapkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi ini mencari jalan dan bekerjasama dengan industri-industri atau kilang-kilang yang ada di negara kita ini bagi menempatkan siswazah yang menganggur ini supaya bilangan siswazah yang menganggur di negara kita ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di sini peruntukan yang telah diberikan banyak, tetapi saya sentuh ialah peruntukan yang diberikan kepada Program Pendidikan Swasta yang dipindahkan dari Kementerian Pelajaran dahulu Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab untuk memerhatikan pendidikan swasta ini. Sekarang ini sudah dipindahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

Kita telah difahamkan bahawa sesungguhnya pendidikan swasta ini bukanlah dia tumbuh begitu sahaja. Ia boleh diwujudkan melalui peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dahulunya oleh Kementerian Pendidikan, barangkali pada masa yang akan datang ini akan ditetapkan lagi ataupun ditambah, diperkukuhkan lagi peraturan-peraturan itu oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Dalam perkara ini sebanyak RM9,530,540 telah diperuntukkan. Kita mengharapkan supaya pendidikan swasta yang sekarang ini sedang tumbuh di negara kita akan mendapat perhatian yang sebaik-baiknya daripada kementerian ini dan memberikan panduan-panduan kepada pendidikan swasta ini supaya Program Pendidikan Swasta ini akan dapat memberikan manfaat dan faedah kepada masyarakat dan juga negara. Maka dengan sebab itu kita mengharapkan supaya pada masa yang akan datang pelajar-pelajar kita ini bukan sahaja diberikan semangat kepada mereka, bahawa sesungguhnya melalui pengajian tinggi ini mereka akan dapat bekerja di jabatan-jabatan kerajaan.

Kita melihat di India, di Indonesia saya melihat Indonesia misalnya, sebagai contoh di India – India ini pasal saya berjalan, saya pernah merantau bukan merantau apa, maknanya pergi melalui jalan darat. Saya banyak bertemu dengan pelajar-pelajar dari bandar ke bandar seperti di Madras, New Delhi malah saya pernah pergi ke suatu kawasan Sikh kita ini, kita panggil Benggali Sikh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Punjab.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Di Punjab Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Shukri:** Punjab di Ferozepore. Ferozepore itu satu provinsi yang kita katakan hampir 90% penduduknya orang Punjabi. Kemudian daripada Ferozepore ini saya naik kereta kuda pergi ke 'Hussainiwala namanya. Hussainiwala adalah sempadan India dengan Pakistan, India/Pakistan di situ ada Pejabat Imigresen untuk kita hendak pergi ke Pakistan. Saya daripada situ pergi ke Lahore berjumpa dengan orang-orang Lahore. Saya dapati banyak pelajar yang lulus universiti tetapi mereka tidak bekerja dengan kerajaan.

Ini barangkali akan sampai ketikanya di suatu masa nanti bahawa negara kita juga akan menjadi demikian. Tetapi setengah daripada mereka ini di Indonesia misalnya saya beri contoh Indonesia, dia kreatif. Sebab itu Indonesia, saya tengok yang pengajian Bahasa Arab, hari ini buku yang datang dari negara Arab, dia sudah terjemah. Tiga atau empat hari, sudah keluar. Ini dibuat oleh pelajar-pelajar universiti. Barangkali sebabnya ialah kerana mereka tidak ada pekerjaan. Dia cari jalan bagaimana supaya mereka mendapat kemasukan dan menterjemah buku-buku daripada Bahasa Arab.

Begitu juga bahasa yang lain daripada bahasa Belanda kerana ada dahulu, orang dahulu dia boleh berbahasa Belanda. Ini yang saya perhatikanlah. Saya mengharapkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi ini akan mencampakkan, saya menggunakan kalimah "mencampakkan" pemikiran dan pandangan bahawa

sesungguhnya pada 20 atau 30 tahun yang akan datang semua pelajar yang belajar di universiti ini semata-mata untuk mencari ilmu pengetahuan, tetapi dari segi pekerjaan kita kenalah juga beritahu kepada mereka kerajaan tidak akan sanggup menyediakan. Bila keluar universiti ada pekerjaan. Ini pun suatu perkara yang perlu ditanamkan kepada siswazah-siswazah kita pada masa yang akan datang dan saya rasa peranan ini akan dapat dimainkan oleh sahabat saya Menteri Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada banyak lagi perkara yang saya hendak sentuh, hatta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pun, tetapi ia telah disentuh oleh sahabat saya banyak perkara yang mengikut catatan saya hampir sama tajuk-tajuk dia, tajuk-tajuk yang hendak saya sampaikan kepada Dewan ini ada teguran-teguran yang membina terhadap pihak Pasukan Polis kerana Pasukan Polis paling banyak sekali mendapat peruntukan RM2.3 bilion lebih diperuntukkan. Ini bermakna bahawa sesungguhnya kita sangat prihatin dan kita akan meluluskan peruntukan ini.

Kita mengharapkan juga kepada Pasukan Polis sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya tadi supaya dia mesra rakyat. Sekarang ini kadang-kadang, inilah dia kesan daripada pendidikan saya kira sama ada pendidikan di rumah ataupun pendidikan di mana masyarakat bila sebut polis sahaja, budak lari. Ini pun satu hal juga. Dia kata apa pasal, dia sebut "tangkap". Yang dikenalkan kepada anak-anak kita polis ini tukang tangkap sahaja. Tangkap sahaja kerja dia. Ini pun saya rasa satu pandangan yang tidak baik.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Baik.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ustaz Hassan. Adakah ini disebabkan bila budak itu masih kecil, tiap-tiap kali dia nakal, emak atau bapa akan kata; "*Ha, kalau berkelakuan demikian, polis akan tangkap*". Bila dia sudah lebih dewasa, dalam fikiran dia, polis akan tangkap. Adakah lebih baik kita ajar ibu bapa supaya jangan kata polis hendak tangkap kalau nakal. Mungkin kita cari satu lagi cara supaya mereka boleh mematuhi atau menunjukkan kelakuan yang baik tetapi jangan kata polis tangkap. Apakah pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada juga orang-orang yang marahkan polis walaupun polis siang malam menjaga keselamatan kita. Ini macam-macam tuduhan yang diberikan pada polis dan perkara ini pernah berlaku. Di Terengganu pernah berlaku. Macam-macam dikatakan kepada polis.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana kepada seorang budak, mungkin ini membersihkan otak mereka atau menanam unsur-unsur takut polis dalam otak mereka, bila sudah dewasa imej itu masih ada. Polis tengok sahaja mesti tangkap. Itulah mungkin menyebabkan kenapa imej tidak begitu baik. Mungkin itu satu unsur yang Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia itu kena mengkajinya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh setuju dengan setengah-setengah pandangan tetapi mungkin saya berbeza pada setengah-setengah pandangan Yang Berhormat. Dari segi polis tangkap tadi, saya sudah pun bercakap tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, inilah dia yang sangat mustahak iaitu apa-apa program yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita harap juga akan mendapat kerjasama daripada pihak polis. Pihak polis pula kalau ada program dia dengan masyarakat, dia perlu menjemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya perkara-perkara yang seperti ini boleh kita ceritakan apabila kita menyampaikan ceramah-ceramah dan sebagainya, supaya pandangan yang seperti ini akan dapat kita kikis.

Kita tidak mahu anak-anak kita, kita didik sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja, sehingga mereka apabila melihat polis dia takut. Pada hal polis itu sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya, itu saya setuju, maknanya mereka juga boleh memberikan bantuan kepada masyarakat dan sebagainya cuma ada kelalaian-kelalaian, ada kesilapan-kesilapan. Ini tidak dapat dielakkan kerana

setengah-setengah anggota polis itu berbeza. Tidak semua. Kita tidak boleh katakan semua. Ada perbezaan-perbezaan di antara mereka waktu menjalankan tugas.

Ada barangkali yang bersikap kurang mesra dengan rakyat, tidak bermesra dan ada yang bersikap menunjuk muka dia bengis sahaja, itu yang kadang-kadang menyebabkan pandangan yang berbeza di antara seorang dengan seorang yang lain terhadap pasukan polis ini. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa pasukan polis ini adalah untuk menjaga keamanan dan keselamatan rakyat. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan supaya tindakan-tindakan pihak polis ini juga jangan menggambarkan sesuatu yang dilihat, sesuatu yang boleh dilihat bahawa tindakan mereka itu waktu menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, kadang-kadang dilihat oleh setengah-setengah masyarakat bercanggah dengan hak asasi manusia dan sebagainya, misalannya. Ini sebagai contoh sahaja.

Yang Berhormat Datuk Mansor dok tengok saya tu. Datuk Mansor adalah Yang di-Pertua Persatuan Bekas Polis, Tuan Yang di-Pertua, ada di depan kita. Dengan sebab itu ditubuhkan. Kita mengharapkan Suruhanjaya Polis yang ditubuhkan baru-baru ini akan dapat memerhatikan bukan sahaja dari aspek....

**Tuan Ismail bin Kasim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim minta laluan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ustaz yang disayangi atas laluan yang diberikan kepada saya. Sejak kita wujudkan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini, saya rasa imej dan juga kewibawaan pasukan polis telah berada dalam tahap yang membanggakan. Ini bukan saya hendak puji Datuk Mansor tetapi ini hakikat. Buktinya kita lihat sekarang ini sudah ternampak ketelusan, keberanian pihak polis terutamanya dalam menangkap penjenayah-penjenayah besar yang pada masa dahulu mereka berjaya bersembunyi, berselindung di sebalik gelaran Dato', Tan Sri dan sebagainya. Maknanya sekarang ini dalam bahasa yang lebih baik, polis sekarang dia tidak memilih bulu. Tidak ada elemen-elemen pilih bulu atau nepotisme dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab ini.

Di Dewan yang mulia ini, saya melahirkan penghargaan sejak tertubuhkan B.52 ini – Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan walaupun peruntukan besar yang diberikan, saya rasa imej ini akan lebih baik lagi di masa-masa akan datang. Apa pandangan Yang Berhormat Ustaz berhubung perkara ini?

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Mansor.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak campur sedikit dalam hal ini. Macam yang disarankan oleh Yang Berhormat Ustaz Hassan supaya polis mesra rakyat, saya rasa mesra rakyat ini sudah lama. Persoalannya, adakah satu-satu perkara itu hanya boleh berlaku dengan satu pihak sahaja? Mesra ini mesti datang daripada dua pihak. Bertepuk dua belah tangan baru berbunyi.

Sebab itu saya rasa, yang patut saya minta pandangan Ustaz sama ada benar bila kita kata mesra rakyat, rakyat juga harus mesra kepada polis. Maknanya, rakyat mempunyai sikap mesra polis kerana saya selalu mengatakan polis itu hak masyarakat. Polis itu sahabat masyarakat tetapi ada juga orang yang mengatakan kerana tidak tercapai maksud dan tujuan sesuatu yang melibatkan polis, maka dilihat polis itu sebagai yang tidak baik.

Kalau kita hendak lihat yang tidak baik, semua pun tidak baik. Kalau kita hendak lihat yang baik, kita akan mendapati ia baik. Pandangan Yang Berhormat Ustaz Hassan apabila kita mengatakan mesra polis, patutkah kita hanya meminta sebelah pihak, sedangkan sebelah pihak lagi sikapnya tidak berubah juga. Bila masa yang kita akan mencapainya?

Sebab saya menyatakan begini, barangkali apa pendapat Ustaz juga barangkali hari ini orang tidak begitu bergantung sangat rasa keselamatannya kepada polis kerana kita menikmati negara yang begitu aman, begitu selamat tetapi kalau kita tengok ketika darurat dahulu bahawasannya sedikit pun, apa juga hal pun, kita akan cari

polis kerana kita merasakan diri kita terancam. Hari ini tidak. Sebab itu kita merasa lega dan kita boleh fikir apa sahaja yang kita hendak buat. Apa pandangan Ustaz berkenaan perkara ini – mesra rakyat, mesra polis.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perbincangan saya daripada awal saya sudah sebutkan. Pertama, ini dari segi rakyat, jangan mendidik, melatih anak kecil bila tengok polis, polis tangkap kamu. Itu dari segi rakyat. Maknanya, kalau kita didik anak-anak kita itu dan kita sendiri sentiasa menghormati polis, saya begitu pendirian saya, menghormati polis atas perkara-perkara yang benar. Tentulah perkara-perkara yang tidak benar, siapa pun saya boleh bersetuju juga dengan yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

Maknanya, ada tempat-tempat yang mungkin polis tidak mesra langsung. Kalau sekiranya melakukan kesalahan dan sebagainya, hendak mesra macam mana? Dengan sebab itu, didikan, latihan daripada ibu bapa yang saya kaitkan lagi supaya bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini. Polis bekerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini saya rasa satu cara yang sangat baiklah. Kalau tengok polis selalu dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini.... [*Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani*]. Datuk Haji Karim tidak ada, ya. Datuk Haji Karim tidak ada hari ini. Kalau ada Datuk Karim maknanya, kita boleh bawa sekali sekala Datuk Karim ini, dia sangat mesra wanita. [*Ketawa*]

Orang akan melihat, masyarakat akan melihat demikianlah hubungan mesranya di antara pihak polis bukan sahaja dengan rakyat yang lelaki tetapi juga dengan rakyat yang wanita atau perempuan. Kerjasama ini sangat penting di antara kementerian dengan kementerian. Saya tidak tahu apakah mekanisme yang akan dibuat oleh pihak polis dan kementerian yang berkenaan untuk mendidik, memberikan kefahaman kepada warganegara kita ini supaya mereka sentiasa menggunakan ataupun menghormati polis dan menggunakan polis itu untuk tujuan-tujuan kebaikan - memelihara keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara.

Kita tidak menuduh maknanya polis semua begitu.. Tidak, saya tidak tuduh begitu. Kita hendak jadikan semua pihak jadi baik. Itu saya punya pendirian, semua pihak menjadi orang yang baik.

Untuk melatih manusia ini menjadi baik sangatlah susah kerana kita ini diberikan oleh Allah S.W.T akal dan nafsu. Kebetulan saya sahaja sebutlah Tuan Yang di-Pertua, malam tadi saya balik awal bagi kuliah – surah Thoha yang menceritakan tentang Nabi Adam. Dalam surah itu Nabi Adam sampai dikeluarkan dari syurga kerana digoda oleh Iblis. Dia pandai Iblis ini. Saya minta maaf sedikit ya, sebut sedikit. Iblis ini dia pandai. Dia tengok kalau orang berserban besar, dia pakai serban yang lagi besar. Ha...itu Iblis. Kalau orang berniaga, dia ikut trend orang berniaga. Dia goda orang berniaga dia kata, "*Kalau buat macam ini kamu untung banyak.*" Dia suruh tipulah sedikit-sedikit, timbang ke atau macam mana. Begitu!

Itu Iblis punya kerja tetapi Al-Quran menyatakan bahawa Iblis ini akan menjadi musuh keturunan Nabi Adam, ini tidak mengira agama – Cina, India, Pakistan, orang Putih, orang Siam, semua dia akan goda kita mengikut aliran seseorang itu. Kalau orang berniaga, dia berniaga, orang menimbang, dia kata kamu kurangkan. Bila dia hendak jual dia kurangkan sedikit timbangan – kalau dahulu saya gunakan katilah, 16 tahlil sekati, dia timbang 13 tahlil sahaja – sudah 3 tahlil untung dari segi timbangan selain daripada harga dia naikkan. Itulah dia kerja Iblis.

Saya hendak kaitkan ini ialah dari segi kerjasama bukan sahaja dua belah pihak tetapi pelbagai pihak dalam usaha kita untuk mendidik, melatih membangunkan sebuah masyarakat yang baik di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut lagi satu peruntukan yang juga telah dipindahkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang dahulunya di bawah Perbelanjaan Program Anti Dadah Kebangsaan dipindahkan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Tuan Ismail bin Kasim:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim minta laluan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Minta laluan sekali lagi, ustaz. Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat ustaz tidak keberatan tajuk Iblis tadi. Sedikit sahaja soalan

saya. Kalau manusia itu dia sudah masuk dalam anggota tetap Iblis, adakah Iblis akan kacau lagi?

**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri:** *[Ketawa]* Ini pun satu soalan. Susah juga hendak jawab. Saya ingat Yang Berhormat itu macam mana dia boleh kenal orang itu menjadi ...*[Dewan riuh]* anggota tetap persatuan Iblis-iblis. Ha...itu pun satu hal juga tetapi di dalam Al-Quran disebutkan kalau kita orang Islam.....minta maaf, saya mohon izinlah kepada yang bukan Islam, dalam satu ayat *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Iblis ini boleh berwajah seperti manusia sama ada manusia yang dimaksudkan itu telah masuk persatuan iblis atau tidak itu kita tidak boleh hukumlah, saya tidak tahu yang itu tetapi yang pentingnya kita sebagai manusia yang dijadikan oleh Allah S.W.T yang diberikannya akal, ada nafsu, kita kenalah membuat perbandingan yang mana baik, yang mana tidak baik. Kita hendaklah melatih diri dan anak-anak kita juga supaya mereka itu memilih yang baik dan meninggalkan yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di mana dahulunya peruntukan ini ada pada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dipindahkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri iaitu Program Anti Dadah Kebangsaan yang diperuntukkan sebanyak RM65,625,201 juta. Maknanya sekarang ini Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini telah menanggung beban yang dahulunya ditanggung bebannya oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Anti Dadah Kebangsaan ataupun suatu gerakan yang mungkin akan ditingkatkan lagi bagaimanakah untuk memerangi dadah di negara kita ini.

Dahulu saya telah bangkitkan, saya lihat yang - ini barangkali bersangkutan dengan polis pula – yang banyak ditangkap ialah pengedar-pengedar kecil yang ada di stesen-stesen bas. Saya belum dengar lagi pengedar yang paling besar pernah kena tangkap sebab saya difahamkan orang yang pelarikan dadah ini upahnya sahaja daripada Thailand pergi ke Perancis ialah RM5 juta. Yang Berhormat cubalah fikir kalau upahnya RM5 juta, berapakah harga dadah itu?

Saya belum pernah dengar lagi tauke dadah yang besar ini kena tahan, kena tangkap. *[Disampuk]* Tidak tahulah kalau ada tidak apalah. Saya sendiri sepanjang yang saya ingat dan baca surat khabar belum ada lagi yang maknanya hari itu disebutkan bahawa pengedaran perniagaan dadah di seluruh dunia – Menteri atau Timbalan Menteri manakah yang jawab, bernilai RM500 bilion. Saya tidak tahu yang ada di Malaysia ini berapa bilion tetapi kita belum pernah dengar lagilah yang besar ini tertangkap. Yang besar betullah...yang besar.

Kalau tauke dadah yang besar ini kena tangkap, gudang dia kena serbu – gudang yang besar-besarnya, yang kecil-kecil ini tidak boleh kiralah, saya ingat kalau dia berhenti, dadah tidak ada. Kurang-kurang dua tiga tahun kita akan melihat bahawa dadah itu mungkin tidak lagi diedarkan oleh pengedar-pengedar.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Mansor.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kena sebut ini sebab saya tidak hendak ada orang memikirkan dengan kenyataan Yang Berhormat Ustaz Hassan tadi bahawa yang paling besar itu duduknya di Malaysia. Dengan kenyataan itu mungkin orang akan terbayangkan tidak pernah lagi kena tangkap, jadi orang memikirkan di Malaysia. Kegagalan kita untuk mengatasinya. Adakah Yang Berhormat tahu kemungkinan yang paling besar itu duduk di atas gunung di negara lain tidak semestinya di Malaysia, tetapi yang besar-besar di Malaysia saya rasa mengikut rekod sudah banyak tertangkap. Terima kasih.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat penjelasan daripada...

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Menyambung kenyataan Datuk Mansor.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri:** Saya tidak bagi laluan dahulu, saya hendak terima kasih, tak kan tidak terima kasih. Saya terima kasih kepada Datuk Mansor yang telah memberikan.... saya pun tidak sebut pengedar besar itu di Malaysia.

Saya tidak sebut perkataan Malaysia pun, saya kata pengedar besar ini tidak kena tangkap. Di mana tidak kiralah.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Saya tidak kata Ustaz Hassan berkata, tetapi kenyataan itu boleh membayangkan bahawasanya mungkin yang besar-besar itu ada di Malaysia. Kemungkinan. Itu yang saya maksudkan. Saya bukan kata yang Ustaz Hassan mengatakan dia tidak sebut, dia ada sebut. Memang dia tidak sebut yang orang yang besar ini di Malaysia tetapi kenyataan itu sendiri boleh membawa maksud, beranggapan bahawasanya yang besar itu duduk di Malaysia. Kita tidak hendaklah macam itu bukan? Sebab apa, yang besar-besar di Malaysia, kenyataannya, rekodnya sudah banyak tertangkap. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya minta semua kenyataan yang dikatakan itu biar lebih jelas.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, barangkali.....

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Sedikit...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim, saya benarkan satu lagi laluan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Saya hendak betulkan sebab apa yang Ustaz Hassan tidak pernah baca, saya pernah baca, Tuan Yang di-Pertua. Buktinya dua rangkaian yang melibatkan RM15,000 juta. Walaupun melibatkan rakyat Malaysia tetapi operasinya di Australia dan orang Malaysia ini orang Melayu yang mempunyai kilang kertas daripada Pulau Pinang, ditangkap dan sekarang sedang menjalani hukuman seumur hidup di Penjara Alice Spring di Australia.

Satu lagi di Chile, rakyat Malaysia juga berketurunan Cina, ditangkap. Jumlah tangkapannya besar sebab itu Ustaz Hassan kata tadi jumlah untuk hendak bawa itu pun tinggi dan berdasarkan kepada *value* atau nilai keseluruhan dadah yang menjadi rangkaian tetapi semua sindiket ini tidak menjadikan Malaysia sebagai rangkaian terbesar, dia beroperasi di tempat lain. Di Malaysia ini mereka memilih bukan satu *channel* sahaja untuk mereka melakukan perbuatan itu, mereka *diversify*. Ada yang dia *pass* dadah, eksport-import perempuan dan macam-macam, kemudian *business* lain, barang-barang haram dan sebagainya – *they diversify*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Itu saya terima kasihlah kerana saya mendapat penjelasan. Memang pun saya bangkitkan ini supaya ada Ahli-ahli Dewan ini yang tahu dan memberikan penjelasan kepada kita. Saya ingat semua orang tidak tahu ini. Itu pun yang ditangkap di Australia, di Chile. Saya pernah juga orang tangkap...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau semua sudah tahu, saya minta Yang Berhormat tolong ringkaskan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [Ketawa] Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah memberikan peruntukan yang begitu banyak. Ini menandakan kesedaran kita bersama untuk memerangi dadah di Malaysia kita ini sebab itu peruntukan ini saya rasa kita tidak ada halangan untuk meluluskannya.

Tuan Yang di-Pertua, *time* sudah cukup?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada beberapa kementerian lagi yang saya hendak sentuh tetapi untuk memberikan ruang dan peluang pada sebelah petang nanti kepada sahabat-sahabat yang lain, saya kira dengan ini saya menyokong Bil ini yang telah memberikan peruntukan sebanyak RM7 bilion lebih untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan kita hanya mengharapkan semoga peruntukan-peruntukan yang diluluskan oleh Dewan ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya semoga masyarakat dan negara kestabilannya dan juga perpaduan masyarakatnya - masyarakat yang berbilang agama dan berbilang bangsa. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup. Saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**2.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Hassan bin Haji Shukri, sila sambung ucapan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Tamat pada detik-detik akhir. Tuan Ismail bin Kasim.

**2.31 ptg.**

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk membahaskan satu akta menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian tahun 2004 yang berjumlah RM7,639,139,369.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada peruntukan B.15, iaitu Kementerian Luar Negeri yang berjumlah RM4,026,916 dan nampak kecil sahaja. Walau bagaimanapun, seperti mana yang kita maklum, negara kita telah dikejutkan oleh suatu keadaan ataupun peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku, yang boleh menjejaskan dan mencemarkan, dia tidak mencemarkan tetapi menjejaskan reputasi negara kita yang sedang berkembang mekar ini, tiba-tiba dengan kekalahan kita dalam pemilihan jawatan Setiausaha Agung OIC yang kita sama-sama sedia maklum selaku *three corners* iaitu pertandingan tiga penjuru yang melibatkan Malaysia, Bangladesh, dan juga Turki.

Tuan Yang di-Pertua, hal yang demikian sepatutnya tidak berlaku kepada sebuah negara yang begitu megah dan telah diberi kepercayaan dan juga suara-suara kita begitu hebat kedengaran di persada antarabangsa dan yang lebih memalukan lagi apabila kita adalah *chairman* ataupun *chairmanship* berada ditangan kita sebagai Pengerusi NAM dan Pengerusi OIC. Kita tidak tahu di manakah salah silapnya yang menyebabkan perkara ini terjadi.

Adakah kerana kredibiliti calon yang kita ketengahkan itu tidak dapat diterima oleh masyarakat negara-negara Islam ataupun kita tidak membuat kajian terperinci terlebih dahulu, sama ada sepatutnya kita bertanding ataupun tidak. Walaupun pegawai-pegawai kita tidak membuat persiapan rapi untuk melobi di kalangan negara-negara perwakilan di dalam OIC bagi memastikan jawatan berkenaan berada di tangan kita.

Tetapi kalau andaian mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sepatutnya orang mengatakan kita ini tamak, semua jawatan kita hendak, semua jawatan kita ingin berada di tangan kita, lebih baik kita tidak menawarkan diri untuk bertanding. Kita bagi saja kepada Turki sebagai untuk memegang jawatan Setiausaha berkenaan. Sudah tentu imej kita, orang akan tengok lebih elok, lebih mulia dan reputasi kita tidak tercalar ataupun tercemar.

Dalam hal ini, kita minta kerana bukan kata sekali ini berlaku, dahulu kita memohon untuk mendapat hak menjadi tuan rumah Sukan Asia kita mengalami nasib yang sama, disebabkan oleh di kalangan pegawai-pegawai yang kita hantar untuk menjadi pelobi-pelobi bagi mendapatkan undi, kurang pengalaman ataupun tidak tahu bagaimana cara untuk kita memonitor apabila sesuatu pertandingan di peringkat antarabangsa itu terpaksa kita hadapi.

Dalam hal ini berlaku kali kedua, berlaku pula di tengah-tengah keadaan di mana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil untuk sama-sama dengan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, saya minta pandangan. Apabila kita katakan kita bertanding ini, kita itu bermakna Malaysia, apabila kita katakan, Malaysia bertanding untuk merebut jawatan Setiausaha Agung

OIC, hari ini kita sebagai Pengerusi OIC. OIC adalah satu badan di mana semua negara-negara Islam menganggotainya.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, apakah selaku Pengerusi sepatutnya kita mempunyai satu sikap untuk menunjukkan kepada semua negara Islam bahawa pertubuhan ini adalah satu pertubuhan yang dapat bukan hanya menggabungkan negara-negara Islam tetapi hendak beritahu kepada seluruh dunia bahawa negara Islam adalah merupakan satu negara yang boleh bersatu, hendak menunjukkan bahawa dari segi musyawarahnya, dari segi perbincangan yang ada, tidaklah sampai sehingga kita dibabitkan seolah-olah kita juga dianggap sebagai orang yang tamak.

Pandangan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim tadi, saya nak bertanya lagi Yang Berhormat, apakah yang menyebabkan kementerian ini beria-ia sangat sehingga semalam saya baca berita yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bahawa perebutan ini dianggap sebegitu hangat sekali. Keluar dalam *newspaper*, keluar dalam surat khabar. Sebagai Pengerusi bacaannya kalau dah pertandingan itu begitu hangat, mengapa kita biarkan? Bukankah sebagai Pengerusi sepatutnya macam Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya bahas begitu hangat sekali, Tuan Yang di-Pertua beritahu dengan saya, ini hangat sangat, sabar, tidak usah bertanding, tidak usaha berbahas sangat terlampau teruk, sebelum duduk secara yang lebih baik.

Saya hendak bertanya, adakah bacaan Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini salah ataupun menteri beria-ia sangat supaya kita boleh menang. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih .

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih, kepada Yang Berhormat Datuk Presiden Kelab Senator yang saya kasihi. Sebenarnya, ia ada beberapa cara untuk pengetahuan Yang Berhormat. Pertamanya kita melihat, ini merupakan pandangan peribadi saya, seolah-olah macam kita kurang, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *the command respect*. Apabila kita menjadi *chairman*, kita tidak ada *respect* daripada ahli-ahli kita, sukar untuk kita melaksanakan tugas dan amanah kita. Kita hendak melestarikan tugas ini mesti timbul dengan kerjasama, dengan konsep kesepaduan dan *consent* daripada ahli-ahli, baru kita boleh laksanakan satu tugas itu dengan lebih berkesan.

Ini apabila *chairmanship* atau pun pengerusi dapat ke tangan Malaysia, hendak bekerja senang mestilah setiausahanya daripada orang Malaysia.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [Bangun]

**Tuan Ismail bin Kasim:** Belum habis ini Ustaz, tetapi tidak apalah. Saya bagi peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila habiskan dulu.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ya, bagi laluan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** *All right, all right!*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, habiskan dulu hujah, Yang Berhormat Tuan Ismail.

**Tuan Hassan bin Shukri:** Tidak bagi laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Apabila saya lihat perbahasan ini membabitkan Pengerusi OIC yang juga Perdana Menteri Malaysia, saya ingin membuat satu cadangan kepada Kementerian Luar Negeri, tetapi barangkali kalau dibawa sekarang pun tidak berapa sedap juga, tidak berapa baik juga, bermakna pada masa-masa akan datang supaya dipinda Perlembagaan OIC itu, di mana negara yang dipilih menjadi Pengerusi OIC, maka di situlah, di negara itulah setiausaha dia. Ini cadangan saya supaya Menteri Luar Negeri ataupun Kementerian Luar Negeri pada masa-masa yang akan datang membawa cadangan ini iaitu kita pinda Perlembagaan OIC, di mana tempat pengerusi maka setiausahanya mestilah orang dalam negeri itu. Tidak ada perebutan. Itu cadangan saya kalau boleh. Bagaimana pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Sangat bersetuju, sangat bersetuju untuk menyenangkan urusan kerja untuk makluman Yang Berhormat Ustaz. Kita melihat



pada masa-masa yang akan datang supaya reputasi negara kita yang sedang bergerak dalam landasan yang cukup baik ini, nama kita yang begitu harum di persada antarabangsa tidak lagi tercalar oleh perkara-perkara seumpama ini. Kita berharap Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pun tidak pernah datang ke Dewan yang mulia ini sekali pun, tak pernah tengok muka. Sepatutnya datanglah sekali-sekala dalam tujuh hari persidangan, datang sekali untuk bersama-sama para Senat yang marhaen ini hendak tengok Yang Berhormat Menteri. Tetapi tidak apalah, atas kesibukan kita boleh bagi kemaafanlah.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap perkara-perkara yang boleh mencalarkan reputasi nama negara ini tidak berlaku di masa akan datang. Kita harus mengambil kira semua perkara, semua keadaan sebelum kita hendak masuk sesuatu pertandingan ataupun sesuatu jawatan penting di persada antarabangsa di PBB, OIC, NAM dan sebagainya selepas ini. Ini merupakan contoh yang harus kita jadikan iktibar supaya kesilapan-kesilapan sebegini tidak memalukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masa Yang Amat Berhormat memegang tugas dan amanah yang diberikan sebagai Pengerusi OIC.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada P.6 iaitu Jabatan Perdana Menteri. Walaupun saya cuma hendak minta P.6 ini terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat beberapa perkara khususnya kepada perumahan rakyat. Walaupun perkara ini berhubung kait dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kewangan dan Perdana Menteri sekali gus, terutamanya rumah mesra rakyat yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara.

Saya berharap program ini diteruskan kerana saya mempunyai data-data yang terkini ataupun statistik terkini berhubung dengan perjalanan ataupun status kedudukan rumah mesra rakyat ini sehingga 31 Mei 2004 itu melibatkan semua negeri yang telah membuat permohonan dan negeri-negeri yang telah diluluskan permohonan berkenaan. Kalau kita lihat Terengganu adalah di antara negeri yang terbanyak yang telah mendapat faedah daripada walaupun sebelum pilihan raya dan selepas pilihan raya iaitu sebanyak 194, Kelantan - 17, Pahang - 26, Perak - 78, Pulau Pinang - 8, Kedah - 48, Selangor - 41, Negeri Sembilan - 4, Melaka - 12, Johor - 15, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya - 1, Perlis diluluskan tetapi masih belum dilaksanakan sebanyak 3 buah.

Saya rasa program ini amat penting dalam usaha kita memberikan sebuah rumah ataupun kediaman yang cukup selesa kepada rakyat di kampung-kampung khususnya, bagi mereka-mereka yang berkelayakan ataupun berada dalam taraf kemiskinan yang ingin mendapatkan tempat kediaman yang dirasakan selesa dan bersesuaian dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong langkah-langkah kerajaan terutamanya apa yang kita ambil dalam usaha menyusun semula beberapa kementerian dan fungsi tugas yang mana kita lihat kebanyakan penyusunan semula dan fungsi tugas yang dibuat oleh kerajaan hari ini dilihat jelas meningkatkan keberkesanan terutamanya dalam usaha kita hendak menggerakkan kerja dan strategi ke arah pemantapan pembangunan negara. Ini membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah sekian lama berkhidmat di dalam perkhidmatan awam dan kerajaan mengetahui dan memahami kekurangan dan masalah keberkesanan ini terutamanya tugas dan fungsi beberapa kementerian yang dirasakan perlu diberi fokus, perlu diberi pendekatan yang bersesuaian dalam usaha sebagai peledak kepada legasi kepimpinan negara di bawah pentadbiran kerajaan yang diterajui oleh Perdana Menteri.

Kita tidak kira keputusan cemerlang kita dalam keputusan pilihan raya lepas tetapi mandat yang diberikan oleh rakyat ini telah kita gunakan, telah kita ambil sepenuhnya tanggungjawab ini dengan kita membuat beberapa perubahan yang Insya-Allah akan menjadi kenyataan dan perubahan dan peruntukan ini akan kita masukkan dalam Bajet 2004 bagi melicinkan lagi dan memastikan keberkesanan sistem pentadbiran Kerajaan Malaysia yang kita sayangi ini.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak hendak berbahas panjang. Dengan ikhlas hati, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk 'Mohammad Yaakob'.

**2. 48 ptg.**

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya selalu tersilap, minta maaf ya, Yaakob bin Haji Mohammad, bukan Mohammad Yaakob. Terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas keizinan yang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 yang melibatkan peruntukan sejumlah sekitar RM7.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh secara ringkas di bawah B.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga B.52.

Di bawah B.6 Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan Parlimen iaitu Aturan Urusan Mesyuarat Parlimen berkaitan dengan pertanyaan-pertanyaan bagai menjawab lisan.

Pada hari ini saya mengucapkan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sejak saya berada di Dewan ini, inilah hari yang sampai soalan yang ke-20 dapat dijawab. Kalau dilihat mahu pun di Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan lisan yang dibekalkan hampir 40 tetapi yang mampu dijawab hanyalah sekitar 6 atau 7 kalau di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara mungkin sampai 14 dan ini adalah disebabkan soalan-soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, soalan-soalan lisan sebegini ditambahkan masa daripada sejam kepada satu setengah jam untuk Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi membolehkan soalan-soalan daripada kementerian dijawab dalam masa Dewan berbahas.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Jabatan Perkhidmatan Awam, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai-pegawai yang bertugas dalam Dewan ini kerana terus menerus mengikuti perbahasan di dalam Dewan, namun semasa perbahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator ada juga kadangkala perkara-perkara dan isu-isu yang dibangkitkan tidak mendapat ulasan ataupun jawapan daripada pihak kementerian. Mungkin pada ketika itu ada di antara kita berada di luar terutamanya pegawai-pegawai kerajaan. Saya mintalah kalau boleh pertanyaan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini dijawab kerana mereka telah pun membuat kaji selidik untuk berbahas.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkaitan dengan B.52 iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 18 Mei 2004 yang lalu Baginda ada melahirkan rasa bimbang soal perpaduan kaum, integrasi nasional, soal keselamatan dalam negara. Saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada pasukan Polis Diraja Malaysia kerana secara perbandingan di rantau ini prestasi yang ditunjukkan oleh pasukan polis amatlah membanggakan dan kita tidak dapat menafikan ada sedikit-sedikit kelemahan sebagai manusia biasa di mana-mana pun tetap ada kelemahan.

Namun begitu, tahap perkhidmatan yang ditonjolkan oleh pasukan Polis Diraja Malaysia patut kita banggakan. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita dapat dengar begitu berkumandang di dalam Dewan mahupun di luar, pihak-pihak tertentu cuba membangkitkan isu-isu sensitif yang boleh menyinggung perasaan dan menyakiti hati kaum lain. Saya ingin mengulangi sejarah, Tuan Yang di-Pertua, peristiwa hitam 13 Mei 1969 adalah sebagai satu iktibar dan pengajaran di mana perkara-perkara sensitif telah pun ditimbulkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga tercetusnya sejarah hitam itu.

Isu yang saya maksudkan pada ketika ini yang dipermainkan ataupun diperbahaskan secara berani oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ialah berkaitan dengan apabila negara Malaysia diiktiraf sebagai negara Islam dan mereka juga mengungkit soal kenapa hanya orang Islam sahaja yang boleh menjadi Perdana Menteri dan timbul juga perkara-perkara lain seperti mempersoalkan jawatan-jawatan di dalam GLC ataupun anak-anak syarikat kerajaan, di mana CEOnya yang diberikan kepada kaum bumiputera sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara-perkara yang boleh menjuruskan tergunisnya hati dan perasaan terutamanya orang-orang Islam dan orang-orang Melayu. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menegaskan di sini dan ingin mengingatkan kepada pihak-pihak pembangkang atau mana-mana pihak iaitu jangan cuba bermain dengan api atau menanggung di air yang keruh, apatah lagi apabila pada ketika ini kita dapat merasai kuasa-kuasa asing cuba menindas, menekan dan menggunakan pelbagai strategi untuk memusnahkan masyarakat ataupun negara-negara Islam.

Sebagaimana kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, ini semua akan membuka mata lagi kepada kuasa-kuasa asing untuk memasukkan jarum jahat mereka melalui pelbagai strategi yang halus dengan memeralatkan rakyat kita bagi memporak-perandakan sesama sendiri, apatah lagi buktinya sudah pun dapat kita lihat dan dapat kita saksikan daripada insiden-insiden yang sedang berlaku di persada global umat Islam sentiasa menjadi sasaran. Tuan Yang di-Pertua, pelbagai bentuk penganiayaan sering kali dapat kita saksikan secara meluas di dalam media cetak dan media elektronik antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan pihak-pihak hari ini cuba mempersoalkan pelbagai isu sensitif yang pada hal sebelum terbentuknya Perlembagaan negara pelbagai isu termasuklah persefahaman dari segi *social contract* telah pun dipersetujui di antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedari bahawa hari ini ada di antara dasar-dasar yang telah dirancang begitu rapi semata-mata untuk membantu kaum bumiputera tetapi masih belum tercapai sasarannya. Namun, kita hanya meminta agar kaum lain hendaklah secara ikhlas untuk menerima kenyataan bahawa masyarakat bumiputera terlalu ketinggalan jauh ketika negara kita di bawah penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai warganegara yang cintakan keamanan saya tidak bermaksud untuk mengungkit tentang perjuangan dan pengorbanan yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO terdahulu semasa menuntut kemerdekaan. Banyak perkara yang telah pun dikorbankan oleh datuk nenek moyang kita terdahulu semata-mata untuk mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang aman iaitu sebagaimana yang kita kecapai hari ini dan saya pernah terbaca daripada sejarah bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu sanggup bersedia berkorban bertolak ansur dengan memberi taraf kerakyatan kepada hampir 400 ribu rakyat pendatang asing semata-mata untuk mewujudkan satu masyarakat yang lebih aman.

Perkara begini tidak pernah diungkitkan oleh masyarakat bumiputera hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Lantaran itu, Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum dasar kerajaan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini umpamakan kek yang dicipta itu sentiasa membesar dan bahagiannya tetap dan kita tidak pernah mengambil bahagian orang lain semata-mata untuk diberikan kepada kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara sensitif telah mula dibahaskan oleh pihak-pihak tertentu tanpa memikirkan implikasi dan sensitiviti perasaan kaum Islam dan bumiputera yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi.....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan pemerhatian Yang Berhormat Datuk Yaakob itu berkenaan dengan isu-isu yang ada kaitan dengan sensitiviti dan juga perkauman. Satu aspek yang penting bagi saya adalah juga isu-isu keagamaan, adakah pada fikiran Yang Berhormat itu sesuai supaya kita melarang parti-parti yang pentasnya agama, supaya kita mengeluarkan lagi satu daripada unsur yang mungkin bercanggah dengan kehendak-kehendak rakyat kita. Terima kasih

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng atas persoalan yang dibangkitkan. Kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kita bahaskan sememangnya termaktub di dalam Perlembagaan. Memang jelas sekali dan yang menjadi masalahnya ianya diputarbelitkan sehingga boleh menimbulkan rasa gelisah, sensitif terutamanya soal negara Islam dan tentang statusnya yang dibangkitkan berkali-kali.

Pandangan Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi saya bersetuju, kalau boleh. Walau bagaimanapun oleh kerana ia termaktub dalam Perlembagaan dan di bawah Akta Hasutan, lantaran itu saya minta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya memantau dengan lebih halus, dengan lebih teliti jangan sampai mengocak air yang tenang, jangan sampai kerana daripada *feedback* yang saya perolehi daripada seluruh

negara memang rata-rata mempersoalkan kenapa begitu terdedahnya perkara ini dipersoalkan oleh pihak-pihak yang tidak mengerti sensitiviti dan sejarah bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu negara-negara yang pernah menjadi mangsa isu agama Islam ini ada di antara lainnya berpunca daripada hasutan dalam negara. Ada berpunca daripada cucuk jarumnya mainan politik dalaman, dalam negara dan menyebabkan ianya terdedah kepada kuasa-kuasa asing melihat arah mana, laluan mana, lubang mana yang akan mereka masuk untuk terus mengeruhkan situasi dalam negara dan bukannya mustahil Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak daripada sekarang dengan berhati-hati memantau soal yang dibangkitkan ini ianya akan membawa padah kepada masyarakat kita sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tanggungjawab yang diberikan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, saya mohon janganlah ssekali-kali kita menggadaikan maruah negara, keamanan negara, kemakmuran masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, agama, bangsa dan kebudayaan. Lantaran itu pihak-pihak yang cuba mengundang musuh-musuh luar negara dengan mencari helah untuk mengadudombakan kita, hendaklah daripada hari ini kita ikuti dengan serius agar nasi tidak menjadi bubur. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan ini, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. S. Vijayaratnam. Selepas ini Datuk Syed Ali.

### 3.01 ptg.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi untuk membahaskan rang undang-undang DR.7/2004. Saya ingin menyentuh kepada dua atau tiga kementerian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Kementerian Luar Negeri ada diperuntukkan duit RM4 juta lebih. Dasar luar negara Malaysia amat baik dan sesuai sebagai sesuatu negara yang begitu *moderate* bersahabat kepada semua dan bekerjasama untuk tolong mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh kepada perkara keganasan. Pada zaman sekarang kita sedar bahawa keganasan telah menjadi satu perkara yang hebat dan membahayakan kehidupan orang-orang awam. Kita pun telah mengambil beberapa langkah untuk menghadapi masalah tersebut termasuk kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang negara-negara asing dengan penukaran penerangan-penerangan *intelligence* dan sebagainya, tetapi seperti sentiasa disebut oleh pemimpin-pemimpin kita untuk membanteras keganasan, haruslah kita mengatasi sebab asasnya ataupun *root cause*, dengan izin.

Saya percaya satu situasi yang menyebabkan keganasan ialah keganasan antarabangsa iaitu keadaan di Timur Tengah khususnya di Israel dan Palestin dan sekarang pemerintahan pihak asing di Iraq. Mungkin 80% kes keganasan sedunia boleh diberhentikan jika kedua-dua masalah tersebut dapat diselesaikan, ini anggapan saya Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana demikian saya merayu kepada Kerajaan Malaysia terutama sebagai Pengerusi OIC dan juga Pengerusi Persatuan Negara-negara Berkecuali ataupun *Non-Aligned Movement*, menggunakan forum-forum tersebut untuk menggalakkan semua pihak yang terlibat berhentikanlah perangnya dan berunding supaya satu penyelesaian boleh dicapai. Termasuk adalah *road map to peace* dengan izin, di Palestin dan menggalakkan penglibatan Pasukan Pelihara Keamanan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun *UN Peace Keeping Force*, dengan izin di Iraq. Kita harus berusaha dengan tanggungjawab besar yang kita mempunyai sebagai Pengerusi OIC dan NAM untuk menyelesaikan masalah di Palestin dan Iraq. Dengan itu satu punca atau sebab keganasan akan dipadam.

Untuk menguruskan fungsi-fungsi perkhidmatan luar negeri dan diplomatik, saya harap sebahagian daripada peruntukan tersebut akan diserahkan kepada kursus latihan pegawai-pegawai diplomatik kita khususnya dalam bahasa-bahasa asing, pengetahuan hal ehwal dunia dan rantau-rantau dan juga perkembangan-perkembangan politik antarabangsa. Kadangkala Tuan Yang di-Pertua, mutu dan sikap beberapa pegawai diplomatik kita di Kedutaan-kedutaan dan di Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi dan di luar negara sangat kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pula menyentuh Jabatan Perdana Menteri khususnya, oleh kerana Jabatan Perdana Menteri pun menjaga agama. Saya berasa dukacita bahawa Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat sentiasa menyentuh dan berpusing-pusing isu negara Islam. Di sini saya minta kebenaran Dato' Yaakob sahabat sayalah menyumbang sedikit perkara ini. Saya percaya beliau menggunakan perkara tersebut untuk politiknya sendiri dan cuba menunjukkan bahawa beliau seorang perwira. Bukankah cukup buktinya bahawa rakyat Malaysia dengan persefahaman agama Islamnya sendiri telah memberi mandat besar kepada Kerajaan Barisan Nasional di dalam pilihan raya baru-baru ini. Rakyat Malaysia faham tetapi ada satu dua orang di pihak pembangkang yang masih tidak fahamkah atau menggunakan isu ini untuk politik sahaja? Malaya mendapat kemerdekaannya pada tahun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat maksudkan menjelang pilihan raya, inti sari polemik sebelum pilihan raya adalah sama ada Malaysia merupakan negara Islam atau tidak dan akhirnya secara tidak langsung rakyat telah menyatakan pandangan.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Betul Tuan Yang di-Pertua, saya fikir rakyat kita semua faham apa maknanya bila disebut negara Islam dan mereka sudah memberi sokongan besar kepada Kerajaan Barisan Nasional oleh sebab mereka ada keyakinan atas pentadbiran Islam Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, Malaya mendapat kemerdekaannya pada tahun 1957 dan selepas itu Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963 apabila Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir mengumumkan bahawa Malaysia adalah negara Islam, saya percaya beliau merujuk kepada keadaan di Malaysia sejak hari kemerdekaan di bawah Perlembagaan Persekutuan, Artikel 3(1) yang berbunyi, "Islam adalah agama Persekutuan...." ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat bacakan Perkara 3 (1)?

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Tetapi, ini di dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya izinkan.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. *Article 3(1), "Islam is the religion of the Federation but other religions may be practiced in peace and harmony in any part of the Federation".* Terjemahannya ialah, "*Islam adalah agama Persekutuan dan agama-agama lain dapat dijalankan dengan aman dan harmoni*". Adakah rakyat menghadapi apa-apa kekurangan di dalam kebebasan mereka, sampai sekarang? Adakah orang-orang awam menghadapi penukaran cara hidup mereka sejak 1957? Saya pun hairan pihak DAP tidak mengambil kira soalan tersebut, apabila mereka berpakat dengan PAS pada suatu ketika dahulu.

Terjemahan negara Islam di dalam bahasa Inggeris adalah *Islamic state*. Tetapi, boleh disebut juga *Muslim country* ataupun *Islamic nation*. Ia merujuk kepada Malaysia sejak kemerdekaan dan akan berada begitu mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, *Islamic state, Muslim country, Islamic nation*, izinkan saya sebut daripada *Shakespeare, Romeo and Juliet*: "*What is in the name that which we call a rose by any other name would smell as sweet*". Terjemahannya adalah, "*Apa dia sesuatu nama yang kita panggil bunga mawar jika dipanggil dengan nama lain, harumnya serupa*". Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh pula kepada....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila Yang Berhormat teringat petikan dari *Romeo and Juliet* itu? [Ketawa]

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita belajar *Literature* sebagai subjek di sekolah, masih ingat sedikit-sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, walaupun ada ramai sahabat saya sudah menyentuh, izinkan saya bercakap sedikit oleh kerana, sudah memberi peruntukan RM2.6 bilion. Walaupun kita mengakui bahawa kita hidup di dalam satu suasana yang aman dan damai, kita kurang sedar bahawa semua ini adalah di atas usaha anggota-anggota penguat kuasa undang-undang, termasuk polis dan angkatan tentera.

Saya percaya, jika pengawasan tersebut tidak dibiayai dan dijalankan dengan begitu cekap, keselesaan kehidupan Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-

puan dan rakyat jelata akan dibahayakan dan dijejaskan. Apa lagi dengan ancaman terrorisme yang wujud sekarang. Selepas kejadian 11 September 2001 di New York dan kemudian di Casablanca, di Bali, di Mumbassa Kenya, di Istanbul dan sudah banyak kali di Arab Saudi, dunia tidak selamat daripada ancaman keganasan.

Kita kurang sedar, kurang merealisasikan bahawa keadaan keamanan dan kesejahteraan hidup di Malaysia tanpa perlakuan seperti yang disebutkan, adalah di atas tindakan-tindakan keras dan tegas yang dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan angkatan tentera. Syabas kepada mereka dengan penghargaan yang tidak terhingga. Kita tidak boleh berkromponi di atas peruntukan untuk perbelanjaan usaha-usaha mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga sebahagian daripada peruntukan untuk pihak polis dapat disalurkan untuk penguatkuasaan undang-undang lain juga, termasuk pencegahan jenayah. Macam kes rompakan beg, sampai mangsa tersebut jatuh dan meninggal dunia di atas kecederaan di kepalanya. Ada juga undang-undang lain seperti kelajuan dan kurang sopan di jalan raya. Ada orang-orang yang tidak mempedulikan undang-undang trafik. Lampu isyarat trafik pun tidak mahu berhenti dan sebagainya.

Semua ini menyusahkan dan kadang-kadang membahayakan orang lain yang tidak bersalah. Saya harap dengan pembiayaan yang sewajarnya, pihak polis dapat melantik lebih *staff* dan kakitangan untuk menjalankan tugas-tugasnya supaya masyarakat Malaysia menjadi satu masyarakat yang sivil dan mengikut undang-undang *Civil Society that is law abiding*, dengan izin.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin Tuan Yang di-Pertua menyentuh kepada satu kementerian, yang malangnya saya pun tidak puas hati nampak Kementerian Kesihatan tidak disenaraikan di sini. Barangkali, mereka mempunyai cukup peruntukan atau sudah ada.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, ada satu isu yang timbul iaitu Menteri Kesihatan berkata, kerajaan akan menimbang satu cadangan yang mewajibkan atau memaksakan doktor-doktor daripada pihak swasta berkhidmat di hospital-hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan ini mempunyai ciri-ciri yang baik, cara pelaksanaannya ataupun pengumumannya yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri kurang memuaskan. Bukankah lebih sesuai mengedarkan secara pos satu borang yang minta doktor-doktor swasta, yang saya faham ada lebih daripada 8,000 di Malaysia, meminta mereka setuju atau tidak bekerja di hospital kerajaan secara sukarela. Jawapan itu boleh diwajibkan dan kita tunggulah dahulu responsnya. Kemudian, mereka yang ingin bertugas di hospital-hospital kerajaan harus dibayar elaun sedikit, bukan banyak, tetapi cukup untuk *expenses* sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, saya sudah longgarkan itu sedikit. Yang Berhormat agak bijak mengatakan sebab tiada peruntukan saya hendak bahas, itu yang menyelamatkan Yang Berhormat. Sila teruskan tetapi jangan panjang-panjang sangat.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Okay terima kasih. Ini ada satu muka sahaja. Betul Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menyebabkan sedikit peruntukan dari kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul Yang Berhormat bijak.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** [Ketawa] Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setiap doktor lepas ijazah pun telah diwajibkan bekerja di sektor awam untuk empat tahun seperti doktor pelatih ataupun selepas itu sebagai pegawai perubatan. Bukankah ini cukup? Tidak berapa adil memaksanya bekerja lagi. Saya ingin cadangkan kepada kerajaan, sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak kementerian untuk mengagihkan atau *distribute* pesakit-pesakitnya dari Jabatan Pesakit Luar di hospital-hospital ke klinik-klinik swasta yang layak dengan caj mengikut garis panduan yang boleh ditetapkan seperti yang dijalankan di *National Health Service* di UK, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, berbalik kepada soal tadi.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang saya ada di sini dan dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Akta tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Syed Ali.

### 3.22 ptg.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan bersama dengan rakan-rakan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 di Dewan yang mulia ini.

Saya hendak 'menjerumus' kepada Kementerian Wilayah Persekutuan *under* B.71.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak dengar tadi, menjurus atau terjerumus?

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Menjurus. Saya ingin mengalu-alukan penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan yang saya rasa akan dapat memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Labuan. Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah sama ada penubuhan kementerian baru ini akan memerlukan satu peruntukan perundangan baru untuk memastikan bidang kuasa kementerian yang akan menjangkau peranan dan bidang kuasa yang kini dimainkan oleh ketiga-tiga cabang pentadbiran di Wilayah Persekutuan. Apakah akan berlaku satu perubahan dalam struktur organisasi dan dengan izin, *reporting system* yang akan ditetapkan menerusi penubuhan kementerian ini.

Saya berpandangan penubuhan kementerian ini akan mewujudkan satu tahap pentadbiran yang akan membolehkan dasar-dasar dan strategi pembangunan wilayah yang ditetapkan di peringkat Kerajaan Pusat ditadbir dan dipantau oleh sebuah badan yang akan menyeragamkan gerak kerja pentadbiran wilayah. Apakah nanti akan berlaku satu perubahan dalam bidang kuasa Datuk Bandar Kuala Lumpur? Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, Datuk Bandar Kuala Lumpur sebelum kewujudan Kementerian Wilayah, dia macam Ketua Menteri ataupun Menteri Besar.

Apabila wujudnya Kementerian Wilayah, saya ingin mengetahui bidang kuasa Datuk Bandar dan juga ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan apakah perbezaan pendekatan yang akan digunakan oleh kementerian ini? Jika tidak silap saya pernah wujud satu ketika dahulu sebelum diserahkan dalam fungsi Jabatan Perdana Menteri iaitu Kementerian Wilayah, pernah wujud satu ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kementerian yang ingin saya sentuh, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang ada di sini iaitu Kementerian Pengajian Tinggi. Saya ucapkan syabas kerana kementerian ini telah diberikan satu peruntukan yang paling besar iaitu RM3.8 bilion untuk memantapkan urusan dan pentadbiran kementerian ini yang merupakan satu kementerian baru berikutan dengan pembahagian tugas di antara Kementerian Pelajaran di peringkat sekolah dan di peringkat pengajian tinggi iaitu di peringkat universiti.

Saya ingin tahu di dalam peruntukan yang akan dipanjangkan kepada kementerian ini, apakah ia akan digunakan untuk strategi dan dasar pentadbiran yang lebih jitu bagi pengurusan institusi pengajian tinggi di peringkat negeri. Ini kerana daripada pengamatan saya selama 15 tahun, masalah utama yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan dahulu ialah di dalam memantau pengurusan dan keberkesanan pendidikan tahap selepas persekolahan di peringkat negeri dan daerah.

Kita mempunyai lebih 1,000 institusi pengajian tinggi swasta di seluruh negara. Semuanya menawarkan pelbagai bentuk kursus daripada peringkat sijil hinggalah kepada falsafah kedoktoran. Akan tetapi ada di antara kursus yang ditawarkan tidaklah mendapat pengiktirafan dan akreditasi daripada Kerajaan Malaysia untuk membolehkan pelajar yang mengikuti kursus-kursus ini mendapat pekerjaan yang setimpal dengan pencapaian mereka. Mengapakah ini boleh berlaku sedangkan kita mahukan peningkatan di dalam jumlah kursus dan pusat pengajian tinggi swasta untuk membantu usaha kerajaan di dalam memartabatkan Malaysia sebagai pusat pendidikan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata kita sering mendengar rintihan pelajar-pelajar asing khususnya yang apabila tiba di negara kita Malaysia untuk mengikuti kursus bertaraf dunia di IPTS tertentu mendapati mereka ditipu ataupun kursus itu sebenarnya bukanlah di tahap yang mereka harapkan. Sudah semestinya ia memberi gambaran negatif kepada keupayaan IPT di negara ini baik awam mahupun swasta. Ia juga akan menyukarkan lagi usaha kerajaan untuk meyakinkan rakyat negara ini dan orang asing bahawa sistem pendidikan kita bertaraf dunia sedangkan terdapat pelbagai masalah yang timbul dalam pentadbiran dan pengurusan kursus yang ditawarkan.

Saya ingin bertanya apakah puncanya boleh berlaku? Saya bukanlah hendak menuding jari kepada sesiapa tetapi ia seharusnya menjadi salah satu daripada teras utama kepada Kementerian baru ini. Pendidikan moden bukanlah satu perkara kecil kerana ia bukan sahaja satu cara yang dapat meningkatkan kapasiti dan pengetahuan tenaga kerja yang diperlukan sesebuah negara di dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi tetapi juga merupakan satu komoditi berharga yang dapat digunakan untuk menambah kepada pendapatan negara di samping menarik minat pelaburan asing di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal yang sama kita juga ingin melihat peranan Kementerian ini dipanjangkan kepada institusi latihan dan penyelidikan negara ini kerana penyelidikan merupakan satu tatacara terbaik di dalam meningkatkan kapasiti pengetahuan serta harta intelek negara. Akan tetapi saya melihat ada kekurangan dari segi pengiktirafan dan peluang untuk rakyat Malaysia termasuklah pelajar di IPT untuk mendapat pengiktirafan dan geran bantuan untuk penyelidikan terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Di awal tahun 80-an, kerajaan telah menggalakkan begitu ramai anak-anak Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi, baik di dalam mahupun luar negara bagi ijazah kedoktoran dalam bidang sains dan teknologi. Apakah hasil daripada kajian dan penemuan mereka digunakan pada hari ini? Ada di antara penemuan-penemuan penting dalam bidang sains yang telah dibuat oleh penyelidik dari negara ini di IPT kita dan juga di negara asing.

Akan tetapi hasilnya tidak pula dibawa pulang untuk dijadikan sebagai harta intelek di negara ini. Kita juga tidak mempergunakan hasil penyelidikan pelajar-pelajar asing di negara ini untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan daya saing pengeluaran produk hasil negara.

Di sini saya ingin tahu apakah peranan ini nanti akan dimainkan oleh Kementerian ini ataupun ianya akan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Ini perlulah kita selesaikan di peringkat paling awal untuk membolehkan penyerapan dan penggunaan hasil-hasil penemuan saintis negara ini digunakan sepenuhnya untuk dijadikan harta intelek milik negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri B.06, peruntukan sebanyak RM104,556,731. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya bersama rakan-rakan ingin menyentuh setiap kali persidangan Dewan Negara yang mana pada kali ini diadakan selama tujuh hari sahaja dan kita dapat melihat kehadiran daripada pihak kerajaan iaitu Menteri-menteri Kabinet, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ketika menjawab soalan lisan mahupun menggulung perbahasan yang telah kita sembahkan kepada mereka apabila mereka menjawab, kebanyakan hanya dijawab oleh Setiausaha-setiausaha Parlimen.

Saya ingin meminta di Dewan yang mulia ini dan juga wakil-wakil daripada Setiausaha Parlimen supaya meminta sekurang-kurangnya, Tuan Yang di-Pertua, setiap kali persidangan "bapa-bapa Menteri" kita pun turunkah di Dewan Negara ini, jawablah soalan-soalan satu atau dua pun jadilah, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita rindu hendak tengok muka-muka Menteri kita dalam Dewan Negara.  
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 di Dewan Negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Hamzah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Hamzah, selepas itu Datuk Hajah Hazizah dan selepas itu Datuk Nor Azah.

### 3.33 ptg.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan tentang isu yang sama bersama rakan-rakan.

Sebelum saya mulakan, saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, hari ini dalam *Utusan Malaysia* ada cerita, pertama – “Peragut Mati Dibelasah Setelah Dua Mangsa Ragut Meninggal Dunia Dalam Tempoh Sebulan”. Dalam muka yang sama di bawah, “Cubaan Terbaru Bawa Masuk 200 Kontena Toksik ke Johor”, sambungan lihat muka empat. Lihat muka empat, cerita yang sama “Cubaan Terbaru Bawa Masuk 200 Kontena Bersama Dengan 40 Buruh Warga Asing Ditahan”. Di luar lagi, muka pertama, “Guru Selatan Thailand Berebut Beli Pistol”, barulah cerita di atas, “Gaji dan Elaun Baru Bagi 140,000 Warga ATM”. Cerita di dalam yang mengatakan kerana sebelum ini penyelarasan telah pun dibuat tentang gaji polis-polis dalam negara kita.

Apa yang saya sampaikan tadi, Tuan Yang di-Pertua, persoalannya, kalau kita baca semua isu yang dikemukakan ini, apa yang ada dalam pemikiran kita? Seolah-olah negara kita ini penuh dengan bermacam-macam masalah sosial. Pertama – masalah peragut, kedua – masalah penipuan, ketiga – masalah orang asing masuk tanpa permit, keempat – di selatan Thailand, banyak rakyatnya yang terpaksa membeli pistol untuk mempertahankan diri dan kelima – cerita seolah-olah anggota tentera kita tidak cukup gaji pendapatan mereka dan polis baru sahaja penyelarasannya dibuat.

Dalam *bill* yang kita bincangkan hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita tentang nombor sepuluh, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang diperuntukkan sebanyak RM2.6 bilion. Kalau RM2.6 bilion ini pun tidak cukup lagi untuk kita mempertahankan atau menangani masalah ini, saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan menambahkan lagi peruntukannya untuk kita tentukan masalah kalau tidak cukup anggota polis, kita ramaikan lagi, kalau tidak cukup anggota angkatan tentera, kita ramaikan mereka lagi, kalau tidak cukup *enforcement* untuk menangkap mereka yang menipu membawa toksik masuk ke dalam negara, kita juga meramaikan lagi supaya tidak timbul masalah, seolah-olah negara kita ini penuh dengan masalah yang boleh mengakibatkan pelancong-pelancong tidak mahu datang ke sini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak persoalkan ini kepada satu – Jabatan Alam Sekitar. Kalau kita baca apa yang dikemukakan atau apa yang ditulis di sini, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam memberitahu kita, jangan persalahkan Jabatan Kastam kerana Kastam tidak tangkap kerana kelulusan telah pun diberikan oleh agensi lain, Jabatan Alam Sekitar meluluskan untuk mereka membawa masuk toksik ke dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya hendak mempersoalkan, kalau begini caranya, kalaulah Kastam mengatakan jangan salahkan kami, ini bukan kerja kami, ini kerja jabatan lain. Hari ini kami tangkap kerana jabatan lain memberitahu bahawa ada penipuan. Saya hendak beritahu, di sini sudah nampak seolah-olah ada kekeliruan dalam menjalankan tugas kita untuk mempertahankan supaya orang lain tidak bawa perkara-perkara seperti ini masuk ke dalam negara kita.

Bukankah toksik ini satu perkara yang boleh mengakibatkan keselamatan dalam negara? Kerana ianya boleh mengakibatkan bukan hanya nyawa tetapi maruah negara. Kenapa saya hendak katakan begini, Tuan Yang di-Pertua? Kalaulah toksik yang selama ini di negara Taiwan tidak mahu dipergunakan dan mencari sebuah negara lain untuk dikeluarkan toksik mereka dan mereka memilih Malaysia. Bukankah Malaysia yang selama ini kita agung-agungkan sebagai negara membangun yang begitu maju sekali menerima toksik daripada negara Taiwan. Apa ini? Adakah Jabatan Alam Sekitar membuat kerja penelitian yang sebenarnya? Mengapa mesti kita mengambil toksik daripada negara luar?

Kita sudah kata negara kita membangun. Kita kata negara kita mempunyai banyak industri yang mengeluarkan bahan toksik seperti ini. Kalaupun kita hendak

gunakan sebagai bahan lain yang dikatakan dalam surat khabar ini, saya rasa kita pun cukup untuk ada bahan toksik yang mereka mahu dalam negara kita.

Saya persoalkan kepada Jabatan Alam Sekitar yang dalam ini ada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebanyak RM236 juta, peruntukan yang besar. Adakah tidak cukup lagi *enforcement* ataupun mereka dengan sewenang-wenangnya meluluskan apa sahaja bahan toksik hendak masuk ke dalam negara kita. Saya ingin penjelasan daripada kementerian ini, hendak tanya bagaimana perkara ini boleh berlaku dalam negara kita.

Begitu juga dengan masalah....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Silakan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat, bila Yang Berhormat bangkitkan pelbagai masalah yang timbul di negara kita termasuk menjadi tempat bahan buangan dan termasuk apa jua masalah seperti masalah penyeludupan dan sebagainya, apabila berlaku perkara tersebut kita bertanya kepada satu kementerian sebab benda yang bertindih ini biasanya dia kelam-kabut. Saya tidak tahulah kalau ada yang tidak kelam-kabut, tetapi yang bertindih kuasa ini kelam-kabut. Bila kita tanya kementerian ini dia kata perkara itu bukan di bawah bidang kuasa kementeriannya. Jadi terlepas, benda itu tetap berlaku, terus berlaku, terus berlaku dan berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim yang bertanyakan tentang perkara bertindih yang selalunya menyebabkan kelam-kabut. Saya minta Tuan Yang di-Pertua, kita sudah membahaskan agenda ini sejak dua hari dan saya hendak tengok jawapan yang dibuat oleh kementerian juga saya hendak tengok sama ada kelam-kabut ataupun tidak. Bukan jawapan daripada saya, jawapan daripada kementerian, saya hendak tengok, kerana kita mengeluarkan bermacam-macam isu. Jawapannya nanti mungkin hanya daripada satu kementerian yang menjawabnya, Kementerian Kewangan, akhirnya mereka mungkin tidak pun mengambil endah tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh kita semua.

Itu sahaja sudah cukup membuktikan bahawa kadangkala Dewan ini hanya membahaskan sesuatu perkara yang dikeluarkan isunya, isu-isu yang terbabit di dalam negara kita tetapi penelitian, pengertian tentang apa yang disampaikan oleh kita semua ini dianggap seolah-olah tidak penting dalam isu agenda bagi menangani semua masalah ini.

Jawapan kepada persoalan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim tadi, saya hendak beri tahu kita mintalah kepada kerajaan, kalaulah bahan-bahan, permit-permit yang dikeluarkan oleh semua jabatan atau agensi-agensi lain, kalau hendak dibawa masuk dari luar negara mestilah juga mendapat *endorsement* daripada Jabatan Kastam, sebagai contoh. Sekurang-kurangnya ada satu lagi badan yang boleh mengkoordinasi segala permit-permit bagi bahan-bahan yang hendak dibawa masuk ke dalam negara kita. Sebab itulah sebagai jawapan kepada soalan Yang Berhormat tadi, kita mintalah supaya menteri menjawabnya nanti, apakah isu kelam-kabut ini dapat diselesaikan dengan begitu teliti oleh kementerian-kementerian yang ada selepas ini. Saya hendak sambung semula Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi bangun.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Berkenaan dengan sisa toksik yang dibawa masuk ke Malaysia, saya hendak tanya, selalunya sisa toksik dikeluarkan oleh negara maju dan dihantar ke negara yang ketiga. Dari segi etika dan moralnya, apakah pandangan Yang Berhormat Dato' dan adakah satu akta antarabangsa dibentuk untuk mengawal perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Saya bersetuju dan sebab itu pada permulaan tadi saya sudah katakan bahawa bahan toksik ini diambil daripada sebuah negara, negara Taiwan, dan dibawa masuk ke dalam negara kita, negara Malaysia yang selama ini dianggap sebagai sebuah negara membangun yang begitu maju. Dari segi moralnya pun seharusnya mereka yang

membuat kerja ini tidak membawa masuk kalau mereka benar-benar merupakan rakyat yang bertanggungjawab untuk mempertahankan maruah negara.

Kalau kita tengok dari segi amalannya, kenapa negara-negara maju menghantar bahan-bahan toksik ini ke negara-negara ketiga? Kerana ada isu keuntungan, ada isu ekonomi di situ. Mungkin kerana kalau dihantar ke negara-negara ketiga, oleh sebab negara-negara ketiga mempunyai banyak kawasan-kawasan yang belum dibangunkan lagi, mungkin boleh meletakkan bahan-bahan tersebut jauh daripada masyarakat atau penduduk-penduduk dalam negara mereka itu dan mereka boleh menerima pembayaran daripada negara-negara maju tersebut. Itu mungkin. Kalau dilakukan dalam negara kita ini bermakna bahawa mereka yang membuat kerja ini, pertama kalau benar, ia adalah merupakan satu penipuan dan saya minta supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas sekali terhadap mereka kerana mereka bukan hanya menjatuhkan maruah negara tetapi juga boleh membabitkan nyawa rakyat negara kita yang kita sayangi selama ini.

Saya hendak juga berbalik kepada isu yang dikatakan tentang peragut yang mati dibelasah. Kalau kita baca berita ini, peragut yang mati dibelasah oleh mereka yang hendak mempertahankan mangsa lain yang mungkin akan diragut, ceritanya seolah-olah mengatakan bahawa lelaki tersebut didapati mempunyai empat rekod jenayah membabitkan kes dadah dan mencuri motosikal. Bermakna orang yang cuba meragut ini adalah merupakan seorang rakyat dalam negara kita yang menghadapi masalah sosial. Dalam isu ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang diperuntukkan sebanyak hampir RM270 juta, cubalah menangani masalah ini terhadap mereka yang menganggur kerana dalam cerita ini lelaki tersebut adalah seorang yang penganggur.

Kerajaan melalui kementerian ini seharusnya memikirkan tanggungjawab kita bersama supaya ramai daripada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan ini diambil, dilatih untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah 40 buruh warga asing yang ditahan kerana tidak ada permit kerja. Seorang rakyat Malaysia yang menganggur, tidak ada kerja, di sini 40 buruh warga asing ditahan kerana bekerja tidak ada permit. Isunya sekarang ini pekerjaan ada tetapi mengapa diambil orang luar yang tidak ada permit? Akhirnya rakyat Malaysia sendiri yang menganggur tidak ada kerja, timbul masalah lain kerana mungkin tertekan dengan masalah untuk menanggung keluarganya, tiada jalan lain lagi selain daripada meragut beg-beg siapa sahaja yang dianggap mampu atau boleh beliau ragut.

Saya minta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga yang diperuntukkan sebanyak RM30 juta supaya dapat juga bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi melihat bagaimana hendak mengurangkan pengangguran dalam negara kita. Jika sekiranya rakyat kita tidak mempunyai skil, maka diajar melalui kementerian lain, jika sekiranya mereka tidak mempunyai kelulusan, kita bantu mereka untuk membantu mereka untuk mendapat kelulusan. Itulah kerja kita, itulah kerja kerajaan kita dan sebab itu dalam persoalan surat khabar yang mengeluarkan berita ini [*Menunjukkan helaian akhbar kepada Dewan*] saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kita juga nanti akan sampai ke tahap seperti satu lagi topik, "*Guru Selatan Thailand berebut beli pistol*".

Saya teringat masa zaman saya kecil-kecil, filem yang paling saya suka adalah filem cerita *cowboy* kerana filem cerita *cowboy* ini dia boleh bunuh, dia boleh beli pistol, dia boleh dapat pistol, boleh naik kuda, boleh lari ke mana dengan sewenang-wenangnya. Negara kita sudah mencapai tahap sebagai sebuah negara yang maju. Kita mengagungkan tamadun bangsa rakyat kita yang begitu maju sekali, tetapi kalau ini terjadi, kita balik ke zaman *cowboy* masing-masing kena ada pistol untuk mempertahankan diri kita sendiri.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon semua kementerian yang diperuntukkan begitu banyak sekali seharusnya melihat bahawa agenda kita bukan hanya untuk membangunkan negara secara fizikalnya, tetapi juga secara kerohaniannya bagi menentukan bahawa apa sahaja matlamat perjuangan bangsa rakyat kita ini benar-benar tercapai. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Hazizah.

**3.51 ptg.**

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang berkaitan dengan suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh bagi Maksud B.20 merujuk kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Sebagaimana yang telah didedahkan oleh Kementerian Kesihatan berhubung dengan kandungan bahan kimia berbahaya iaitu beta agonist dalam daging lembu import yang dijual di pasar-pasar tempatan. Adalah diharapkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi mempertingkatkan lagi usaha penternakan lembu tempatan secara besar-besaran.

Ini kerana bahan kimia tersebut kebanyakan terdedah kepada daging import daripada negara luar yang disuntik bagi tujuan mengurangkan kandungan lemak pada daging lembu. Justeru itu, melalui penternak secara besar-besaran yang dibuat oleh kementerian, ia bukan sahaja akan menyelesaikan masalah tersebut malah dapat juga meningkatkan taraf hidup golongan peladang dan penternak.

Kementerian perlulah mengawasi dan memberikan sokongan termasuklah bantuan dan khidmat rundingan yang betul. Malaysia sekiranya tidak termampu untuk menjadi negara pengeksport daging lembu, sekurang-kurangnya tidak menjadi negara pengimport yang utama bagi daging tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Maksud B.23 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, di sini saya ingin mengambil bahagian bersama-sama walaupun perkara ini telah disentuh oleh rakan tadi, tetapi terbuka hati saya kalau saya tidak dapat cakap berkenaan perkara alam sekitar ini yang mana berkenaan dengan isu penyeludupan industri sisa toksik dari Taiwan.

Saya berharap agar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dapat memberikan laporan lengkap berhubung dengan perkara berkenaan dan memastikan agar isu seperti ini tidak berulang lagi. Peruntukan yang dikeluarkan salah satu tujuannya ialah untuk menangani masalah pencemaran yang dilakukan dan sekiranya pengeksportan sisa toksik dari negara luar ini berlaku ia menggambarkan ada sesuatu yang tidak kena dan mungkin wujudnya amalan rasuah.

Dalam usaha kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memerangi amalan rasuah kini wujud pula satu unsur fenomena baru dalam amalan rasuah iaitu penyeludupan sisa toksik. Kebiasaannya kita sering mendengar yang ia berlaku di atas penyeludupan kereta, enjin, barang elektrik, *textile* dan sebagainya. Tetapi hari ini sisa toksik juga sudah boleh diseludup dan adalah sesuatu yang sangat memalukan apabila Malaysia dilihat oleh dunia sebagai sebuah negara yang sanggup menerima sisa toksik industri dari negara luar.

Yang saya tahu hanya negara yang mengalami masalah ekonomi yang teruk dan tidak ada pendapatan yang khusus dalam meningkatkan ekonomi sahaja yang sanggup menjadi tempat pembuangan sisa toksik, sama ada perkara ini berpunca dari kelemahan kastam ataupun kementerian sendiri, saya berharap agar perkara seperti ini tidak berulang lagi kerana keyakinan rakyat akan hilang jika perkara-perkara pelik seperti ini terus berlaku di negara yang telah maju.

Bagi Maksud B.52 merujuk kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Saya juga ingin menarik perhatian sidang Dewan berhubung kes ragut yang semakin berleluasa hingga menyebabkan kematian. Kadar jenayah ini meningkat setiap tahun iaitu bagi tahun 2001 sebanyak 14,368 kes, manakala tahun 2002 pula meningkat kepada 14,640 kes dan untuk tahun 2003 sebanyak 15,798 kes yang dilaporkan.

Saya meminta agar pihak polis mempertingkatkanlah lagi rondaan dan memastikan kes ragut ini dapat ditangani habis-habisan. Hari ini seorang peragut telah dipukul mati oleh sekumpulan lelaki ketika sedang meragut seorang wanita. Kes yang berlaku di Klang ini menjadi tajuk utama akhbar. Siapakah yang harus dipersalahkan. Perkara ini berlaku apabila masyarakat melihat kes ragut ini sebagai

satu tindakan yang sangat keterlaluan kerana bukan sahaja mangsa ragut hilang wang ringgit malah ada yang luka, patah tangan dan hingga menyebabkan kematian.

Bagi mereka yang cuba bertindak untuk membantu mangsa ragut pula berada dalam keadaan serba salah kerana membantu tetapi tidak sangka menyebabkan kematian kepada peragut. Sewajarnya bagi pihak berkuasa perlu menempatkan lebih ramai lagi anggota-anggota polis yang berpakaian biasa dan juga saya berharap kereta-kereta peronda polis juga perlu diperbanyakkan kerana ia boleh memberikan kesan *psychology* kepada peragut apabila melihat kereta peronda yang kerap kali membuat rondaan.

Dengan adanya kereta peronda polis yang berulang alik di jalan raya saya rasa peragut-peragut akan membatalkan rancangannya. Begitulah hebatnya kereta peronda jika dianalogikan dalam kes ragut.

Bagi Maksud B.70 merujuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Lambakan permohonan yang layak untuk mengikuti pengajian perubatan di institusi pengajian tinggi tempatan kini menjadi isu yang perlu ditangani segera mungkin. Manakala mereka yang layak untuk menyambung pelajaran di luar negara seperti mana yang dialami oleh graduan tajaan JPA untuk beberapa universiti di Jepun.

Melihatkan bahawa pembentukan belia yang dinamik dan profesional seperti yang digariskan dalam cabaran Wawasan 2020 hampir mencapai matlamat tersebut. Kita seharusnya memandang isu ini dalam sudut yang positif dan negatif. Namun begitu, hak mereka sering kali tersekat atas perkara-perkara yang di luar jangkauan kita.

Jika hari ini India adalah satu destinasi bagi mereka yang berminat Justeru itu saya mencadangkan agar Kementerian Pengajian Tinggi menubuhkan satu universiti perubatan dan adalah lebih sesuai jika universiti ini dinamakan sempena dengan seorang pemimpin negara yang begitu banyak membawa kepada pembangunan dan kemajuan negara. Sehingga hari ini begitu ramai profesional muda dilahirkan terutama dalam bidang perubatan hasil dari dasar dan polisi yang digagaskan oleh beliau, iaitu mengapa tidak kerajaan menubuhkan Universiti Perubatan Tun Dr. Mahathir. Ia bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah keperluan dalam bidang perubatan malah mampu menjadi sebuah universiti yang akan melahirkan kumpulan doktor pakar serta terjamin masa depan mereka.

Untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan kerana kepakaran dan proses pembelajaran yang sangat komprehensif. Mengapa tidak dalam tempoh 10 tahun ini Malaysia juga akan menjadi pusat pengumpulan di peringkat antarabangsa bagi pelajar-pelajar dalam bidang yang sama.

Dengan kata-kata ini saya turut menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM7,639,139,369 bagi perbelanjaan untuk perbelanjaan perkhidmatan tahun 2004. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Nor Azah. Tiada lagi selepas ini?

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat agak akan mengambil masa berapa lama?

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Kira-kira 20 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** 20 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terlalu lama 20 minit itu.

**4.00 ptg.**

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekejap sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya berbahas tentang Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk

perbelanjaan dan perkhidmatan daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah tersebut untuk maksud-maksud tertentu bagi bahagian tahun itu.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya bersetuju dengan apa yang telah di cakap atau dibahaskan oleh rakan-rakan di Dewan yang mulia ini, walau bagaimanapun, saya cuma mahu memberi beberapa isu kepada pihak Kementerian dari segi pembahagian peruntukan 2004 ini.

Yang pertama adalah, tidakkah dengan rata-ratanya ada pertambahan dari segi bilangan Kementerian, maka saya ingin bertanya, tidakkah ini akan melibatkan sedikit sebanyaknya pertambahan dari segi perbelanjaan pengurusan dan setakat manakah isu tersebut akan dapat dilihat dalam perbekalan yang kita bahaskan hari ini. Kalau kita tengok dari segi *breakdown*nya dengan izin, dari segi pembahagian Bajet 2004 ini, kita lihat bahawa ia melibatkan cuma angka yang sama, cuma diagih-agihkan mengikut fungsi-fungsi yang telah diubah ataupun Kementerian yang telah dibubarkan atau kepada Kementerian yang baru diwujudkan.

Yang kedua, kalau tadi saya membawa isu Perbelanjaan Pengurusan, sekarang saya ingin menyentuh dari segi Perbelanjaan Pembangunan. Kita dapati dengan agak terangnya bahawa beberapa penekanan telah diberi dengan pengubahan struktur kerajaan ini. Umpamanya *amongst other things*, dengan izin, kita dapat lihat penekanan kepada harta intelek umpamanya, alam sekitar, industri agro diberi penekanan dengan pemberian peruntukan yang lebih daripada Kementerian-kementerian yang lain melainkan Kementerian yang ada isu-isu sosial seperti pelajaran, kesihatan dan seumpamanya.

Soalan saya adalah, tidakkah dengan penekanan tersebut, ia akan mengubah dari segi program-program, skim-skim, strategi-strategi yang akan dilaksanakan. Kalau sedemikian, dengan pengagihan Bajet 2004 kepada Kementerian-kementerian yang diwujudkan atau pembahagian dari Kementerian yang dibubarkan, ia menunjukkan angka yang sama. Adakah ini bermakna program-programnya, skim-skimnya tidak berubah, cuma dijalankan tugas tersebut oleh satu entiti yang berlainan.

Yang ketiga, kalau kita tengok penyusunan semula kerajaan ini bukanlah sesuatu yang *minimal*. Saya agak sesuatu yang *significant* atau yang tertera. Dari segi umpamanya Kementerian-kementerian yang baru, saya dengar antara Ahli-ahli Yang Berhormat umpamanya, bila kita duduk di *lounge* di belakang ini, kita ada kalanya tidak tahu Kementerian mana kita pergi sekarang. Okey, kalau kita sebagai Ahli Dewan Negara tidak tahu halanya, sana bertukar, sini bertukar, apatah lagi rakyat jelata. Apatah lagi industri-industri kecilan yang kebanyakannya berada di luar bandar.

Soalan saya ialah, setakat manakah *approach* ataupun....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Pendekatan.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Pendekatan yang akan dijalankan oleh pihak kerajaan supaya perubahan ini dapat difahami oleh kesemua rakyat di Malaysia ini. Itu yang pertama, tetapi dari segi kakitangan Kementerian tersebut juga saya percaya yang sesetengah Kementerian itu adalah Kementerian baru, belum ada pejabatnya dan kakitangan-kakitangan kerajaan yang duduk di belakang ini saya percaya, separuh ke sana, separuh ke sini.

Dengan prasarana yang berubah macam itu, ia akan mengambil masa untuk sesuatu Kementerian itu dengan izin, *to settle down*. Ya atau tidak? Dan tidakkah isu tersebut dimasukkan ke dalam apa rang undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini. Ada tidaknya dari segi waktu untuk *establishment*, untuk menyempurnakan prasarana itu akan juga dapat dijalankan program-program, skim-skim yang mana telah disenaraikan dari segi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Apa yang kita lihat cumanya angka ini pergi ke angka sana, angka sana pergi ke angka sini. Apa yang kita lihat tidak ada perubahan, cuma perubahan dari segi Kementerian yang harus diperuntukkan perbelanjaan tersebut. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

#### 4.06 ptg.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Bismillahir Rahmaanir Raheem. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas peluang dan ruang yang diberi kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan rang undang-undang ini, yang bagi saya amatlah penting untuk kita luluskan demi menjamin kesinambungan proses pentadbiran negara di bawah kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang telah diberi mandat dan kepercayaan yang besar oleh rakyat Malaysia sewaktu Pilihan Raya yang Kesebelas baru-baru ini. Rata-rata rakyat yang saya temui berpuas hati, keputusan dalam pilihan raya dan mudah-mudahan kita dapat membangunkan negara kita iaitu negara Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan moden untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Di sini tidaklah saya akan membahaskan banyak perkara yang telah pun dibawa dan dibahaskan oleh rakan-rakan kita Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini saya sentuh, terpuanggil untuk membukakan ruang bagi beberapa isu yang saya fikir tidak kurang pentingnya untuk kita bahas di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memantapkan sektor keselamatan negara, tambah lagi dengan meningkatnya pelbagai jenis jenayah termasuk rogol, samun, bunuh, ragut, rompakan dan lanun semuanya menggugat ketenteraman awam dan negara kita tidak terjamin keselamatannya jika sekiranya kita tidak memperkuatkan pertahanan negara kita dari segi keselamatan.

Tidak mampu untuk menyelesaikan masalah dalaman kita sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melihat lebih jauh daripada ini dan kerana itulah telah memisahkan tugas keselamatan dalam negeri dengan tugas kementerian untuk memastikan Pasukan Polis Diraja Malaysia dapatlah memberi perhatian penuh kepada tugas mengawal selia dan menjamin ketenteraman awam. Tugas PDRM tidaklah semudah yang dijangkakan, terutama bagi menghadapi bahana perbuatan lanun dan kini beroperasi dengan begitu meluas di sekitar perairan negara terutama di Selat Melaka dan di sekitar perairan Sabah.

Kekurangan pengalaman dan peralatan canggih pada fikiran saya adalah satu penghalang utama kepada keberkesanan sistem pemantauan dan pencegahan jenayah lanun kerana lanun hari ini bukanlah sekadar menggunakan tongkang sahaja tetapi kini mereka mempunyai bot pengempur dan senjata berat seolah-olah mereka adalah satu pasukan keselamatan.

Kerajaan telah pun menetapkan penubuhan sebuah Pasukan Pengawal Pantai tidak lama dahulu yang menggabungkan kerjasama semua agensi kerajaan yang berkenaan dengan laut dan Angkatan Tentera Malaysia. Tentera Laut Diraja Malaysia difahamkan menjadi sekretariat dipengerusikan oleh TLDM telah pun di tubuh dan Pangkalan TLDM Lumut untuk menguruskan dan meminta semua pihak atau Pasukan Pengawal Pantai, saya ingin tahu perkembangan terkini pasukan ini dan bilakah ianya akan beroperasi secara penuh dan apakah ia berdaya untuk meningkatkan tahap keselamatan perairan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan anggota TLDM dalam menjaga keselamatan perairan negara memang telah lama diiktiraf dan disanjung kerana itu jugalah warga TLDM tidak rela sekiranya diri mereka dituduh tidak berdaya oleh kerajaan asing untuk mempertahankan negara dan tidak akan rela sama sekali sekiranya kita menjadi negara yang dicerobohi oleh kuasa-kuasa besar, kononnya pengawal keselamatan Selat Melaka dan memastikan aktiviti keganasan tidak berleluasa. Ini adalah diperangkap oleh pihak Amerika Syarikat yang mana dia menuduh kita tidak dapat mengawal keselamatan di perairan Selat Melaka.

Oleh itu saya berharap dan saya minta kepada pihak kerajaan kita sendiri iaitu pihak keselamatan kita hendaklah mengawal dengan sebaik mungkin supaya tuduhan Amerika Syarikat itu tidak kena ataupun tuduhan itu semata-mata menuduh kita yang lemah untuk menjalankan tugas dan kewajipan dan begitulah juga yang mungkin diharapkan oleh mereka supaya kita merasai bahawa kita tidak terkawal dalam keselamatan kita.

Di sini saya tidak hendak bercakap panjang, hanya saya berharap pihak kerajaan juga perlu memikirkan hal keadaan elaun-elaun pegawai-pegawai ataupun kakitangan kerajaan terutamanya pasukan keselamatan hendaklah diberi dengan secukupnya dan saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah bersetuju untuk menaikkan gaji pasukan keselamatan. Dengan adanya kenaikan gaji itu, maka semangat juang yang ada pada pasukan keselamatan bertambah untuk menyara hidup keluarga mereka terutamanya seperti saya cakap tadi iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Puan Siti Zailah minta laluan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencelah sebab saya tidak sempat berbahas, jadi, masanya amat terhad. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat menyebut tentang masalah pertambahan elaun. Apa yang sedang berlaku dalam negara kita ini sebagaimana dalam pembentukan Kabinet baru kita mempunyai lebih kurang jumlah Menteri yang ada dalam negara kita 33 orang. Tentulah ini merupakan satu pertambahan beban kepada negara kita dari segi kewangan dan kalau kita bandingkan dengan apa yang ada di Amerika Syarikat, walaupun negaranya besar tetapi ia hanya mempunyai 13 orang Menteri. Saya minta pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Kita memang sudah tahu bahawa dahulu kita kekurangan Menteri sekarang bertambah Menteri. Dengan adanya pertambahan Menteri itu, maka kita lebih sempurna menjalankan tugas dan kewajipan kita dan saya bersetuju di atas pembahagian tugas atau kerja untuk menentukan wawasan kerajaan tercapai matlamatnya iaitu negara kita akan menjadi satu negara maju dan terselamat dari apa ancaman sekalipun.

Dengan itulah saya rasa terpenggil untuk mengucapkan terima kasih dan saya berharap juga kepada pasukan keselamatan iaitu Kementerian Pertahanan supaya mengkaji juga dari segi pencen-pencen bekas tentera yang telah berkhidmat dan pencen itu di bawah taraf kemiskinan. Ini terpulanglah - bukan lagi tugas Kementerian Pertahanan akhir-akhir ini tetapi tugas Kementerian Kewangan untuk mengkaji balik kerana dengan adanya pencen mereka bertambah, maka dapatlah mereka hidup dengan keadaan yang lebih baik dan ada tarikan daripada generasi muda untuk menyertai pasukan keselamatan.

Kita juga bersyukur dan berterima kasih dalam jawapan Timbalan Menteri Pertahanan baru-baru ini bahawa penurunan iaitu kurangnya tentera yang berhenti tanpa pencen dan bertambah tentera-tentera baru ataupun generasi muda masa kini berminat untuk menyertai pasukan keselamatan.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan kita telah mengambil berat, kerajaan kita telah mengambil perhatian terhadap rakyat bahawa mereka memberi apa sahaja yang dikehendaki oleh rakyat supaya dapat rakyat hidup dalam keadaan yang lebih selesa. Dengan adanya bantuan dan gaji atau elaun yang baik, maka saya rasa rakyat dan generasi muda akan berminat untuk menyertai pasukan keselamatan dan satu hari nanti saya yakin dan percaya pasukan keselamatan akan menjadi pilihan utama kepada generasi muda akan datang jika sekiranya mereka semasa dalam perkhidmatan mendapat ganjaran ataupun dapat hidup yang lebih baik, dan apabila tamat perkhidmatan mereka hidup lebih baik daripada semasa dalam Angkatan Tentera yang mereka ceburi itu.

Dengan kata-kata itu saya memohon sekali lagi supaya semua rakyat hendaklah bersatu padu, janganlah kita berpecah belah antara satu sama lain terutama kepada mereka yang berlainan politik supaya selepas pilihan raya hendaklah kita sama-sama membangun negara supaya kita merasai nikmat dan rahmat hasil daripada kemerdekaan kita.

Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Lupakan sementara waktu apa yang berlaku sebelum pilihan raya. Terima kasih. Minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.



**4.17 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 di Dewan yang mulia ini dan telah memberikan cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam Rang Undang-undang tersebut.

Saya akan menjawab soalan-soalan dan berusaha menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab kerana kesuntukan masa, suka saya memaklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi mengenai perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terlupa saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang telah duduk dan mendengar segala perbahasan daripada pagi hingga petang selama 7 hari di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada 12 orang ahli yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah pun bercakap berkenaan rang undang-undang perbekalan ini. Saya ingin menjelaskan bahawa penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian tidak melibatkan sebarang tambahan peruntukan. Apa yang dibuat hanyalah memindahkan peruntukan kepada maksud bekalan yang baru. Kerajaan yakin tiada tambahan ketara yang diperlukan ekoran penyusunan semula ini. Saya yakin juga bahawa agensi-agensi yang terlibat boleh melaksanakan fungsi-fungsi mereka dengan peruntukan yang ada. Namun demikian, sekiranya keperluan peruntukan tambahan untuk perkara-perkara yang mendesak dan tidak dapat dielakkan timbul, maka kerajaan boleh menimbangkan tambahan sewajarnya melalui pendahuluan daripada Kumpulan Wang Simpanan Luar Jangka.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa setiap ringgit peruntukan yang dibelanjakan memberi pulangan yang maksimum.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin juga minta penjelasan berkenaan dengan belanjawan di bawah pakej rangsangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakej rangsangan yang telah dilaksanakan pada tahun lalu dan pada tahun 2002 semata-mata bertujuan untuk menangani masalah kemelesetan ekonomi pada ketika itu. Langkah itu telah berjaya membawa ekonomi negara pada pertumbuhan yang tinggi pada tahap 4.1% pada 2002 dan 5.3% pada 2003. Pada suku tahun pertama 2004, ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 7.6%. Semuanya adalah hasil pengurusan ekonomi dan penyeliaan perbelanjaan yang berhemat yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan isu dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal defisit serta memastikan peruntukan dibelanjakan dengan bijaksana. Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan defisit kewangan kerajaan ialah memastikan kedudukan kewangan terkawal melalui kawalan perbelanjaan. Ini bermaksud, perbelanjaan meningkat pada kadar yang wajar.

Di samping itu, kerajaan akan memastikan peruntukan ke atas perbelanjaan adalah mengikut kecekapan dan keberkesanan kos serta mengelak pembaziran dalam peringkat pelaksanaan. Umpamanya, kerajaan telah dan sedang mempertingkatkan lagi sistem penyampaian ataupun *delivery system* serta memperbaiki proses kerja dan prosedur ataupun *running procedure* bagi mengurangkan pelaksanaan projek dan program dibuat secara sederhana.

Dari segi kutipan hasil, kerajaan akan meningkatkan lagi kecekapan jentera kutipan cukai. Di samping itu, penguatkuasaan akan ditingkatkan untuk membanteras pengelakan cukai dan mencegah penyeludupan. Usaha yang berterusan dalam memastikan pematuhan dan menjejaki mereka yang cuba mengelak ataupun enggan membayar cukai juga akan membantu meningkatkan lagi kutipan hasil kerajaan pada masa harapan.

Kerajaan juga sentiasa berusaha menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang *conducive* bagi membolehkan sektor swasta berkembang dengan pesat. Secara tidak langsung, ini akan dapat memberi pulangan dari segi cukai dan

hasil kepada kerajaan. Oleh itu, pihak swasta diharap dapat bersama membantu kerajaan dengan memainkan peranan mereka semula sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi. Kerajaan juga berusaha mempergiatkan dan meneroka sumber-sumber pertumbuhan baru termasuk meningkatkan peranan-peranan sektor yang moden.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menanyakan tentang pembubaran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, perpindahan sebahagian besar fungsi dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak membebankan kementerian tersebut. Bahkan dengan meletakkan fungsi-fungsi yang berkaitan mengenai wanita, keluarga dan kebajikan di bawah satu kementerian, kerajaan dapat memberi fokus yang lebih dan peruntukan yang sewajarnya dapat diberikan dan digunakan dengan lebih optimum.

Saya percaya pertambahan beban tugas ini tidak menjadi masalah kepada Yang Berhormat Menteri, yang berdedikasi dalam menjalankan tugas beliau dan saya pasti kementerian ini dapat berfungsi dengan berkesan bagi menangani tambahan beban tersebut. Yang dititikberatkan ialah mutu perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian ini dan sesuai tugas tersebut dijalankan oleh seorang wanita.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri telah menyoalkan kenapa Perpaduan Negara diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Perpaduan Negara diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana perpaduan adalah merupakan agenda utama negara dan tonggak kepada kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara. Perpaduan adalah matlamat utama dalam setiap program Pembangunan Negara. Selain itu, faktor sejarah kewujudan Jabatan Perpaduan Negara pada tahun 1969 oleh Majlis Gerakan Negara ataupun MAGERAN adalah bertujuan sebagai urus setia penyelarasan aktiviti yang berbentuk perpaduan dan muhibah antara kaum.

Dari tahun 1974 hingga tahun 1990, Perpaduan Negara telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri hinggalah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ditubuhkan pada Oktober 1990. Pembangunan Masyarakat diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana Pembangunan Masyarakat juga mempunyai kumpulan sasaran yang sama iaitu kanak-kanak, remaja dan juvana, wanita, orang kurang upaya, orang miskin, warga tua, keluarga dan komuniti. Oleh itu, kementerian yang baru merangkumi semua kumpulan sasaran tersebut. Dari segi kakitangan ia tidak menimbulkan masalah kerana perpindahan tersebut juga melibatkan perpindahan pegawai dan kakitangan ke kementerian baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga membangkitkan tentang program Rukun Tetangga. Sehingga April 2004, bilangan kawasan Rukun Tetangga yang telah ditubuhkan adalah sebanyak 2,739 buah di seluruh negara. Kegiatan-kegiatan Rukun Tetangga yang dilaksanakan merangkumi bidang pendidikan, sosial, keselamatan, keagamaan, sukan, kesihatan dan ekonomi.

Di antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:

- (i) kerja-kerja gotong-royong;
- (ii) kelas tuisyen;
- (iii) kelas agama;
- (iv) majlis dialog dengan pihak polis;
- (v) kempen keselamatan jalan raya; dan
- (vi) lain-lain.

Kementerian juga ada menyediakan peruntukan sebanyak RM400 sebulan bagi Rukun Tetangga menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah minta supaya ditambah masa soal jawab di Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Sesi soal jawab pertanyaan lisan selama satu jam adalah mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Negara, sekiranya hendak dipanjangkan pada satu setengah jam, perkara-perkara ini perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat untuk pindaan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga menanyakan kenapa kementerian-kementerian tidak menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setiap isu yang dibangkitkan akan cuba dijawab oleh kementerian-kementerian yang terlibat, kecuali jika tiada maklumat atau data yang lengkap, perkara-perkara tersebut akan dijawab kemudian oleh kementerian-kementerian yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Luar Negeri, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin menanyakan tentang fungsi ataupun peranan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHL). Tuan Yang di-Pertua, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri telah ditubuhkan dengan tujuan utama, untuk menyediakan latihan formal di peringkat asas dan lanjutan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan luar negeri Malaysia. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun yang lalu, skop latihan yang disediakan telah diperluaskan kepada peserta-peserta luar negara, khususnya peserta dari negara membangun di bawah program kerjasama teknik Malaysia.

Institut ini kini diletakkan di bawah Kementerian Luar Negeri. Kem latihan di institut ini lebih menekankan kepada latihan dan praktikal. Ia bertujuan untuk melengkapkan pegawai-pegawai dengan kemahiran, sikap dan pengetahuan bagi membolehkan mereka menghadapi pelbagai cabaran semasa bertugas di luar negara. Latihan di institusi ini tertumpu kepada 3 bidang:

- (i) diplomasi;
- (ii) hubungan luar negeri; dan
- (iii) bahasa asing.

Sejak tahun 1998, Bahagian Pendidikan telah diwujudkan untuk melengkapkan fungsi institut ini, di mana bahagian ini adalah bertanggungjawab melaksanakan ataupun penyelidikan dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa serta penerbitan yang berkaitan dengan bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, institut ini mengendalikan program-program latihan memberi penekanan kepada aspek-aspek teori, latihan dan amali, yang direka khas, khusus untuk mewujudkan para diplomat Malaysia yang serba boleh dan bersedia untuk mempromosikan dan mempertahankan kepentingan negara dalam suasana global yang sentiasa berubah dan penuh dengan cabaran.

Para diplomat Malaysia didedahkan kepada bidang pengetahuan diplomatik yang mendalam, kebolehan berinteraksi dan berkomunikasi, kemahiran, profesional dan pembentukan sikap yang positif, yang diperlukan dalam mengendalikan hubungan luar negara. Program latihan yang diadakan itu termasuklah amalan diplomatik, pengajian strategik dan keselamatan, pengajian ekonomi dan diplomasi awam, serta juga pengajian bahasa-bahasa asing. Program ini akan mewujudkan para diplomat Malaysia yang proaktif dan mempunyai asas yang cukup untuk menghadapi cabaran-cabaran antarabangsa masa kini dan masa hadapan.

Pihak institusi ini kini mempunyai empat orang pensyarah bagi melaksanakan program bahasa Inggeris dan bilangan ini setakat ini adalah mencukupi bagi mengendalikan semua kursus Bahasa Inggeris mengikut keperluan semasa, Kementerian Luar Negeri serta beberapa agensi kerajaan yang lain yang turut menempatkan pegawai mereka di luar negara, seperti Kementerian Pertahanan, Polis, Kastam dan sebagainya.

Pihak Institut tidak mempunyai masalah untuk menyediakan pegawai-pegawai untuk bertugas di luar negara termasuk Republik Rakyat China. Pada masa yang sama pihak institut sedang dalam perancangan melaksanakan projek *e-pembelajaran* untuk memudahkan dan meluaskan latihan bahasa Inggeris kepada pegawai Diplomatik Malaysia baik di dalam atau di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2003 sebanyak 1,374 peserta telah mengikuti kursus di institut ini, termasuk 153 orang peserta dari antarabangsa, sementara itu bilangan kakitangan peringkat pengurusan dan profesional di institut ini adalah seramai 20 orang yang terlibat secara langsung dalam pengendalian latihan oleh pihak institut, ini termasuk guru bahasa Inggeris serta guru bahasa asing yang lain iaitu bahasa Jerman, Sepanyol, Arab dan Perancis. Sementara itu pihak institut mempunyai 30 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat secara tidak langsung dalam membantu bahagian latihan pengendalian kursus-kursus yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng juga bertanya tentang rancangan MOSTE, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tentang kementerian untuk melaksanakan inovasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada pertanyaan ini bagi Maksud B.30, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar telah disusun semula dan diberi nama sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Tindakan ini adalah atas kesedaran bahawa program inovasi menjadi semakin penting bagi menjana pembangunan industri negara. Inovasi ini sendiri bukan perkara baru kerana ianya berkait rapat dengan sains dan teknologi dan telah dilaksanakan oleh kementerian ini.

Walau bagaimanapun, kementerian berkenaan telah membuat perancangan secara khusus bagi menggalakkan inovasi seperti berikut:-

- (i) usaha mewujudkan masyarakat mengamalkan budaya inovasi dalam kehidupan mereka, melalui program kesedaran dan penghargaan kepada para penyelidik seperti pameran *International Innovation Industrial Design And Technology Exhibition* yang mempamerkan hasil reka cipta ataupun inovasi dan pameran hasil penyelidikan (R&D);
- (ii) kerajaan telah menubuhkan Majlis Inovasi Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang membuat dasar dan merangka usaha-usaha penggalakan inovasi;
- (iii) menyediakan peruntukan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan bagi pembiayaan pendaftaran paten, hasil-hasil kajian atau produk pengajian;
- (iv) kerajaan sedang mengkaji untuk mewujudkan insentif yang sesuai untuk menggalakkan inovasi kepada industri seperti pelepasan cukai terhadap produk-produk penyelidikan yang telah dikomersialkan.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan tentang penasihat sains. Mengenai kerjasama penasihat sains dan *Multimedia Development Corporation* dalam menggalakkan inovasi, kerajaan memang menyedari hakikat ini dan kedua-duanya saling berhubung dan bekerjasama dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dan program-program yang dijalankan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah telah membangkitkan perkara Program Kesihatan Ibu serta Program Pemakanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menjalankan pelbagai Program Kesihatan Ibu dan Anak melalui program Kementerian Kesihatan seperti Pembangunan Kesihatan Keluarga Dan Pendidikan Kesihatan.

Di samping itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menjalankan Program Kesihatan untuk Ibu dan Anak yang diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN). Program seperti kempen kesihatan, pencegahan AIDS, penyalahgunaan dadah dan juga anti merokok juga yang dijalankan oleh kerajaan dengan kerjasama pihak NGO.

Berhubung dengan cadangan memberi bantuan kepada pelajar pekak dan bisu di IPTA, sukacita saya menyatakan bahawa kerajaan sememangnya telah meluluskan bantuan bulanan sebanyak RM300 kepada pelajar kurang upaya di IPT termasuk pelajar pekak dan bisu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah juga membangkitkan mengenai pendidikan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah di atas keprihatinan dalam isu-isu yang melibatkan wanita, keluarga dan masyarakat. Dari segi faktor pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sememangnya memberikan penekanan mengutamakan pembangunan kapasiti dan pengetahuan di mana melalui perkongsian bijak di antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk melaksanakan pelbagai bentuk program yang meliputi bidang-bidang seperti literasi undang-undang, keusahawanan, pembangunan rohani dan kursus-kursus kemahiran seperti jahitan dan masakan.

Mengenai kesihatan keluarga pula, dari segi faktor kesihatan, kementerian ini melalui agensinya iaitu LPPKN mempunyai banyak jenis modul dan program yang menitikberatkan kesihatan dan keceriaan keluarga seperti Program Nur Sejahtera dan Selingkar Kasih. Manakala modul dipanggil Pakej Kasih terdiri daripada Bahtera Kasih, Mutiara Kasih, Permata Kasih, Pancaran Kasih dan Belaian Kasih. Semua modul-modul meliputi proses pembelajaran yang menekankan aspek-aspek positif berkaitan pembangunan keluarga bermula daripada lahirnya seorang bayi.

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah juga membangkitkan mengenai ekonomi yang berkaitan dengan mikro kredit. Skim Mikro Kredit diberikan melalui Bank Simpanan Nasional dan juga Bank Pertanian. Sememangnya kriteria dan garis panduan yang ditetapkan agak ketat bagi memastikan skim ini tidak disalahgunakan. Peranan Kementerian KPWKM melalui salah satu agensinya iaitu Jabatan Pembangunan Wanita telah bekerjasama dengan NGO untuk melaksanakan latihan *mentor mentee* untuk memudahkan pemberian skim mikro kredit kepada wanita terutamanya ibu tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga peringkat negeri, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga peringkat negeri ditubuhkan pada Mac 2003 dan sejak penubuhannya majlis ini telah memainkan peranan sebagai:

- (i) jentera pelaksana dasar dan program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di peringkat akar umbi;
- (ii) mengenal pasti masalah dan isu wanita dan keluarga di negeri masing-masing; dan
- (iii) membuat keputusan berkaitan dasar yang perlu diambil di peringkat negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kementerian Kewangan telah meluluskan peralihan seorang Setiausaha Kerja untuk setiap Pengerusi MPWKN peringkat negeri manakala untuk kawasan Parlimen, kelulusan untuk mendapatkan Setiausaha Kerja masih dalam tindakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Kementerian Kewangan.

Untuk khidmat kaunseling, wanita bermasalah boleh datang ke Rumah Nur atau pejabat Pembangunan Wanita negeri, Pegawai Pembangunan Masyarakat ditempatkan di setiap Rumah Nur untuk membantu *client* yang memerlukan. Rumah Nur berfungsi sebagai pusat aktiviti pembangunan wanita dan keluarga di samping bertindak sebagai pusat maklumat setempat. Mengenai Pusat Maklumat Komuniti, buat masa ini terdapat 274 Pusat Dalam Komuniti (PDK), sekarang ini terdapat 274 PDK di seluruh negara.

Pada tahun ini sebanyak RM573,000 telah diperuntukkan untuk mewujudkan 20 lagi PDK. Buat masa kini Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah menjadi pegawai PDK. Namun begitu, jika isteri-isteri ADUN berminat menyertai sebagai AJK di kawasan masing-masing, cadangan ini akan diambil perhatian.

Mengenai mangsa bencana alam, pada kebiasaannya bantuan bagi bencana alam akan dijelaskan dengan kadar segera. Kementerian akan meneliti masalah bagi daerah yang belum mendapat bantuan tersebut. Kementerian memerlukan maklumat yang lebih terperinci berkaitan kelewatan pembayaran bantuan di daerah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Hajah Sharifah juga membangkitkan mengenai Tabung Yayasan Negara. Yayasan ada menyumbangkan kepada pesakit-pesakit kronik yang menepati syarat. Biasanya permohonan diteliti dan disokong oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah. Kes-kes yang menepati syarat-syarat akan diluluskan bantuan. Walau bagaimanapun, pada masa ini terdapat satu peruntukan khas di bawah Kementerian Kesihatan yang mengendalikan urusan permohonan bantuan kewangan bagi tujuan pembedahan dan pesakit kronik. Walau bagaimanapun, KPWKM akan mengkaji semula syarat-syarat yang telah ditetapkan supaya tidak membebankan pemohon.

Yang Berhormat Hajah Sharifah juga mencadangkan tentang pensyarah-pensyarah mahir dalam bahasa isyarat ditempatkan di IPTA. Jadi, saya hendak

mengucapkan terima kasih ke atas cadangan Yang Berhormat. Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk membincangkan dan meneliti cadangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga membangkitkan tentang tanggungjawab KPWK. Ini adalah satu cadangan yang baik dan beliau telah membuat beberapa cadangan yang baik dan memberangsangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang sentiasa melaksanakan kursus-kursus kesedaran dan program-program pembangunan sahsiah diri di kalangan kakitangan kementerian. Ini bertujuan memupuk kesedaran daripada pejabat dan dibawa ke rumah.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bekerjasama dengan pihak polis. Kementerian sentiasa memerlukan kerjasama pihak polis dalam melaksanakan program-program kementerian terutamanya dalam program menangani keganasan terhadap wanita dan isu-isu berkaitan dengan gejala sosial.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan bayaran kepada IWK, ini di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pembedungan di bawah kawasan PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan disediakan oleh IWK dan bukannya PBT. Manakala cukai pintu dikutip berdasarkan perkhidmatan yang disediakan oleh PBT, seperti kebersihan, penyelenggaraan jalan, parit serta potongan rumput. Oleh itu kedua-dua perkhidmatan ini disediakan oleh pihak yang berbeza. Sehubungan dengan itu, pelanggan perlu membayar caj pembedungan kepada pihak IWK dan cukai pintu kepada PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan.

Kadar caj pembedungan adalah berdasarkan jenis dan kategori kegunaan rumah. Manakala cukai pintu dikenakan berdasarkan kadar penilaian yang dipersetujui oleh kerajaan negeri. Oleh yang demikian caj IWK tidak termasuk dalam cukai pintu yang dikenakan oleh PBT. Memang sebelum ini bayaran cukai pintu yang dibayar kepada PBT adalah turut merangkumi perkhidmatan pembedungan tetapi perkhidmatan yang dapat diberikan oleh PBT adalah pada tahap yang sangat minimum, di mana perkhidmatan dan kerja-kerja penyelenggaraan pembedungan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan prosedur laporan polis yang telah dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng, untuk makluman Yang Berhormat pihak polis menempatkan pegawai-pegawai penyiasat di IPD. Oleh yang demikian pengadu-pengadu yang membuat aduan kes-kes jenayah di balai-balai polis selain daripada IPD adalah dikehendaki berjumpa dengan pegawai penyiasat di IPD untuk semua urusan penyiasatan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu di mana pengadu-pengadu menghadapi masalah untuk pergi ke IPD, pegawai penyiasat boleh mengambil tindakan untuk datang ke balai berkenaan untuk meneruskan siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sekali lagi, pihak PDRM sememangnya mengambil konsep 'Mesra, Cekap dan Tepat' dalam melaksanakan tugas-tugas harian. PDRM sentiasa menugaskan anggota 24 jam iaitu anggota-anggota polis lengkap beruniform membuat rondaan berjalan kaki di kawasan-kawasan tumpuan awam, rondaan motosikal dan kereta peronda untuk pemantauan kawasan yang ditetapkan.

Anggota yang berpakaian preman juga turut membuat pemantauan di kawasan yang ditentukan. Setiap anggota sentiasa diingatkan agar menjaga tata susila dan bersopan dalam menjalankan tugas masing-masing untuk menjaga imej PDRM. Pihak PDRM sememangnya sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi lain dalam melaksanakan program-program yang berkaitan. PDRM akan mengkaji kerjasama dengan KPWK dalam program-program yang bersesuaian.

Mengenai pendidikan dan kefahaman kepada generasi muda mengenai tanggungjawab PDRM, pihak PDRM telah mengadakan beberapa program seperti rancangan 'Polis dan Anda' di Radio Malaysia. Di samping itu PDRM juga bekerjasama dengan Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia bagi memberi kesedaran kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng juga meminta penjelasan mengenai *vote* keluar negeri *One-Off* bagi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM11.7 juta. Peruntukan *One-Off* sebanyak RM11.7 juta tersebut adalah untuk kursus, mesyuarat, seminar dan juga tugas-tugas rasmi pegawai-pegawai dan anggota-anggota pentadbiran bagi kementerian dan agensi-agensinya. Bagi kementerian dan juga Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) peruntukan adalah RM1.33 juta, bagi PDRM RM10 juta, bagi Penjara RM250,00 dan bagi JPA3 RM120,00.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan berkenaan dengan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM (SDPPP). Tuan Yang di-Pertua, mandat yang diberikan kepada Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan adalah selama setahun dan tempoh ini akan berakhir pada Februari tahun 2005. Sehingga kini Suruhanjaya merasakan tempoh yang diberikan adalah memadai. Oleh yang demikian, soal sama ada tempoh ini perlu dilanjutkan adalah tidak berbangkit. Kerajaan akan sentiasa mengawasi perjalanan Suruhanjaya ini dan sekiranya ada sesuatu tindakan perlu diambil untuk melanjutkan tempohnya demi kepentingan rakyat, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan ini.

Bidang tugas yang utama Suruhanjaya ini adalah merupakan tujuan utama tentang tugas untuk meningkatkan imej PDRM. Ini adalah satu yang merupakan tujuan utama SDPPP yang disebutkan. Segala terma rujukan yang diberikan kepada Suruhanjaya ini adalah untuk mengemukakan cadangan-cadangan kepada kerajaan bagi membolehkan PDRM menjadi sebuah agensi penguat kuasa undang-undang yang terulung dan berkredibiliti tinggi. Insya-Allah, apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng juga mempersoalkan mengenai peruntukan yang besar kepada Kementerian Pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, pengasingan fungsi pelancongan adalah bertujuan memberi fokus yang lebih kepada industri pelancongan negara ini memandangkan ia merupakan salah satu industri yang sangat baik dan sangat penting terutama dari segi pendapatan pertukaran wang asing. Contohnya pendapatan yang dijana oleh sektor ini sepanjang tahun 2003 adalah sebanyak RM21.3 bilion.

Dengan tertubuhnya kementerian baru ini, pelbagai program dan pakej sudah dirancang dan diperkenalkan untuk menarik pelancong akan menjadi lebih berkesan. Isu-isu semasa terutamanya kesan kempen keganasan antarabangsa selepas peristiwa 11 September, rombongan-rombongan mempromosi menjadi semakin penting dalam usaha untuk menarik pelancongan terutamanya ke Timur Tengah.

Kempen-kempen ini adalah sangat berkesan dan berjaya menarik pelancong datang ke Malaysia. Contohnya, bagi tempoh suku tahun pertama tahun 2004 jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia telah meningkat sebanyak 38.4% kepada 3,938,204 orang berbanding dengan seramai 2,875,147 orang pada suku tahun yang sama 2003. Berdasarkan kepada prestasi ketibaan yang amat memberangsangkan itu, Kementerian Pelancongan mengunjurkan jumlah ketibaan pelancong pada tahun 2004 adalah seramai 14.3 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin dan Yang Berhormat Tuan Hassan Haji Shukri membangkitkan masalah lepasan IPTA yang masih tidak dapat pekerjaan setelah tamat pengajian. Kerajaan menyedari bahawa sekarang ini terdapat graduan-graduan daripada IPTA tempatan yang sukar mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan masing-masing. Namun demikian usaha sedang diambil oleh kerajaan untuk memberikan kemahiran penambahan kepada graduan-graduan ini agar mereka lebih *marketable*. Di antara langkah yang telah dijalankan ialah untuk memberikan kursus-kursus pendek dalam bidang ICT, meningkatkan kemahiran perhubungan (*communication skill*) khususnya dalam bahasa Inggeris dan memberi pendedahan dan pengalaman bekerja secara sangkut ke jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Dalam masa yang sama pihak kementerian, IPTA sedang berusaha untuk menyemak semula kurikulum kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA. Input daripada pihak swasta dan juga pihak-pihak lain adalah diberi pertimbangan.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Hassan Haji Shukri mengenai kemampuan kerajaan menyediakan pekerjaan untuk graduan lepasan IPTA adalah terhad. Bahkan telah tiba masanya rakyat menerima hakikat bahawa peluang pekerjaan dengan kerajaan amatlah terhad. Graduan sepatutnya

menyediakan diri untuk berkhidmat dengan pihak swasta ataupun bekerja sendiri. Jika keadaan memaksa atau *option* untuk bekerja di luar negara juga wajar diambil.

Mengenai peningkatan peranan IPTS dalam pendidikan tinggi negara, berhubung dengan cadangan supaya pihak Kementerian Pengajian Tinggi lebih kerap berbincang dan berinteraksi dengan IPTS dan pihak swasta, kerajaan sememangnya menggalakkan perhubungan seperti ini, bahkan kerajaan sentiasa mengalu-alukan semua pihak termasuklah pihak swasta untuk mengemukakan cadangan-cadangan bernas untuk diambil pertimbangan dalam perancangan kerajaan. Perjumpaan-perjumpaan seumpama itu sememangnya diadakan dari masa ke semasa, misalnya Kementerian Kewangan sendiri telah mengadakan perjumpaan dengan pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan untuk mendapat input bagi penyediaan-penyediaan belanjawan.

Saya juga difahamkan kementerian dan agensi lain seperti MITI dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) selalu mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak persatuan IPTS seperti MAPCU, PKIBM dan NABIE untuk berbincang perkara-perkara yang berkaitan dengan kursus pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin juga membangkitkan tentang kenapa peruntukan banyak kepada IPTA sedangkan IPTS juga penyumbang kepada perkembangan pendidikan negara. Peruntukan yang banyak Tuan Yang di-Pertua disediakan kepada IPTA adalah untuk penyeliaan infrastruktur dan peralatan bagi IPTA yang terlibat. Kerajaan memang menyedari sumbangan yang diberikan oleh IPTS kepada perkembangan pendidikan negara. Kerajaan akan mengkaji bentuk bantuan yang bersesuaian pada IPTS yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin juga membangkitkan tentang kursus-kursus teknikal yang ditawarkan sesuai dengan perkembangan negara dan kehendak semasa, adakah sesuai?

Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus teknikal yang ditawarkan bersesuaian dengan perkembangan negara dan kehendak semasa serta memenuhi keperluan pasaran kerja segera negara. Kursus-kursus teknikal dirangka berdasarkan penemuan-penemuan ataupun *findings* menerusi dialog-dialog industri yang dijalankan. Lembaga Kurikulum yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan membuat penilaian ke atas kurikulum terutama dari segi kesesuaian pasaran kerja.

Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, prestasi dan praktikaliti sesuatu kursus dinilai setiap tahun menerusi kajian yang dipanggil *Traces Study* yang dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin juga membangkitkan tentang Jabatan Pendidikan Swasta dan juga Lembaga Akreditasi Negara (LAN) untuk mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan mengendalikan sesuatu kursus pengajian dari Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Jabatan Pendidikan Swasta (JPS) sedang dalam proses menubuhkan *one-stop agency* untuk mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Dato' Dr. Chin membangkitkan masalah visa pelajar asing untuk belajar di IPT tempatan. Pelajar-pelajar asing IPTA tidak mengalami masalah visa. Berikut adalah langkah-langkah memproses pengurusan visa pelajar IPTS:

- (1) Pelajar masuk ke Malaysia menggunakan visa biasa.
- (2) IPTS akan menyediakan visa pelajar.
- (3) IPTS akan menghantarkan dokumen relevan pelajar IPTS ke Imigresen untuk proses lanjutan.
- (4) Pihak Imigresen kemudian hantar dokumen yang sama ke Bukit Aman dan tempoh proses dokumen mengambil masa satu hingga dua minggu.
- (5) Bukit Aman akan berhubung dengan negara asal pelajar untuk mendapatkan pengesahan dokumen yang dihantar dan status pengajian pelajar.



Antara masalah yang timbul berkaitan visa pelajar asing termasuklah penetapan had umur 12 tahun untuk pelajar-pelajar *first degree* oleh pihak Imigresen. Pemrosesan ketat dan bertapis mungkin telah mengambil masa yang lama dan memerlukan banyak penyelarasan di pelbagai peringkat. Ini perlu kerana ia melibatkan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin juga membangkitkan masalah pengangkutan awam di Putrajaya. Langkah yang paling senang ke Putrajaya adalah dengan menggunakan perkhidmatan KLIA Transit dari Kuala Lumpur ke Putrajaya dan dari sana boleh menggunakan perkhidmatan teksi ataupun bas yang disediakan ke mana-mana destinasi di Putrajaya.

Untuk makluman Yang Berhormat teksi yang beroperasi di Kuala Lumpur juga dibenarkan mengambil penumpang di Putrajaya. Setakat ini jumlah permit teksi di Lembah Kelang adalah sebanyak 18,896 unit dan jumlah ini dikira memadai. Saya percaya apabila mana jumlah penumpang di Putrajaya menjadi semakin meningkat, bilangan teksi yang beroperasi di sana juga turut akan bertambah. Saya difahamkan bahawa pada ketika ini beberapa siri perbincangan telah dijalankan oleh Kementerian berkenaan dengan persatuan-persatuan teksi untuk menangani masalah ini.

Mengenai projek monorail di Putrajaya, projek ini sebenarnya tidak dibatalkan tetapi ditangguhkan sahaja kerana kekurangan peruntukan yang dianggarkan sebanyak RM400 juta. Projek ini akan diteruskan sebaik sahaja peruntukan tersebut diterima. Projek ini adalah penting sebagai alternatif dalam menambah baik sistem pengangkutan awam bagi menangani isu kesesakan di Putrajaya yang diunjurkan pada masa hadapan, berikutan pertambahan penduduk setelah pusat-pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya beroperasi penuh menjelang tahun 2010.

Landasan monorail sepanjang 9 kilometer ini selain menghubungkan kawasan *residential* dan *commercial*, turut menyediakan laluan penghubung antara Parcel A, B, C, D, E dan Presint 2, Core Island yang melibatkan kementerian dan pejabat-pejabat kerajaan. Projek ini juga selaras dengan pelan integrasi pengangkutan awam dan guna tanah Lembah Klang yang bermatlamat meningkatkan prestasi dan mutu pengangkutan awam pada nisbah 70:30 awam persendirian menjelang tahun 2020 bagi menangani isu kesesakan lalu lintas jangka panjang secara proaktif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan berkenaan dengan Labuan. Labuan adalah merupakan pulau bebas cukai yang mempunyai keistimewaan tersendiri dan pelaburan kerajaan di pulau ini memberi kesan positif terhadap pembangunan pulau tersebut. Dengan status pulau bebas cukai, ianya juga menjadi destinasi pelancongan yang menarik dengan tarikan semula jadi pulau tersebut. Labuan juga telah dibangunkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa yang berdaya saing bagi menarik pelabur-pelabur antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada lagi jawapan-jawapan tambahan. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan tentang, ini jawapan tambahan kepada IPTA tadi Tuan Yang di-Pertua. Sebab-sebab kenapa IPTA mendapat peruntukan yang banyak sedangkan IPTS tidak dapat peruntukan yang sedemikian. Sebab-sebabnya ialah yuran yang dibayar oleh pihak pelajar adalah kecil dan yuran selebihnya akan ditanggung oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan juga terpaksa menyediakan infrastruktur dan peralatan di setiap IPTA yang memakan belanja yang besar, termasuk menyediakan gaji dan elaun kepada tenaga pekerja universiti. IPTS dibantu dengan menyediakan pinjaman PTPTN kepada pelajar di IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee membangkitkan tentang tanggungjawab pembangunan dan perlindungan harta intelek terhadap hasil cipta saintis negara. Memang menjadi hasrat kerajaan untuk membangunkan dan memajukan usaha penciptaan produk-produk teknologi baru, oleh itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ditubuhkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuatu ciptaan yang dilakukan oleh rakyat negara ini dan bagi melindungi ciptaan tersebut, ianya perlulah didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin membangkitkan masalah pengimportan bahan sisa toksik di Johor. Perkara ini sememangnya telah diperjelaskan dengan panjang lebar oleh kementerian berkenaan. Namun begitu, oleh

kerana dibangkitkan, saya suka memaklumkan bahawa sisa toksik *copper dioxide* telah diimport dari Taiwan oleh sebuah syarikat yang dinamakan 'Chinan Biro Sdn Bhd' dari Johor secara haram melalui pemalsuan dokumen-dokumen. Walau bagaimanapun, Kementerian berkenaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan pencemaran di kawasan tersebut tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Syed Ali membangkitkan sama ada penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan akan turut melibatkan pindaan perlu dilakukan terhadap undang-undang yang berkaitan dengan Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak akan melibatkan mana-mana pindaan terhadap perundangan yang berkaitan dengan Wilayah Persekutuan. Apa yang berlaku adalah dari segi struktur organisasi pentadbirannya sahaja, iaitu daripada kawalan Jabatan Perdana Menteri kepada kementerian baru. Mengenai DBKL, struktur organisasinya tetap sama, cuma pada masa lalu, ia di bawah kawalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tetapi kini di bawah Menteri Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai fungsi khusus sebagai entiti yang bertanggungjawab menyelaras perancangan dan pelaksanaan dasar kerajaan serta pengurusan pembangunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Kementerian Wilayah Persekutuan juga bertanggungjawab untuk mengawasi dan mengawal selia pengurusan dan pentadbiran PBT, iaitu PBT Wilayah Persekutuan iaitu DBKL, Pentadbiran Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya. Penubuhan ini selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan *delivery system* dalam struktur pentadbiran kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Syed Ali juga meminta supaya Menteri hadir menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian telah membuat penjelasan yang sewajarnya untuk anggota-anggota pentadbiran menjawab isu-isu dan pertanyaan-pertanyaan yang berbangkit termasuklah Yang Berhormat Menteri-menteri sendiri. Kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri boleh disemak dalam Penyata Rasmi Dewan, namun, memang tidak dapat dinafikan, kerana jadual yang ketat, sesetengah Yang Berhormat Menteri tidak dapat hadir di Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Syed Ali juga bertanyakan tentang punca utama pelajar-pelajar asing di IPTS ditipu. Punca utama penipuan berlaku adalah pelajar berurusan dengan agen pengambilan pelajar di luar negara yang tidak berdaftar, khususnya agen di negara China. Pelajar di luar negara boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Pegawai Promosi Pendidikan yang telah ditempatkan di negara, buat masa kini, di pejabat Kedutaan Beijing, di China, Dubai, Vietnam dan di Indonesia, di Jakarta. Selain itu, pelajar berkenaan juga boleh mengetahui sama ada kursus-kursus yang ditawarkan di IPTS di Malaysia, adalah kursus yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awini membangkitkan berkenaan dengan kekeliruan kerana penyusunan semula fungsi kementerian. Secara umumnya, penyusunan semula fungsi kementerian yang diumumkan baru-baru ini tidak melibatkan rombakan program dan aktiviti. Sebaliknya, program dan aktiviti yang dirancang semasa di agensi lama, adalah dipindah secara keseluruhan. Ini termasuk juga, peruntukan kewangan, kakitangan serta sumber-sumber lain. Oleh yang demikian, perpindahan fungsi tidak akan mengakibatkan perubahan strategi dan boleh beroperasi dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Yang Berhormat Datuk Syed Ali. Beliau menanyakan tentang cara pemantauan keberkesanan pengurusan seribu IPTS. Buat masa ini, terdapat sebanyak 539 IPTS, termasuk 20 buah IPTS bertaraf universiti. Angka 1000 IPTS di Malaysia adalah salah. Sejak dua tahun lalu, dari tahun 2002 dan 2003, Jabatan Pendidikan Swasta (JPS) telah membuat operasi gempur dan hebah bertujuan memantau supaya IPTS di Malaysia adalah berdaftar dan kursus pengajian yang ditawarkan adalah diluluskan seperti mana peruntukan di bawah Akta 555, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, tahun 1996. Selain itu, pemantauan ataupun pemeriksaan secara berkala, juga terus dibuat bagi memastikan IPTS mengikut peraturan dan menawarkan program yang berkualiti kepada pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nor Azah bertanyakan mengenai penyusunan semula kementerian-kementerian baru dan mahu penjelasan berkenaan dengan nama-nama kementerian, perbezaan fungsi dan peranan.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai penyusunan semula ini boleh diperolehi daripada laman web Pejabat Perdana Menteri, [www.pmo.gov.my](http://www.pmo.gov.my). Jabatan Perdana Menteri sedang meminda Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan, yang mana ianya menjelaskan tentang tugas setiap Menteri-menteri yang dilantik. Bagi peringkat kementerian dan jabatan, JBA dan Kementerian Kewangan telah mengadakan perbincangan dengan semua kementerian yang terbabit bagi menjelaskan peranan masing-masing dan menyelesaikan masalah yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan telah menyarankan kepada Kementerian Pengajian Tinggi menubuhkan satu universiti perubatan dan universiti tersebut diberi nama sempena nama pemimpin negara iaitu Tun Dr. Mahathir. Buat masa kini, kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan universiti perubatan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengajian Tinggi bercadang untuk meningkatkan kemudahan di enam IPTA yang sedia ada menawarkan kursus perubatan. Kementerian Pengajian Tinggi juga bercadang untuk menubuhkan Fakulti Perubatan baru di IPTA yang belum menawarkan kursus perubatan. Penubuhan sebuah universiti perubatan memerlukan peruntukan yang besar dan tenaga pengajar yang ramai, di samping perancangan yang rapi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya ingin mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, yang telah pun memberi jawapan yang begitu jelas dan lengkap. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi bahagian tahun itu dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 53(2), Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG AGENSI  
PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA 2004**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.12 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Pengisytiharan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) sejauh 200 batu nautika dari garis pangkal pada tahun 1980 telah memperluaskan tugas dan tanggungjawab negara ke atas Zon ini. Di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) terdapat sumber kekayaan negara yang begitu banyak seperti sumber marin, minyak mentah, gas asli dan lain-lain lagi yang perlu dilindungi daripada sebarang pencerobohan.

Selat Melaka yang sentiasa sibuk merupakan laluan perkapalan yang strategik perlu dikawal rapi bagi menentukan ianya sentiasa selamat. Kejadian rompakan yang melibatkan beberapa buah kapal asing dan sebilangan nelayan tempatan sungguhpun terkawal perlu dipatahkan. Pembolosan pantai negara oleh pendatang tanpa izin dan penyeludup masih berlaku dan ianya perlu dibendung. Keselamatan Selat Melaka sesungguhnya adalah sangat penting jika ianya tidak dikawal dengan rapi, nescaya akan mendorong kuasa-kuasa asing untuk melibatkan diri dalam pengurusannya. Justeru, kedaulatan negara akan tergugat.

Pengisytiharan ZEE telah memperluaskan tugas agensi yang dipertanggungjawabkan mengawal dan mengurus hal-hal maritim. Penguatkuasaan undang-undang maritim negara masa ini diuruskan secara *sectoral* oleh 11 jabatan ataupun agensi kerajaan. Ianya melibatkan hampir 5,000 anggota dan lebih 400 buah kapal dan bot.

Dalam hubungan ini agensi-agensi yang berkaitan telah mengambil langkah bersendirian untuk mengembangkan organisasi dan menambahkan aset agensi masing-masing sejajar dengan tanggungjawab yang diberikan. Meskipun pendekatan ini dalam konteks jabatan masing-masing ada keberkesanannya, namun dalam konteks negara dengan begitu banyaknya agensi yang terlibat dalam aspek penguatkuasaan, ianya telah menyebabkan pertindihan fungsi dan bidang kuasa, pertindihan kawasan operasi serta persaingan perolehan aset. Pengurusan secara ini bukanlah merupakan pengurusan maritim yang efisien dan penggunaan aset yang optimum.

Memandangkan keadaan ini dan komitmen kerajaan bagi menentukan keselamatan dan keamanan perairan negara sentiasa terpelihara, kerajaan telah menubuhkan satu kumpulan kajian yang diketuai oleh Bahagian Keselamatan Negara bagi meneliti cara dan pendekatan pengurusan maritim yang terbaik untuk negara bagi mengatasi masalah yang disebutkan tadi.

Berasaskan kajian dan perbincangan dengan semua pihak terutamanya agensi-agensi penguatkuasaan di laut serta syor kumpulan kajian, maka kerajaan berpendapat bahawa masanya sudah tiba untuk negara kita mengubah pendekatan penguatkuasaan maritim secara *sectoral* kepada cara penguatkuasaan melalui satu agensi yang *singular* dan *dedicated* bagi menguatkuasakan segala undang-undang Persekutuan di laut.

Justeru, kerajaan pada 21 Ogos 2002 memutuskan untuk menubuhkan sebuah agensi baru yang dinamakan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Penubuhannya akan dibuat melalui penggabungan aset-aset agensi maritim sedia ada terutama daripada Polis Diraja Malaysia (Cawangan Marin), Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Perikanan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Laut. Keputusan yang diambil kerana ini juga merupakan *trend* di kebanyakan negara berpantai yang lebih cenderung ke arah mewujudkan sebuah agensi khusus yang lebih dikenali sebagai *Coast Guard*.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tujuan kerajaan dengan penubuhan Agensi ini, ianya akan dapat melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan dengan lebih berkesan dan efisien bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim

Malaysia agar kepentingan maritim dan kepentingan lain negara dalam Zon itu sentiasa terpelihara. Dengan itu Agensi baru ini diberikan fungsi-fungsi berikut:-

- (i) penguatkuasaan semua undang-undang Persekutuan di laut;
- (ii) mengawal, mencegah dan menghapuskan kegiatan jenayah;
- (iii) mencari dan menyelamatkan;
- (iv) pengawasan kawasan maritim;
- (v) memberi bantuan pengangkutan agensi-agensi yang memerlukan; dan
- (vi) semasa darurat, krisis khas atau perang diletakkan di bawah perintah dan kawalan Angkatan Tentera Malaysia untuk membantu dalam pertahanan.

Fungsi dan kuasa agensi-agensi maritim yang lain yang ada kaitan dengan penggubalan dasar, kuasa kawal selia termasuk pelesenan, penyelidikan dan pembangunan, pemuliharaan sumber dan tugas-tugas lain yang tidak ada kaitan dengan penguatkuasaan dan mencari dan menyelamatkan masih dikekalkan dalam agensi berkenaan.

Bagi menentukan dan mengawasi hala tuju strategik, dasar-dasar dan proses pewujudan Agensi baru ini, satu Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Selain daripada itu, empat kumpulan kerja ditubuhkan iaitu Kumpulan Kerja Pembangunan Organisasi, Kumpulan Kerja Semakan dan Penggubalan Undang-undang, Kumpulan Kerja Kewangan dan Aset serta Kumpulan Kerja Latihan dan Piawaian. Bagi melaksanakan keputusan Jawatankuasa Pemandu dan menyelaraskan serta merumuskan syor-syor kumpulan kerja, sebuah *team nucleus* telah diwujudkan.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang akan ditubuhkan ini merupakan sebuah agensi separa tentera ataupun separa *military* beruniform. Ianya mempunyai akta dan skim perkhidmatan tersendiri di samping akan juga mempunyai suruhanjaya perkhidmatannya sendiri. Bagaimanapun, di peringkat awal ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dipertanggungjawabkan dahulu bagi menguruskan hal-hal pelantikan dan disiplin anggota-anggota agensi.

Di waktu aman, agensi ini merupakan sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang, manakala di waktu perang ianya akan merupakan sebuah pasukan tentera yang akan diiktirafkan sebagai *combatant* mengikut *Convention Geneva*. Sebagai sebuah angkatan separa tentera, anggotanya perlu mempunyai keberanian, disiplin dan profesionalisme yang tinggi. Perintah dan kawalan (*command and control*) yang efektif dan jitu sangat mustahak bagi menentukan Agensi ini dapat memainkan peranannya dengan berkesan.

Agensi ini akan mempunyai pangkalan-pangkalan di seluruh negara bagi menentukan penjagaan dan pemeliharaan keamanan dan keselamatan perairan negara dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Agensi ini dilengkapi dengan bot, kapal dan pesawat terbangnya sendiri dan mampu beroperasi 24 jam siang dan malam.

Kawasan tanggungjawab Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah meliputi perairan dalaman, laut wilayah, pelantar benua, Zon Ekonomi Eksklusif dan perairan perikanan dan termasuklah ruang udara di atas Zon ini. Keluasan zon maritim negara meliputi 614,000 kilometer persegi iaitu dua kali ganda keluasan darat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa untuk menentukan Agensi ini dapat melaksanakan semua tugasnya dengan efektif dan efisien akan mengambil masa yang lama dan melibatkan kewangan yang tinggi.

Justeru buat permulaan, kerajaan telah memutuskan untuk mengambil berperingkat-peringkat aset-aset daripada agensi sedia ada yang sekarang ini digunakan bagi tugas penguatkuasaan untuk diserahkan kepada agensi baru ini.

Buat permulaan agensi ini akan dilengkapi dengan 82 buah bot kecil dan sederhana. Selain daripada penyerahan aset-aset, anggota-anggota daripada agensi maritim sedia ada juga digalakkan untuk menyertai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Pendekatan ini diambil supaya tidak terdapat kelompongan dalam penguatkuasaan secara mendadak terutama di peringkat transisi. Dalam masa yang sama ianya memberi cukup masa kepada agensi ini untuk membangun dan berkembang secara kecil-kecilan dahulu sehingga ianya bersedia untuk melaksanakan tugas yang lebih besar dan lebih mencabar.

Bagi menentukan keselamatan dan keamanan negara sentiasa terpelihara, semua agensi keselamatan perlu bekerjasama di antara satu sama lain. Dalam konteks ini, agensi-agensi utama seperti Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Kastam akan bekerjasama dengan agensi ini dalam tugas penguatkuasaan dan menjaga ketenteraman di zon maritim negara. Dalam pada itu, peralatan-peralatan yang dimiliki nanti oleh agensi ini serta prosedur-prosedur akan menitikberatkan kemampuan untuk beroperasi secara bersama, *inter-operability*. Agensi ini akan menggunakan prasarana-prasarana yang terdapat pada agensi sedia seperti kemudahan jeti dan premis.

Adalah menjadi tujuan kerajaan untuk melihat agensi ini memulakan operasinya pada bulan Mac tahun hadapan. Masa ini diperlukan bagi menentukan segala persiapan logistik dan latihan dapat berjalan dengan sempurna dan lancar. Kerajaan yakin bahawa dengan tertubuhnya agensi baru ini, pentadbiran lautan ataupun *the ocean governance* akan menjadi lebih efektif dan teratur dengan penggunaan sumber-sumber secara lebih optimum.

Segala pembangunan dalam aspek penguatkuasaan, pemeliharaan sumber dan mencari dan menyelamat di laut akan dapat ditumpukan kepada sebuah agensi tunggal dengan tidak ada pertindihan fungsi. Adalah menjadi harapan kerajaan dengan tertubuhnya agensi baru ini, selain daripada meningkatkan kawalan perairan negara, ianya juga akan menambah pendapatan negara melalui peningkatan hasil tangkapan ikan, pelancongan dan perkapalan.

Bagi menentukan agensi ini dapat memainkan peranannya dan melaksanakan tanggungjawabnya secara sah dan mantap, maka Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 ini dikemukakan pada persidangan Dewan yang mulia ini. Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 ini mengandungi empat bahagian dan 19 fasal.

Bahagian I Rang Undang-undang ini memperkatakan mengenai perkara permulaan.

Fasal 2 memberikan tafsiran kepada beberapa ungkapan yang digunakan di dalam Rang Undang-undang ini.

Bahagian II Rang Undang-undang mengandungi peruntukan mengenai penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pelantikan pegawainya.

Bahagian III Rang Undang-undang memperkatakan tentang fungsi dan kuasa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Fasal 6 menyenaraikan fungsi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Fasal 7 memperuntukkan kuasa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Fasal 7(6) menyenaraikan aktiviti di kawasan maritim yang disifatkan sebagai memudaratkan keamanan, ketenteraman dan keselamatan Malaysia.

Bahagian IV Rang Undang-undang memperuntukkan mengenai perkara-perkara am seperti pendakwaan, status penyiasatan, perlindungan kepada pegawai-pegawai agensi, peruntukan koordinasi antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain, kuasa semasa darurat, krisis dan peperangan serta kuasa Menteri untuk membuat peraturan.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa sesiapa yang memberikan maklumat mengenai kesalahan yang dilakukan boleh meminta agar laporan status penyiasatan berkenaan diberikan kepadanya dengan syarat kesalahan yang dilakukan itu adalah kesalahan boleh tangkap dan tempoh maklumat itu diberikan telah melepasi empat minggu serta tidak memberikan kesan yang memudaratkan penyiasatan itu.

Fasal 10 memperuntukkan perlindungan kepada pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia mengenai apa-apa tindakan dilakukan atau ditinggalkan dengan suci hati dalam menjalankan tugasnya.

Fasal 12 membenarkan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia membawa senjata semasa menjalankan tugasnya.

Fasal 13, 14 dan 15 memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan pembolosan, dahagi dan penderhakaan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan hukuman yang dikenakan.

Fasal 16 memperuntukkan bahawa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain hendaklah berkoordinasi, berunding dan bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah Rang Undang-undang ini.

Fasal 17 memperuntukkan bahawa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia diletakkan di bawah perintah dan kawalan Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis tertentu atau peperangan.

Fasal 18 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia boleh mengeluarkan perintah-perintah tetap yang berkaitan dengan kawalan, latihan, tanggungjawab dan tugas pegawai-pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Perintah-perintah ini hendaklah tidak bercanggah dengan Rang Undang-undang ini.

Fasal 19 pula memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu untuk tujuan pelaksanaan peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia dengan tujuan melindungi kepentingan maritim dan kepentingan lain negara dalam zon itu dan bagi perkara-perkara yang perlu atau yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**5.27 ptg.**

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi untuk membahaskan D.R.10/2004 berkenaan dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004.

Tuan Yang di-Pertua, agensi maritim ini ialah suatu yang sangat perlu dan ditunggu-tunggu. Ini adalah kerana peningkatan ancaman keganasan di laut di sekitar tanah air kita dan juga peningkatan kes-kes rompakan di laut ataupun *piracy*. Setakat ini kita tidak berapa pasti tanggungjawab siapa keselamatan di laut, polis marin atau tentera laut. Saya percaya dengan agensi maritim baru ini, kita sudah ada satu pasukan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa keganasan laut telah pun timbul di beberapa tempat. Satu contoh ialah berlaku di Yemen di mana satu kapal *USS Cole* telah diserang oleh satu perahu yang mengandungi bom dan orang-orang yang sedia membunuh diri.

Selat Melaka nampaknya salah satu saluran laut yang sibuk. Kalau tidak salah, yang paling sibuk di dunia dan ada banyak peluang untuk pengganas-pengganas menggunakan kapal untuk objektif mereka. Satu *super tanker* boleh jadi bom terapung yang mempunyai berjuta-juta gelen minyak. Ada juga kapal gas, *liquefied petroleum gas* dan sebagainya serta benda-benda yang mudah terbakar.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kata tadi Agensi Penguatkuasa Maritim ini akan dimodelkan mengikut *United States Coast Guard*, yang merupakan satu pasukan yang sudah lama menjaga keselamatan laut di Amerika Syarikat. Di sini saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, macam mana peranan Perjanjian Pertahanan Lima Negara (*Five-Power Defence Agreement*) berhubung dengan pasukan baru ini? Adakah FPDA tersebut akan dibantu oleh Agensi Penguat kuasa Maritim dan adakah rancangan pada masa hadapan untuk mewujudkan satu pasukan udara bagi Agensi Penguatkuasaan Maritim ini oleh sebab walaupun mereka berfungsi di laut tetapi daripada contoh di negara-negara lain, kapal terbang juga adalah perlu khususnya untuk kerja-kerja *surveillance* dan sebagainya.

Saya juga merayu kepada agensi maritim ini supaya berhati-hati dengan kesudahan yang dihadapi oleh pihak nelayan oleh sebab ada banyak kes di mana nelayan dirompak, berlaku rompakan di laut, ada *kidnapping* dan sebagainya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga nampak bahawa bil tersebut akan melibatkan, yang saya fikir, perbelanjaan yang besar oleh Kerajaan Malaysia. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat memberikan *estimate*, ataupun anggaran tersebut, jika ada.

Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia 2004. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Chin Fook Weng.

### 5.33 ptg.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan berbilang terima kasih di atas penjelasan-penjelasan yang dibuat semasa membentangkan Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia 2004. Tujuannya nampaknya adalah jelas dan Rang Undang-undang ini pada pendapat saya amat sesuai kerana pada masa sekarang terdapat banyak agensi di bawah beberapa kementerian yang terlibat dalam mengawasi perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Setahu saya ia termasuk Jabatan Kastam, Polis, Polis Marin, Jabatan Laut, Shahbandar dan juga pihak-pihak penguat kuasa yang lain. Di bawah satu agensi yang diletak di Jabatan Perdana Menteri nampaknya dari segi koordinasi dan kerja-kerjanya adalah amat baik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab semua itu sudah jelas, saya hanya mahu membangkitkan dua perkara yang saya fikir mungkin ada menimbulkan sedikit persoalan. Pertama, berkenaan dengan Fasal 9 iaitu untuk memberi status atau taraf penyiasatan kepada seseorang yang memberi maklumat kepada Agensi ini, iaitu di bawah Fasal 9 dan ada diperuntukkan bahawa Agensi tersebut diperlukan untuk memberi satu taraf penyiasatan dalam masa dua minggu sekiranya menerima sesuatu permohonan sedemikian dengan syarat bahawa perkara-perkara tertentu yang disebutkan itu telah dipenuhi, dan ada diperuntukkan di bawah seksyen 9 (4) bahawa kalau Agensi ini gagal memberi laporan tersebut maka ia boleh mendakwa kepada Pendakwa Raya dan Pendakwa Raya itu hendaklah mengarahkan Agensi memberi laporan dan kalau tidak berbuat demikian maka ia boleh disabit sebagai satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapakah bagi tujuan menyenangkan perkara ini, Rang Undang-undang ini tidak mencadangkan borang yang harus digunakan untuk tujuan sedemikian dan juga ada disebutkan di bawah seksyen 9 (3) bahawa pihak Agensi ini tidak diperlukan memberi sebarang laporan tentang status penyiasatan jika ada tiga perkara yang ada kaitan. Satu ialah kesalahan itu merupakan kesalahan yang boleh ditangkap atau *seizeable offence*; yang kedua, saya setuju dan yang ketiga ialah perkara yang memudaratkan penyiasatan kesalahan itu atau pendakwaan kesalahan itu.

Saya dapati di antara (a) dan (c) itu, Tuan Yang di-Pertua, memberi satu takrifan yang sangat luas kepada Agensi untuk tidak memberi suatu laporan yang terkini kepada yang memberi maklumat itu. Saya berharap satu garis panduan yang lebih lengkap diberi kepada Agensi supaya kita mahu orang yang bekerjasama dengan Agensi ini juga tahu apakah perkembangan selepas siasatan itu dimulakan bagi keyakinan terhadap Agensi. Ini adalah sangat penting kalau tiap-tiap kali kena merujuk



kepada Pendakwa Raya, ini juga akan menyusahkan proses itu dan mungkin akan menghalang mereka yang ada maklumat itu daripada keluar dan membantu Agensi menjalankan tugasnya dengan lebih baik.

Perkara kedua yang saya ingin menyebutkan sedikit ialah di bawah seksyen 16 di mana ada peruntukan untuk penyelarasan (*coordination*) di antara Agensi ini dengan agensi-agensi lain dan tentang agensi-agensi lain ini tidak disebutkan apakah agensi-agensi itu. Mungkin terpulanglah kepada Agensi ini untuk menghubungi mereka bagi mendapatkan kerjasama tetapi dari segi struktur penyelarasan, nampaknya tidak ada. Sebagai contoh, siapakah yang akan mempengerusikan mesyuarat, berapa kerap mereka akan ada koordinasi kerana pada masa sekarang banyak jabatan yang terlibat dengan kerja-kerja yang akan ditugaskan di bawah Agensi ini.

Sebagai contoh siapa yang akan mempengerusikan mesyuarat. Berapa kerap mereka akan ada koordinasi, kerana pada masa sekarang banyak jabatan yang terlibat dengan kerja-kerja yang akan ditugaskan di bawah agensi ini dan kalau ini tidak dibuat baik, maka kita mungkin ada duplikasi fungsi dan juga mungkin akan membelanjakan banyak untuk peralatan, untuk perkara-perkara lain yang tidak harus berlaku kalau kita ada koordinasi yang lebih baik. Sebagai contoh, mungkin Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) juga boleh memberi kerjasama dalam aspek-aspek kawalan kerana mereka juga ada kapal-kapal tertentu dan tidak perlu agensi ini membeli kapal-kapal sendiri. Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga ada kapal terbang-kapal terbang yang boleh membantu dalam mengawasi keadaan di Laut China Selatan, di Selat Melaka dan sebagainya.

Saya berharap koordinasi yang rapat itu boleh diadakan melalui satu struktur yang lebih formal, tetapi itu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah mencukupi ataupun tidakkah terlintas kepada Yang Berhormat sebagai seorang *legislator*, syarat 16 iaitu mempunyai unsur yang jarang-jarang kita bertemu. Jarang-jarang sekali tuntutan membuat penyelarasan dimasukkan sebagai undang-undang dan tidak cukupkah perkara ini?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kerja-kerja yang akan dijalankan oleh agensi ini begitu luas dan merangkumi begitu banyak kementerian dan juga organisasi-organisasi, maka satu koordinasi yang lebih baik perlu diadakan. Oleh kerana itu, saya lebih suka melihat satu keadaan di mana ada satu struktur, mungkin ketua pengarah agensi ini menjadi pengerusi koordinasi itu dan juga mungkin ini akan melibatkan negara-negara asing. Kita sekarang ada satu agensi yang mengawasi keselamatan di tempat ini yang diletakkan di TUDM Butterworth iaitu IADS. IADS ini merangkumi negara Australia, New Zealand, United Kingdom, Singapura, Malaysia. Ini ada koordinasi juga dengan negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak ada satu struktur yang formal bagaimana kita mendapat bantuan daripada pihak-pihak ini, sekiranya kita perlukan koordinasi kalau ada satu kejadian yang luar biasa berlaku di Selat Melaka atau di Lautan China Selatan, maka ini memerlukan kerja-kerja yang mustahak dan juga koordinasi yang lebih rapat di antara pihak agensi ini dengan agensi-agensi lain termasuk IADS.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Hassan Shukri.

**5.45 ptg.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberikan peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang yang sedang dibentangkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya setelah membaca yang paling penting saya kira pertama sekali ialah tentang fungsi agensi ini. Apabila saya melihat fungsi yang telah diberikan oleh undang-undang ini kepada agensi ini, saya kira apa yang telah diberikan itu sudah memadai untuk buat pertama ini. Barangkali apabila ianya dilaksanakan nanti, diluluskan dan dikuatkuasakan akta ini, apabila menemui perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sahabat saya Dr. Chin ini, maka agensi ini akan mengemukakan kepada kita pindaan-pindaan yang diperlukan.

Dari segi fungsi ini daripada (a) sampai (h) saya rasa sudah mencukupi. Kemudian selain daripada itu, akta ini juga ataupun Rang Undang-undang ini juga memberikan kuasa kepada agensi ini dan kuasa-kuasa yang telah dibutirkan dalam Fasal 7(1)(2) daripada (a) sampai (i), saya setuju juga kuasa agensi ini setakat yang saya lihat ini, saya kira sudah mencukupi buat permulaan untuk dikuatkuasakan Rang Undang-undang ini. Selain daripada itu, ada juga menyebutkan tentang perkara-perkara yang memudaratkan. Ini juga telah disenaraikan dalam Rang Undang-undang ini, dan ini juga saya kira sudah mencukupi.

Cuma saya ingin menarik perhatian sedikit tentang penyelarasan. Walaupun telah disebutkan tadi bahawa penyelarasan di antara agensi-agensi, badan-badan yang terlibat tidak disebutkan di sini dan ini saya rasa akan dibuat peraturan di bawah kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan tertentu bagi mewujudkan ataupun bagi memperkuatkan lagi penyelarasan di antara badan-badan yang terlibat dalam melaksanakan agensi ini.

Dengan yang demikian kerana kuasa-kuasa yang telah diberikan, ada pun yang lain-lain saya kata pelantikan, penubuhan, ini adalah soal-soal dalaman yang tentunya akan ditubuhkan, akan dibentuk mengikut peraturan-peraturan dan juga perlindungan-perindungan kepada pegawai-pegawai yang akan dilantik melalui akta ini. Ini juga telah disebutkan tentang perlindungan-perindungan yang akan diberikan kepada mereka yang telah dilantik untuk menjadi pegawai-pegawai ataupun anggota-anggota kepada agensi ini.

Selain daripada itu juga telah disebutkan tentang penderhakaan ataupun ketidaksetiaan. Ini juga telah disebutkan. Saya di sini tertarik bahasa baru ini '*dahagi*'. Saya tanya bahasa Inggeris pun tidak, dalam bahasa Cina pun tidak. Cuma ia barangkali bahasa Melayu asli, biasanya Dato' Mansor tahulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di Perlis/Kedah ada '*dahagi*'.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ada '*dahagi*' ya. *Dahagi* ini dikatakan juga sebagai penderhakaan, ketidaksetiaan, barangkali itu maksudnya. Tetapi baguslah dimasukkan satu istilah baru yang sudah lama ditinggalkan, jadi kita masukkan dalam akta ini adalah suatu cara untuk memperkenalkan bahasa yang sudah kita tinggalkan dan dijadikan dan dimartabatkan ia bahasa Melayu tua, dijadikan sebagai bahasa undang-undang. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Oeh kerana perkara-perkara yang biasanya terlibat dalam sesuatu penguatkuasaan undang-undang, ada anggota-anggota itu yang kurang taat setianya ataupun tidak taat setia ataupun melakukan penderhakaan, ini juga telah dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini. Demikian juga tentang penalti kerana menyebabkan ketidaksetiaan itu. Saya rasa itulah untuk kali ini atau untuk permulaan ini akta yang dibentangkan ini sudah mencukupi. Maka dengan sebab itu tanpa maknanya kalau saya tidak memberi apa-apa pandangan untuk meluluskan ini, tidak baik juga.

Saya bagi pandangan sedikitlah kerana kuasa-kuasa yang telah diberikan, fungsi-fungsi yang telah ditentukan agak mencukupi pada pandangan saya. Maka dengan sebab itu hal-hal yang lain seperti penyelarasan dan juga kerjasama dengan badan-badan yang lain, pertubuhan-pertubuhan yang lain, yang terlibat dengan penubuhan agensi ini kita harapkan pihak kementerian akan menyelaraskan dan akan memerhatikan dengan sebaik-baiknya supaya tidak berlaku *double standard*. Maka dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab serta menggulung perbahasan.

**5.50 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayarajnam, Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri yang telah pun memberikan pandangan mereka berkenaan dengan Rang Undang-undang yang telah pun saya bentangkan sebentar tadi.

Pertamanya Dato' Dr. S. Vijayaratnam telah bertanya iaitu apakah kita terlibat dengan *Five Power Defense Agreement*, jawabnya ialah APMM ini iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah merupakan satu agensi yang menguatkuasakan undang-undang Persekutuan di laut, jadi dia tidak terbabit dengan soal pertahanan. Pertahanan negara masih lagi dipegang oleh Tentera Laut Diraja Malaysia. Dalam soal sama ada APMM akan terlibat dengan *Five Power Defense Agreement*, jawabannya tidak, yang terlibat hanyalah Tentera Laut Diraja Malaysia.

Kemudian Yang Berhormat juga telah bertanya sama ada kita akan memastikan supaya kita juga akan mengadakan atau membeli pesawat untuk mengawal kawasan kita. Dalam ucapan saya sebentar tadi, saya telah menyebut iaitu kawasan maritim yang menjadi kawasan pengawasan kita seluas hampir 650,000 kilometer persegi termasuk udara. Ini bermakna kita juga akan mempunyai unit udara kita sendiri untuk menjaga kawasan yang sebegitu luas yang memerlukan bantuan daripada udara. Kita juga akan mempunyai unit udara kita sendiri dalam agensi APMM ini.

Apatah lagi dalam pembentangan saya sebentar tadi, saya telah menyebut bahawa kita juga akan terlibat dengan *search and rescue* (S&R). Ini bukan *search and rescue* yang lagi satu itu. Ini *search and rescue* yang baik. *Search and rescue* kita kena ada kapal terbang, kalau tidak agak sukar kita menjalankan S&R dan juga *surveillance* yang memerlukan kita mempunyai pesawat kita sendiri.

Kemudian Yang Berhormat telah bertanya sama ada perbelanjaan kita itu besar ataupun tidak. Sememangnya Yang Berhormat, kita ada perbelanjaan. Bagi tahun ini permintaan kita kepada kerajaan adalah sebanyak RM26 juta tetapi pada tahun hadapan (tahun 2005), kita akan memohon kepada kerajaan untuk mendapat 10 kali ganda iaitu RM260 juta yang mana wang ini diperlukan bagi membiayai perbelanjaan seperti berikut:

- (i) gaji dan elaun,
- (ii) penyenggaraan kapal,
- (iii) uniform,
- (iv) pembelian peralatan komunikasi dan *command and control*,
- (v) latihan induksi dan latihan penyesuaian laut,
- (vi) ruang pejabat,
- (vii) pengawasan *surveillance*, dan
- (viii) *Search and rescue*.

Itu sebagai jawapan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan berkenaan Fasal 9 iaitu laporan status penyiasatan, sama ada borang akan dibuat. Ya, sudah tentulah borang bagaimana kita hendak mengisikan aduan, itu akan dilakukan seperti mana yang disebutkan oleh Senator Tuan Hassan bin Shukri sebentar tadi iaitu secara kuasa Menteri. Ia tidaklah perlu untuk kita memasukkan dalam Rang Undang-undang ini kerana kalau sekali sudah dimasukkan di sini, setiap kali kita hendak pinda borang itu kita terpaksa bawa ke Dewan Rakyat lagi. Oleh sebab itu borang itu sudah tentu ada dan ia dilakukan secara pentadbiran ataupun kuasa Menteri.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyatakan berkenaan dengan Fasal 9 juga iaitu tidak ada keperluan untuk kita menyediakan laporan status kalau sekiranya dia melibatkan peraturan 9 (3) (a) (b) dan (c). Yang Berhormat setuju dengan (b) dan tidak berapa setuju dengan (a) dan (c) ini. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat kalau sekiranya ada laporan dibuat tentang sesuatu perkara yang menjadi perkara laporan penyiasatan kepada kita, kalau sekiranya penyiasatan itu membawa perkara yang akan membawa pendakwaan di mahkamah maka sebab itu kita tidak perlu untuk hendak memberikan maklumat lanjut kerana penyiasatan itu akan membawa kepada pendakwaan.

Sebab itu apa-apa juga maklumat yang diperolehi oleh kita, mengikut peraturan kita mendakwa dan membicara, penyiasatan dan pendakwaan itu mesti dipisahkan dan kita macam mana sekalipun dalam soal pendakwaan sudah tentu perlu mendapat persetujuan daripada pihak Peguam Negara. Kalau sesuatu penyiasatan itu akan menjurus kepada membawa suatu penyiasatan atau pendakwaan dan menyebabkan perkara-perkara yang merupakan kesalahan yang boleh ditangkap, maka sebab itulah kita mengecualikan diri kita daripada memberikan laporan kerana akhirnya hasil siasatan itu akan terpaksa diputuskan oleh pihak pendakwa sama ada mahu didakwa ataupun tidak.

Sebab itulah mengapa kita ada pengecualian di bawa Fasal 9 laporan status penyiasatan (a) dan (c) itu untuk merahsiakan hasil penyiasatan kita sehinggalah Pendakwa Raya boleh membuat keputusan sama ada untuk mendakwa ataupun tidak. Kalau kita berikan maklumat itu terlebih awal bermakna daripada segi kita hendak mendakwa dan tidak melaporkan kepada orang yang hendak didakwa tentang apa yang kita hendak buat itu, kalau kita keluarkan laporan dia akan tahu lebih dahulu apakah pendakwaan yang akan dibuat terhadapnya.

Kita kena ada strategi bagi memastikan agar maklumat yang kita perolehi itu jangan sampai kepada orang yang kena dakwa. Kalau sampai kepada dia, dia boleh melakukan pelbagai cara untuk melepaskan diri daripada didakwa. Sebab itulah kita perlu laporan 9 (3) (a) dan (c) ini.

Berkenaan dengan penyelarasan Fasal 16, sekali lagilah Fasal 16 ini kita tahu iaitu dalam akta adalah jauh lebih baik jika kita menyatakan secara umum tentang penyelarasan dan tidak meletakkan dengan *detail* apakah agensi-agensi yang kita perlu bekerjasama. Senarai itu semestinya tidak *exhaustive* bermakna dia akan bertambah. Kalau dalam Fasal 16 sekali lagi kalau kita sebut dalam soal penyelarasan ini, kita mesti bekerjasama dengan TUDM, TLDM ataupun Kastam Marin. Kita sebenarnya mengikat diri kita hanya menyelaras dengan empat agensi ini sahaja walhal dalam ucapan saya sebentar tadi sebenarnya dalam soal ini ada 11 agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat dengan soal perairan.

Sebab itu kita tidak menyatakan bahawa kita menyelaras dan bekerjasama dengan agensi yang empat ini. Kalau kita hanya sebut empat agensi bermakna kita tidak mempunyai kuasa untuk menyelaras kerja kita dengan agensi yang lain yang tidak dinamakan di dalam Akta ini. Sebab itu adalah lebih baik kita biarkan dia secara umum kerana dengan cara demikian kita boleh bekerjasama dengan mana-mana jabatan dan agensi yang ada kaitan dengan perairan kita.

Kita tidak perlu sebut satu persatu, yang mana kita tahu kita ada 11 agensi mungkin dalam masa dua atau tiga tahun lagi ada lagi dua atau tiga agensi yang terlibat dengan perairan. Pada ketika itu bagaimana? Kita hanya boleh bekerja dengan 11 agensi sahaja, yang tiga agensi lagi itu? Tidak boleh, sebab tidak dibenarkan oleh akta. Sebab itulah dalam soal Fasal 16 ini, dia jauh lebih baik kalau kita membuat secara umum supaya ianya membolehkan kita menyelaras kerja kita dengan agensi-agensi yang berkaitan dan tidak perlu kita hendak sebut satu persatu apakah agensi-agensi ini.

Sudah tentulah Yang Berhormat oleh sebab menerusi akta ini, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah pun diberikan tanggungjawab sebagai badan yang utama yang menguatkuasakan Undang-undang Persekutuan di laut, bermakna iaitu bahawa dalam apa penyelarasan sekalipun, maka sudah tentulah Pengerusi ataupun koordinator kepada penyelarasan ini mestilah APMM kerana akta ini Akta APMM dan tidak berbangkit soal kalau kita hendak menyelaras, siapa yang hendak koordinat, siapa yang hendak mula, Tentera Lautkah, Kastamkah, tidak berbangkit lagi.

Sekarang ini tidak berbangkit lagi soal berdolak-dalik. Tidak berbangkit lagi soal tolak menolak - "*Ini you punya kerja, ini saya punya kerja*". Tidak ada. Soalnya, penguatkuasaan Undang-undang Persekutuan di laut itu hak APMM dan kitalah yang akan menjadi *initiator* ataupun koordinator terhadap apa juga perkara yang menyelaraskan kerja-kerja penguatkuasaan Undang-undang Persekutuan di laut ini.

Kemudian Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri telah menyebut berkenaan dengan 'dahagi'. Dahagi ini betul-betul. Dahagi ini '*mutiny*'. Ia berbeza dengan penderhakaan. Penderhakaan boleh berlaku di mana-mana, bukan sahaja di darat tetapi juga di laut, dahagi hanya boleh berlaku di dalam kapal - '*mutiny*'. Sebab itu perkataan "dahagi" ini adalah satu perkataan yang lama, yang kita gunakan dan kita

telah mengenakan iaitu hukuman kepada mereka yang bersalah dalam soal dahagi ini selaras dengan apa yang ada dalam akta yang lain seperti dalam soal poliskah. Ia sama sahaja. Dahagi ini *mutiny* dan ia merupakan satu kesalahan dan berbeza dengan penderhakaan. Penderhakaan ini dia menderhaka kepada negara tetapi dahagi - *mutiny* Macam *mutiny on the bounty*? Itu *mutiny*.

Kemudian...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap, sekejap ya. Sekejap. Ya, Yang Berhormat juga ada sebut berkenaan dengan penyelarasan. Kita betul, seperti yang saya jawab tadi iaitu kita tidak mahu mengikat diri kita. Kalau sekiranya kita menamakan agensi ini bermakna kita mengikat diri kita hanya untuk menyelaras dengan badan-badan yang hanya dinamakan sahaja sebab itu kita biar dia umum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Pasal apa, saya ada juga baca. 'Dahagi' ini kadang-kadang disebut dalam bahasa Melayu 'mengapi-apikan'. Kalau tidak penderhakaan, adakah ini dikira mengapi-apikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Cuma barangkali dalam bahasa yang lain bahasa Melayu, ia menghasut. Kerana kami ini bertanggungjawab juga untuk menjelaskan kepada orang ramai. Kalau rakyat bertanya apa kata dahagi ini, macam mana kami hendak menjawab. Penderhakaan atau mengapi-apikan ataupun menghasut atau juga memanas-manaskan atau bahasa biasa, tukang kipaslah, maknanya a mengipas-ngipas orang ini sampai jadi kacau bilau. Kalau boleh, diberikan huraian yang agak tepat supaya kami dapat jawab kalau orang tanya. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dahagi ini *mutiny*. Ia tidak ada dalam bahasa Melayu yang lain. Mengapi-api – tidak. Sebab kalau mengapi-api ini tidak boleh berlaku sebagai *mutiny*. *Mutiny* ini maknanya dia menderhaka kepada ketua dalam kapal. Maknanya kalau ada nakhoda, dia lawan nakhoda. Arahan nakhoda dia tidak dengar selepas itu dia panggil geng-geng dia, suruh lawan dengan nakhoda. Itu maksudnya. Dalam bahasa Inggeris pun ia satu perkataan sahaja, *mutiny* sahaja. Maksud dahagi ini *mutiny* iaitu....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, ya, tak apa. Maknanya menderhaka ataupun melawan arahan nakhoda dia.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Maknanya ini perkara dalam kapal sahaja, kita tidak boleh gunakan di luar, ya? Di luar daripada kapal ini - penderhakaan ataupun membantah arahan ketua di kapal. Itu sahaja, ya? Itu saya hendak mohon penjelasan, biar kami dapat jawab.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Maknanya *mutiny* dalam kapal sahajalah. Macam kata *mutiny on the bounty*. Jadi perkataan "dahagi" ialah *mutiny*.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ia bukan dahaga, dahagi.

**Ahli Dewan:** [Ketawa]

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Saya rasa maknanya lebih kepada kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju, rasa saya kalau dijelaskan, ertinya mengambil kuasa secara paksaan di dalam sebuah kapal. Di luar kapal tidak ada *mutiny*, di dalam kapal sahaja. Rasa saya, maknanya mengambil alih kuasa secara paksaan, secara haram. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia *special* dalam kapal. Luar kapal - kudeta. [Ketawa] Okey, saya kena baca juga jawapan dari pegawai. Yang tadi saya jawab, jawapan saya. Mengenai dengan Rang Undang-undang ini tidak mencadangkan borang, setakat ini keperluan untuk mengadakan borang mungkin tidak perlu melainkan ada apa-apa kesulitan yang ditimbulkan, maka ia boleh dibuat melalui peraturan-peraturan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 19. Okey.

Mengenai Fasal 9(3) – Rang Undang-undang keadaan yang tidak menjadikan laporan status perlu diberikan kerana bagi Fasal 9(3) ia melibatkan kesalahan. Ini saya ada jawab dah tadi. Okey, saya ingat habislah. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan saya mohon supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal 1 hingga 19** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.10 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan hak pembiak baka bagi varieti baru tumbuhan di Malaysia dan pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan peribumi terhadap pewujudan varieti baru tumbuhan untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan dalam pembiakbakaan varieti baru tumbuhan dalam sektor awam dan swasta dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, biji benih dan bahan pembiakan tanaman adalah satu asas kepada produktiviti tinggi serta pengeluaran hasil tanaman yang bermutu dalam pertanian, hortikultur dan perhutanan. Varieti-varieti baru sentiasa dicari dan dibangunkan untuk meningkatkan hasil, kualiti, ketahanan terhadap serangan perosak dan penyakit serta toleransi kepada keadaan cuaca dan tanah yang kurang subur.

Malaysia telah berjaya membangunkan baka-baka yang baik terutamanya kelapa sawit, getah, koko, padi dan buah-buahan melalui usaha-usaha penyelidikan oleh institusi kerajaan dan swasta. Penemuan baka-baka baru tersebut telah berjaya membangunkan sektor pertanian dan ekonomi negara. Sebagai contoh, MARDI telah membangunkan varieti-varieti baru seperti padi MR185 yang mengeluarkan hasil yang tinggi dan tahan penyakit, varieti betik Eksotika dan Eksotika II yang sesuai untuk dieksport dan lain-lain lagi.

Dalam industri kelapa sawit, Lembaga Kelapa Sawit Malaysia dan beberapa badan penyelidikan ladang swasta seperti Guthrie dan Golden Hope telah berjaya

menghasilkan baka elit kelapa sawit yang senang diurus dan juga mengeluarkan hasil dua kali ganda daripada yang sedia ada.

Sehubungan dengan itu, untuk merangsang penyelidikan dan pembangunan varieti-varieti baru tumbuhan serta memastikan pembiak baka, institusi-institusi awam serta swasta mendapat faedah daripada usaha-usaha pembiakan, maka suatu akta perlu diwujudkan untuk memberi hak dan perlindungan intelek kepada pembiak baka yang membangunkan varieti-varieti baru tumbuhan tersebut.

Di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, pembiak baka mempunyai hak untuk melakukan semua atau mana-mana perbuatan berikut secara komersial iaitu menghasilkan semula, menyesuaikan untuk tujuan pembiakan, menawarkan untuk jualan, memasarkan termasuk menjual, mengeksport, mengimport dan menyimpan bahan bagi maksud yang telah disebutkan tadi.

Pemberian hak harta intelek ini kepada pembiak baka akan menggalakkan mereka melaksanakan kegiatan-kegiatan inovatif iaitu sama seperti tujuan diwujudkan hak paten, hak cipta, hak reka bentuk dan jenama. Seperti lain-lain harta intelek, perlindungan varieti baru tumbuhan ialah harta persendirian yang boleh dipindah milik, diwariskan dan diwakilkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memastikan hak pembiak baka tempatan mendapat perlindungan ke atas varieti-varieti baru yang telah dibangunkan, undang-undang ini juga membolehkan petani dan pengusaha tempatan menggunakan varieti-varieti baru dari negara luar dengan mudah dan lebih terjamin. Negara-negara luar juga mempunyai undang-undang perlindungan varieti baru tumbuhan mereka dan jika perlindungan seperti ini tidak terdapat di Malaysia, negara-negara luar tidak akan mengeksport varieti-varieti baru tumbuhan mereka untuk tujuan komersial di negara kita.

Perlindungan varieti baru tumbuhan juga diperlukan untuk memenuhi obligasi Malaysia yang telah menandatangani perjanjian tentang aspek-aspek yang berhubungan dengan perdagangan bagi hak harta intelek atau dengan ringkasnya, TRIPS.

Di bawah Perkara 27.3(b) persetujuan tersebut, negara-negara ahli dikehendaki mewujudkan perlindungan varieti baru tumbuhan sama ada melalui sistem paten ataupun sistem '*sui generis*' ataupun kombinasi kedua-duanya sekali. Sebagai memenuhi obligasi tersebut, Malaysia telah memilih untuk mewujudkan perlindungan varieti tumbuhan berasaskan sistem '*sui generis*' seperti di bawah *International Union for the Protection of Varieties of Plant* atau UPOV di mana isu-isu seperti hak keistimewaan petani dan masyarakat peribumi diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan akta ini nanti terdapat peruntukan berkaitan penubuhan dan pengurusan Lembaga Varieti Tumbuhan yang antara lain akan bertindak sebagai pendaftar varieti baru tumbuhan dan menyimpan dan menyenggara satu rekod varieti tumbuhan yang lain, yang tidak didaftarkan dalam Daftar Varieti Baru Tumbuhan.

Dalam hubungan ini, bagi memastikan kelancaran tugas lembaga, jemaah menteri telah bersetuju supaya satu seksyen diwujudkan dalam Jabatan Pertanian yang akan dikenali sebagai Seksyen Perlindungan Varieti Tumbuhan. Seksyen ini akan berfungsi sebagai urusetia kepada lembaga dan akan melaksanakan segala urusan teknikal, pentadbiran dan melaksanakan akta tersebut.

Segala tata cara dan syarat-syarat bagi permohonan untuk pendaftaran *varieti* baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka telah dijelaskan di bawah Bahagian III rang undang-undang ini. Ini termasuklah peruntukan berkaitan dengan orang yang boleh memohon, syarat-syarat pendaftaran, larangan pendaftaran, tarikh pemfailan, nama pengenalan varieti tumbuhan, pemeriksaan permulaan, pemeriksaan substantif dan lain-lain peruntukan yang berhubungan dengan hak, batasan dan kewajipan pemegang hak pembiak baka serta pelanggaran sesuatu hak pembiak baka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan hak pembiak baka bagi *varieti* baru tumbuhan dan pengiktirafan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani, masyarakat tempatan dan peribumi terhadap pewujudan varieti baru tumbuhan untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan dalam pembiakbakaan varieti baru tumbuhan dalam sektor awam dan swasta dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

#### 6.19 ptg.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 ini pada pendapat saya adalah sangat sesuai dan patut diperkenalkan sebagai satu akta sudah lama tetapi sungguhpun demikian, masih baik kerana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil inisiatif untuk membentangkan rang undang-undang ini.

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Menteri berkenaan dan khasnya kepada Yang Berhormat Datuk Paduka Rohani kerana beliau sudah tunggu sejak 8.00 pagi ini untuk membentangkan rang undang-undang ini, sangat sabar, sangat baik, jadi saya pun enggan balik, Tuan Yang di-Pertua, kerana mahu memberikan sedikit input.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah obligasi-obligasi yang dikenakan kepada kita di bawah Artikel 27.3(b) Perjanjian TRIPS itu, iaitu *Trips Related Aspect of Intellectual Property Rights*. Banyak negara telah mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan paten-paten kepada produk-produk mereka, dan kalau kita tidak berbuat demikian, kita akan rugi, Tuan Yang di-Pertua. Kita ada banyak produk, khasnya produk pertanian yang diwujudkan dan ditumbuhkan di negara kita, tetapi oleh kerana kita tidak mengawasi perkara ini dengan baik, maka sudah kehilangan, dan kita kena membeli daripada negara-negara lain kerana di bawah Perjanjian TRIPS ini, itu merupakan satu intelektual *property*, dan oleh kerana itu kalau kita hendak gunakannya, maka kita kena bayar.

Umpamanya padi, kita ada jenis-jenis padi di sini tetapi oleh kerana kita tidak ambil paten dan sebagainya, maka pihak-pihak lain telah mencuri idea-idea ini dan kemudian telah patenkannya, dan apabila kita hendak gunakan produk itu, maka kita kena bayar. Kita ada suatu produk yang dipanggil Tongkat Ali, Tuan Yang di-Pertua, itu pun satu produk yang sekarang laku, diguna di merata-rata tempat, dan kajian yang teliti telah dijalankan, penyelidikan juga dijalankan terhadap produk ini. Kalau kita tidak menjaga produk ini dengan baik, maka kita akan kehilangan hak kita di atas produk ini, yang wujud dari negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi komen saya terhadap beberapa peruntukan yang ada dalam rang undang-undang ini.

Yang pertama, tentang Lembaga Varieti Tumbuhan di bawah fungsi 4(1)(i), di mana Lembaga ini boleh melantik sesiapa wakil dari jabatan kerajaan atau organisasi menjadi pemeriksa bagi pemeriksaan substantif. Tuan Yang di-Pertua, ini semua bukan kakitangan Lembaga tetapi orang-orang dari luar. Biasanya apabila kita mencari orang-orang dari luar, mereka juga mungkin menjadi unsur di mana kehilangan idea-idea ini selepas menjadi pemeriksa, mereka telah melihat ada idea alternatif daripada itu, dan telah menggunakan kesempatan itu untuk mencuri idea sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya pengawasan kepada perkara ini diberi oleh Lembaga Varieti Tumbuhan dan hanya memilih orang-orang yang betul-betul ada kepakaran dan tidak orang-orang yang akan mengambil kesempatan selepas melihat produk itu untuk menggunakannya sendiri, ini adalah sangat penting.

Yang kedua, tentang keanggotaan Lembaga, semua ada dicadangkan bahawa ada 12 ahli semuanya dan dari 12 ahli ini, enam terdiri dari kalangan ketua pengarah, dua pengarah dan empat wakil daripada kementerian-kementerian lain, semua 12. Saya ingin tahu apakah falsafahnya untuk memilih ketua pengarah untuk menganggotai Lembaga. Oleh kerana ketua pengarah ialah satu jawatan yang sibuk dengan urusan sendiri dan mungkin tidak dapat memberi perhatian yang mencukupi



untuk mempromosikan produk-produk yang kita rasa sangat berfaedah kalau diberi promosi dan kemudian kita mahu patenkan produk-produk ini.

Sungguhpun di bawah peruntukan 6(1) itu, ada ruang bagi Menteri Pertanian melantik pengganti yang dipanggil anggota silih ganti atau alternatif, tetapi nampaknya lebih baik kita terus melantik orang yang betul-betul boleh menyumbang kepada perkembangan di sektor ini dan bukan seorang pentadbir datang menganggotai Lembaga dan mungkin tidak dapat menyumbang banyak idea dan sebagainya, kerana aspek ini memerlukan banyak pengetahuan dari segi kefahaman, pertumbuhan dan sebagainya.

Tuan yang di-Pertua, sungguhpun di bawah Seksyen 9 itu ada peruntukan supaya Lembaga mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud menasihati Lembaga mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan, sungguhpun ada ruang ini, maka pada pendapat saya adalah lebih baik kalau keanggotaan itu adalah lebih tepat, terpulung kepada orang-orang yang ada kepakaran, yang boleh menyumbang terus kepada kemajuan perlindungan varieti baru tumbuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang aspek pendaftaran varieti baru tumbuhan dan pemberian hak pembiak baka itu di bawah seksyen 13 (3) ada diperuntukkan bahawa untuk mereka yang dikategorikan sebagai peribumi atau masyarakat tempatan atau peribumi yang mungkin kurang arif tentang aspek-aspek ini dan mereka perlukan nasihat dan bimbingan, maka mereka boleh melantik pihak berkuasa yang mewakili kepentingan mereka sebagai ejen untuk mendapatkan pendaftaran. Sebagai contoh mungkin Jabatan Orang Asli, kalau tumbuhan itu dikenal pasti dalam hutan oleh satu keluarga atau satu perkampungan Orang Asli, mungkin Jabatan Orang Asli itu akan menasihati kumpulan ini bagaimana mendapat perlindungan di bawah varieti baru tumbuhan ini dan memberi nasihat dan mungkin membantu mereka dalam usaha untuk mendapatkan paten dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah satu peruntukan yang baik tetapi dari segi sama ada badan-badan ini sudah ada kepakaran untuk memainkan peranan sedemikian. Sungguhpun kita memberikan tugas ini kepada mereka mungkin mereka tidak memahami begitu pentingnya kita cepat dapat paten sesuatu produk dan mungkin melambat-lambatkan atau tidak mengambil berat tentang aspek ini, dan apabila mereka dilantik sebagai ejen maka mungkin hasilnya tidak begitu baik.

Saya berharap perkara ini akan dikaji dari segi kesesuaian sama ada pihak-pihak yang dikatakan di bawah seksyen 13 (3) ini adalah pihak yang paling sesuai atau pun kita melantik ejen-ejen yang ada kepakaran yang sudah banyak kali menjalankan urusan pendaftaran paten dan sebagainya dan mungkin mereka ini lebih arif dari segi membantu masyarakat-masyarakat tempatan seperti peribumi atau seperti Orang Asli dan sebagainya kerana banyak daripada produk itu mungkin dicari dari hutan dan apabila dikenal pasti ada banyak kegunaannya, ada banyak kesan baiknya dan mungkin selepas diberitahu ejen-ejen itu maka ejen-ejen itu boleh membantu mereka dalam melanjutkan perlindungan kepada tumbuh-tumbuhan yang dicari oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah komen saya dan adalah baik kita mengadakan Rang undang-undang ini sudah begitu lama kita menunggu sejak kita menandatangani perjanjian *TRIPS* dan telah menerima obligasi-obligasinya kita patut menggalakkan lebih rakyat kita supaya mendapat paten dan sebagainya,

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat menjawab serta menggulung.

### 6.33 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, walaupun pagi tadi sedikit sahaja saya memberitahu Yang Berhormat tetapi terima kasih sebab segala pandangan, teguran, nasihat, peringatan kepada kami, insya-Allah kami akan cuba perbaiki dari masa ke semasa dan memang betul Yang Berhormat, sebab itulah kita rasakan begitu pentingnya Akta ini dan terima kasih setelah diluluskan di Dewan

Rakyat pada hari Isnin, hari ini diluluskan di sini dan selepas ini diluluskan kita akan *confirmkan* dengan UPOV seperti dikatakan tadi supaya sekarang ini kita tergolong di dalam negara yang sudah ada satu akta rang undang-undang untuk melindungi khasnya varieti-varieti baru kita yang banyak.

Yang Berhormat tadi telah menyebutkan beberapa baka yang memang keluaran khas daripada Malaysia seperti padi dan bermacam-macam lagi termasuk Tongkat Ali dan banyak lagi herba-herba lain, tetapi sedikit sebanyak Yang Berhormat mengatakan sepatutnya Akta ini sudah lama dibentangkan tetapi terima kasih Yang Berhormat, mungkin saya memberi sedikit sebanyak sejarah penggubalan atau proses penggubalan Akta ini di mana memandangkan Jabatan Pertanian telah dilantik sebagai *the confident authority* sebab dirasaklah Jabatan Pertanian banyak pengalamannya dari segi pendaftaran klon buah-buahan sejak tahun 1930-an lagi.

Oleh yang demikian di dalam kita memproses dan menggubal Akta ini, Jabatan Pertanian telah melibatkan dengan beberapa aktiviti semenjak tahun 1994, sebab kita tidak mahu mengadakan sesuatu akta nanti ia akan menjerat kita sendiri. Dari tahun 1994 menganjurkan seminar peringkat kebangsaan, selepas itu mengadakan perundingan pula dengan FAO tahun 1995, selepas itu mengadakan pula rundingan-rundingan dengan semua *stakeholders* yang ada kena mengena dengan perkara ini, termasuklah agensi kerajaan, institusi penyelidikan termasuk persatuan-persatuan seperti persatuan kelapa sawit, orkid, bunga-buahan dan juga beberapa badan bukan kerajaan yang terlibat khasnya *the third world's network* dan juga *The Sarawak Indigenous People Association*. Selepas itu kita menghantar pula tiga orang pegawai ke Jepun untuk mengikuti latihan khas dalam pelaksanaan perlindungan varieti tumbuhan iaitu pada tahun 2001, 2002 dan 2003.

Ini bermakna *we want everything, no stone left unturn*. Selepas itu digubal Akta ini pada tahun 1997 dan disempurnakan pada pertengahan tahun 2002 dan oleh yang demikian hari ini terima kasih Yang Berhormat, segala pandangan yang diberikan Yang Berhormat itu begitu berguna dan kita akan menggunakan segala pegawai-pegawai saya memang ramai ada di sini, mereka telah mencatat segala Yang Berhormat telah memberi pandangan yang begitu bernas tadi, di mana Yang Berhormat adalah seorang yang begitu kami hormati di mana kami tahu segala pandangan Yang Berhormat itu akan membantu kami.

Tetapi sedikit sebanyak, Yang Berhormat, saya ingin menjawab tadi mungkin terasa beberapa kemusykilan daripada Yang Berhormat iaitu Lembaga Varieti Tumbuhan dari segi pemilihan, dengan izin, *examiners* iaitu orang-orang yang dipilih sebagai, dengan izin, *examiners* adalah yang arif dalam bidang pertanian. Terima kasih Yang Berhormat, kita pun mengucapkan setinggi penghargaan sebab Yang Berhormat mengingatkan kami, mereka yang digunakan ini berharaplah jangan ada *vested interest* dan mencuri pula baka-baka yang telah kita keluarkan khasnya dari negara kita tetapi memanglah mereka yang dipilih ini adalah mereka yang betul-betul arif, sebab itu kita memastikan bahawa kita ada *networking* dengan mereka yang berkepakaran.

Mengenai teguran Yang Berhormat iaitu kenapa Ketua-ketua Pengarah yang dipilih di antara yang 12 anggota tadi, jadi difikirkan bahawa ketua-ketua jabatan ini adalah orang yang sebenarnya banyak pengalaman dalam bidang pertanian, mereka daripada *'rank and file'*, dari bawah sehingga ke atas. Bila mereka telah berada di dalam jawatan yang begitu *senior*, sebenarnya mereka ini yang banyak pengalaman jadi sebab itulah dirasakan mereka ini harus, memang kita akui mereka ini begitu sibuk, tetapi itulah sebab juga kita mengadakan anggota silih berganti untuk membantu tetapi mungkin nanti ini akan diperhalusi dengan komen-komen yang diberi oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai pendaftaran varieti oleh masyarakat peribumi iaitu untuk melantik ejen-ejen yang arif bagi pihak mereka, jadi jabatan-jabatan seperti Jabatan Pertanian dan termasuklah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan sentiasa menolong pihak-pihak yang kurang arif dalam proses pendaftaran dan terima kasihlah Yang Berhormat, memang di dalam ini juga kita telah memasukkan supaya hak petani juga dijaga kepentingan, sebab mereka ini yang mungkin tidak begitu arif tentang adanya Akta ini, jadi ada dimasukkan di dalam Rang undang-undang ini, kalau Yang Berhormat dapat merujuk kepada 31 (1) (a), (d), (e) dan (f) kita juga cuba merangkumi hak-hak petani supaya mereka ini sama-sama tidak hilang hak mereka di dalam varieti-varieti baru yang akan mereka ketemukan yang akan kita dapat patenkan.

Yang Berhormat, varieti baru tumbuhan ini diperlukan untuk memenuhi permintaan pengguna yang kian berubah dan mempertahankan daya saing sektor pertanian, pelaburan yang khusus dalam bentuk masa, kewangan, tenaga serta pengetahuan dan teknologi diperlukan dalam usaha membiak varieti-varieti baru. Pelaburan tersebut menghadapi risiko yang tinggi kerana varieti baru yang dicipta mudah dieksploitasi oleh pihak ketiga seperti disebut oleh Yang Berhormat.

Sebagai *signatory* kepada perjanjian *trade* WTO, Malaysia mempunyai obligasi antarabangsa untuk memberi perlindungan hak intelek kepada semua tumbuhan-tumbuhan kita. Pelaksanaan Akta ini dijangka memberi impak yang positif kepada pembangunan sektor pertanian negara. Pelaksanaan Akta ini bukan sahaja akan merangsangkan aktiviti pembiakbakaan tempatan bahkan akan menggalakkan pengimportan varieti-varieti baru yang berkualiti dari luar negara, bermakna negara luar begitu *confident* dengan kita sebab ada Akta ini.

Akta ini selain daripada melindungi varieti baru yang dicipta juga mempunyai peruntukkan khas untuk melindungi varieti-varieti tempatan atau *indigenous variety* yang akan muncul dari masa ke semasa. Negara-negara Asia yang mempunyai Akta ini adalah terdiri daripada Jepun, China, India, Indonesia, Thailand, Vietnam dan Filipina. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal 1 hingga 60** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih di atas segala kerjasama sepanjang persidangan Dewan kali ini dan dengan itu saya tangguhkan Dewan sehingga suatu masa yang akan ditetapkan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.44 petang.***